

MOHD SAYUTI OMAR

SUMPAH

DAN AIRMATA

Reformis Bangsa

TINTA MERAH
Kuala Lumpur
1998

MOHD SAYUTI OMAR

SUMPAH

DAN AIRMATA

Reformis Bangsa

MOHD SAYUTI OMAR

SUMPAH DAN AIRMATA, REFORMIS BANGSA

© MOHD SAYUTI OMAR

Cetakan Pertama: Oktober 1998

Cetakan Kedua: Oktober 1998

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal atau dipindah sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada dengan cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya dengan terlebih dahulu mendapat Izin daripada Penerbit

ISBN : 983-9032-18-16

Penerbitan:

TINTA MERAH

304, Blok A1, Seksyen 4,
Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur,
Malaysia.

M

965576

23 DEC 1998

Perpustakaan Negara
Malaysia



Selagi darah masih mengalir, nadi masih berdenyut... perjuangan mesti diteruskan.

Jasad tuan di dalam penjara,
Jiwa tuan di hati hamba;
Api reformasi terus menyala,
Tidakkan padam sebelum berjaya.

Muqaddimah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



SALAWAT dan salam ke atas Junjungan Agung Nabi Muhammad SAW, Rasul yang diutus dan diamanahkan Allah untuk membawa kesejahteraan kepada seluruh umat manusia didunia dan akhirat. Salawat dan salam juga kepada para tabi'in, aulia dan ambia' yang menjadi penerus kepada perjuangan suci lagi hakiki yang rela mengorbankan harta, masa serta nyawa demi menegakkan kalimah syahadat di atas muka bumi ini. Sesungguhnya keterusan api Islam yang menerangi alam raya ini adalah hasil pengorbanan besar mereka.

Saya memanjatkan syukur kehadrat Allah SWT kerana Sir dan Tajalli-Nya serta Taufik dan Hidayah-Nya, dalam jangka masa yang amat terbatas dan terdesak, dapat juga saya siapkan penulisan buku ini sebagai satu sumbangan kecil saya kepada agama, bangsa dan negara, khusus dalam konteks isu yang wujud hari ini.

Dalam mengerjakan penulisan buku ini saya benar-benar didesak dan dikepung oleh dua keadaan yang sungguh sukar untuk dilangsaikan. Pertama masa, dan kedua gelodak jiwa yang kencang untuk mendedahkan apakah sebenarnya yang berlaku disebalik tragedi pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kabinet dan UMNO pada 2 dan 3 September 1998. Sebab musabab, rahsia dan kemesterian disebalik tragedi itu benar-benar meragut minda dan menggelisahkan saya. Saya tidak yakin (dan saya percaya orang lain juga) ianya berlaku di atas landasan dan kaedah yang benar. Kerana jika ia berlaku menurut prosedur dan amalan biasa pemecatan itu mungkin tidak berbangkit dan dibantah demikian rupa oleh segenap lapisan rakyat. Hari ini semua lapisan masyarakat bangkit menyatakan bantahan mereka terhadap tindakan itu. Orang ramai bangkit bukan lagi dengan menuara rasa ketidakpuasan mereka di warung-warung kopitiam, dalam teksi, di airport, *coffee house*, tetapi secara fizikal melakukan demostrasi aman di mana-mana.

Perkembangan itu menjadikan jiwa saya terus memberontak menghadapi isu ini yang belum pernah terjadi sebelumnya. Dalam pada itu perasaan takut dan bimbang datang silih berganti ke dalam diri, dan ada ketikanya ia menjadi "hantu" mengusik keberanian dan tanggungjawab saya sebagai manusia untuk memperkatakan apa yang saya kira benar. Tetapi atas kesedaran dan rasa responsibiliti - bahawa sesuatu yang benar itu hendaklah didedahkan walau bagaimana pahit sekali pun - menyebabkan saya hindarkan sahaja bayangan kegerunan itu dari diri dan mengambil risiko terhadap apa yang bakal berlaku. Dalam masalah ini, yang pastinya saya tidak mahu disamakan dengan orang lain khasnya sesetengah pemimpin UMNO yang lari lintang pukang apabila semak kecil yang menjadi kloni mereka

terbakar tanpa memperdulikan soal nasib anak-anak dan harta benda yang lain. Pada saya pemimpin yang mementingkan diri sendiri adalah pemimpin yang bacul!

Terbetik di dalam kepala adalah berdosa kalau sesuatu yang benar itu tidak didedahkan, dan membiarkan orang ramai terus meratah kemungkaran dan kebatilan tanpa ada usaha untuk membatasinya. Sebagai hamba fakir yang diberikan sedikit pengetahuan saya merasakan bertanggungjawab melakukannya. Betapa sulit sekalipun untuk mendapat maklumat, dan kadang-kadang membahayakan diri, terpaksa juga dilakukan. Saya menjadikan kesulitan dan kepayahan itu sebahagian daripada cabaran dalam mengatakan yang haq.

Pada saya isu pemecatan Anwar perlu diberi perhatian berat. Bukan saja ia merupakan satu sejarah pilu terbesar kepada negara, tetapi kerana timbulnya beberapa hal yang tidak masuk akal di sebalik pemecatan itu. Alasan dan dakwaan yang dihemburkan itu bukan saja amat melampau, dan bertujuan untuk merosakkan karier politik Anwar, tetapi ianya juga turut menjejaskan kredibiliti kepimpinan Islam dan juga keperibadian bangsa Melayu. Tidak dapat tidak, apabila seorang pemimpin yang tercermin dengan imej Islam dan mempunyai jatidiri yang kuat apabila beliau disangkutkan dengan soal-soal rendah moral ia turut memalitkan imej yang buruk kepada bangsa dan agama.

Bertolak dari keadaan itu maka kita merasakan seperti ada sesuatu perancangan yang begitu canggih dalam penyingkir TPM dan TP UMNO itu. Bagi saya penying-kiran ini sama dengan modus operandi untuk memasukkan Anwar ke dalam UMNO 16 tahun lalu. Cuma perbezaannya perancangan ‘mensyahadatkan’ itu disetujui

oleh beliau, manakala perancangan untuk ‘memurtadkan’ ini tidak disenangi. Itu sahaja kelainannya, tetapi maksud dan tujuannya sama iaitu untuk kepentingan orang tertentu.

Perancangan untuk membawa masuk Anwar ke dalam UMNO 16 tahun lalu atas motif untuk melemahkan gerakan Islam dan sekaligus menjadikan Anwar sebagai alat untuk menentangnya kerana gerakan Islam ketika itu begitu dominan dan mendapat tempat. Sementara perancangan menyingkirkan beliau awal bulan lalu juga mempunyai tujuan dan maksud tersendiri. Apa yang dapat dilihat, ia didalangi oleh musuh-musuh Islam dengan memperalatkan pihak-pihak tertentu yang merasai bimbang dengan prinsip dan idealisme perjuangan Anwar boleh menganggu agenda peribadi mereka. Mereka amat takut dengan kenaikan Anwar dan justeru Anwar harus dihapuskan dengan apa cara sekalipun

Terus terang dikatakan saya bukan taksub untuk membela sesiapa. Dan setiap pebelaan itu hendaklah berdasarkan kebenaran mutlak, dan bukannya kerana tuntutan-tuntutan lain, seperti keterpaksaan untuk menjaga kepentingan diri, kedudukan pangkat ataupun sebagainya. Itu tidak menjadi masalah dan juga perhitungan utama kepada saya. Malah Anwar pernah menjadi mangsa kritikan saya lama sebelum ini.

Juga tidak wujud istilah membela secara membuta tul. Kenapa kita harus memberi simpati dan menyatakan keterkilan dengan tindakan pemecatan itu ialah kerana, Anwar seorang tokoh yang memang terkenal memiliki peribadi soleh. Idealismenya mengagumkan semua orang tanpa mengira warna kulit dan bahasa percakapan. Sejarah perjuangannya hampir 30 tahun menjelaskan perkara ini.

Rekod peribadinya tidak pernah menunjukkan beliau seorang yang *immoral* ataupun bersubahat dengan kerja-kerja mungkar.

Beliau disanjung selama ini kerana mempunyai wawasan yang jelas, mempunyai misi global untuk pembangunan ummah dan negara. Karismatik beliau seorang pejuang juga begitu dominan sekali. Dan atas sebab kecemerlangan dan kehebatan karismatik itulah maka UMNO merebutnya pada tahun 1982.

Sepanjang 16 tahun dalam UMNO Anwar ternyata tidak banyak membuang masa daripada terus melakukan reformasi sikap dan minda ke atas ahli-ahli UMNO. Beliau melakukan pembaharuan demi pembaharuan sehingga meletakkan UMNO sebagai sebuah parti yang mempunyai jatidiri. Sebagai seorang pejuang soal-soal keadilan, kepentingan rakyat dan agama beliau berkerja keras melakukan reformasi (*islah*) dengan menegakkan unsur-unsur berkenaan didalam parti dan kerajaan.

Kecemerlangan Islam didalam UMNO bolehlah dikreditkan kepada Anwar, kerana sebelum kemasukannya di dalam UMNO, parti itu sedikitpun tidak menggambarkan ianya sebagai sebuah organisasi yang dianggotai oleh orang Islam.

Sehubungan itu kegemilangan Anwar begitu menyerlah sekali. Bintangnya cukup bersinar sehingga dalam keadaan-keadaan tertentu ia telah mengerhanakan masa depan tokoh-tokoh lain yang berambisi untuk menerajui pemerintahan negara. Perkembangan ini secara sedar atau tidak telah menyebabkan timbul perasaan cemburu dan iri hati tokoh-tokoh lain kepadanya. Bertolak dari fenomena inilah juga wujudnya usaha dan idea dari

orang yang dengki agar beliau disingkir.

Kecepatan proses penyingkiran beliau itu ditambah lagi dengan sikap semulajadi Anwar yang tidak mudah kompromi dengan kejahanatan dan penyelewengan. Beliau pula berani menentang sesiapa sahaja, asalkan beliau berada di atas landasan yang benar. Tindakannya melawan Dr Mahathir dan enggan patuh di atas kehendak Perdana Menteri - orang yang paling berani itu, disamping ia menggambarkan siapa dia sebenarnya Anwar, tetapi sikap dan tindakan itu juga mempercepatkan lagi prsoses penyingkirannya.

Percayakah kita kepada segala tuduhan-tuduhan dan dakwaan ke atas Anwar itu? Saya sering kali menyatakan sesiapa pun di kalangan kita bukan maksum. Kita terdedah kepada unsur-unsur jahat pada bila-bila masa dan di mana-mana juga. Di dalam diri kita juga sudah wujud syaitan dan malaikat. Dalam diri kita tersembunyi sekeping daging yang bernama hati. Sekiranya seketul daging itu baik, maka akan baiklah seseorang itu.

Begitu juga dengan Anwar. Beliau juga tidak terlepas daripada disimbah dan tersimbah dengan perkara-perkara maksiat dan perbuatan mengundang dosa kecil dan besar. Tetapi apa yang menjadi persoalannya, ialah kenapakah "pandangan" (*paranoid*) terhadapnya dibuat secara melulu. Sebelum mahkamah membenarkan dakwaan itu, pihak Presiden sudah pun menghukumnya!?

Penghukuman demikian dikira zalim dan sangat tidak adil. Ia bukan sahaja tidak menuruti kehendak agama, tetapi turut membelakangi peraturan perlombagaan parti dan negara. Satu penganiayaan yang melampaui batas normal-normal kemanusiaan. Kita meragui dan menolak kebenaran

dakwaan itu bukan sahaja ia bercanggah dengan nilai keadilan manusiawi, tetapi atas keyakinan jika seseorang itu melakukan kesalahan beliau akan dibayangi dosa-dosa kesalahan dan hakikat ini tidak boleh dinafikan. Sebaliknya apa yang dapat dilihat Anwar tidak seperti orang bersalah. Beliau tampil menemui rakyat dengan tegas dan berani. Sekiranya beliau berada di pihak salah, tidak mungkin beliau rela dan dapat berdiri dengan penuh keyakinan berhadapan dengan rakyat.

Penampilan beliau itu sehingga sanggup dipenjarakan membuktikan bahawa beliau masih belum bersalah. Tidak wajar kalau beliau sudah dihukum dan dianggap sebagai penjenayah apa lagi seorang banduan. Berdasarkan realiti inilah, maka saya terbangkit untuk memperkatakan mengenai isu itu di dalam buku ini. Memberi penjelasan, analisis dan komen seadil-adilnya tanpa begitu sentimen kepada sesiapa.

Lantaran rakyat tidak dapat menerima hakikat itulah, maka segenap lapisan masyarakat kini bangkit menyatakan bantahan kepada tindakan pihak-pihak tertentu dan membela agar beliau dibebaskan. Hari ini semua rakyat merintih terhadap penyeksaan dan penganiayaan yang dilakukan ke atas Anwar. Semua rakyat "murih" di atas kekejaman dan kezaliman serta pencabulan hak-hak asasi warganegara yang dijamin oleh Perlembagaan. Hari ini mereka sudah bangkit tanpa mempedulikan tentang ugutan dan nasib diri. Sudah lebih 150 orang telah ditangkap dan didakwa kerana pembabitan dalam tunjuk-tunjuk perasaan. Percayalah gelora dan wap kemarahan rakyat tidak akan berakhir selagi keadilan, kebenaran dan kebebasan tidak ditegakkan.

Perlu juga ditegaskan simpatis saya terhadap bekas TPM itu bukan kerana taksub kepada peribadi dan batang tubuhnya, tetapi kerana segala ketidak-adilan, penganiayaan dan fitnah yang melampau ke atas dirinya. Harus diingat sesiapa yang memperjuangkan batang tubuh Anwar orang itu akan kecewa kerana Anwar bukan dewa suci. Sebaliknya apa yang harus diperjuangkan ialah semangat, iltizam dan nawaitu Anwar untuk melakukan reformasi.

Harapan saya semoga buku kecil ini akan dapat memberi gambaran dan huraian sebenar terhadap isu yang sedang hangat pada masa ini. Setidak-tidaknya buku ini dapat memberi penjelasan kenapa dan mengapa Anwar dianiaya sampai begitu azab sekali. Secara tidak langsung buku ini juga turut mendedahkan siapakah konspirator di sebalik isu pemecatan itu.

Saya cukup sedar pendedahan buku ini jauh dari cukup kerana hal-hal yang saya sebutkan terdahulu tadi, tetapi setidak-tidaknya ia memberi sedikit bahan untuk dijadikan renungan dan untuk menetaskan ‘akarfikir’ bagi mencari punca lebih jauh dan benar lagi untuk kebaikan bersama.

Atas “sempurnanya” (selamat siap dan diterbitkan) buku ini saya ingin merakamkan rasa bertuahnya saya dalam mengerjakan buku ini kepada anak-anak; MOHD ELHAM, ERMA ESMAH dan EZA ELHANIS dan isteri, NAIMAH HJ YAACOB kerana mendapat pengertian cukup baik dari mereka semua. Sepanjang menulis buku ini saya telah mengorbankan masa tenang mereka dan menjadikan mangsa kegelisahan dan keserabutan saya. Lebih dua minggu saya meninggalkan mereka, membiarkan urusan rumah tangga dijagai oleh isteri.

Pengertian mereka itu satu hadiah paling besar dan bermakna dalam membantu saya untuk mengimplementasikan perjuangan selaku penulis. Untuk isteri percayalah, segala gangguan itu tidak merubah keputusanku dan ia menguji sejauh mana kesabaranmu berganding hidup dengan seorang aku. Kepada ERNNY ERNIATI, ayah minta maaf kerana tidak sempat untuk melayani kamu seperti ayah-ayah yang lain.

Begitu juga saya tidak akan melupai budi dan pengorbanan sahabat dan teman-teman terutamanya yang menjadi pengawal, pembantu dan pendorong semangat di sepanjang penulisan buku ini terutamanya, Ibrahim (Datuk), Wyda, Azima, Mus, Syed Yusof, Idris dan lain-lain. Segala budi, bantuan dan sokongan anda tidak akan terbalas oleh saya. Apa yang termampu saya mendoakan semoga Allah menghadiahkan sebuah pertemuan untuk kita di dalam JANNAH.

Selamat membaca!



MOHD SAYUTI OMAR

Kuala Lumpur

26 September 1998.

e-mail: sayuti@pd.jaring.my

Isi Kandungan

i. MUQADDIMAH	i
1. ANWAR TERSINGKIR KERANA KONSPIRASI	1
2. TRAGEDI 2 SEPTEMBER 1998	21
3. 3 SEPTEMBER YANG MEMILUKAN	43
4. MENGAPA ANWAR DIPECAT ?	55
5. DI ANTARA KASIHAN DAN KEBENCIAN	83
6. REAKSI PELBAGAI PEMIMPIN EKORAN PEMECATAN ANWAR	95
7. DR. MAHATHIR DIKEJAR BAYANG SENDIRI	103
8. SIAPA KHALID JAFRI ?	117
9. SIAPA DAIM ZAINUDDIN ?	133
10. ANWAR SEORANG PEMBERANI	145
11. REFORMASI! REFORMASI! REFORMASI!	157
12. PENUTUP	175

Lampiran:

1. LAMPIRAN 1	195
2. LAMPIRAN 2	205
3. LAMPIRAN 3	216
4. LAMPIRAN 4	235
5. LAMPIRAN 5	241

BAB 1

ANWAR TERSINGKIR KERANA KONSPIRASI

DUNIA politik sudah tersohor sebagai satu wadah yang cukup kotor dan jijik. Sejarah politik negara ini sendiri sudah banyak merakamkan peristiwa dan juga kejadian-kejadian yang sadis, zalim dan kejam. Perkataan politik itu sendiri diterjemahkan dengan pelbagai makna dan analogi. Politik dalam bahasa Arab di panggil *as-Siasah*, yang bermaksud menyusun, mengatur dan mengurus dalam konteks pentadbiran sesebuah negara. Tujuan dan maksudnya suci dan bersih, tetapi orang yang memainkannya (penganut) saja yang kotor. Benar juga kata-kata itu. Mempersalahkan politik dan sistem demokrasi secara membuat tuli, adalah sangat tidak adil. Yang harus dipersalahkan adalah diri kita - orang yang menerima pakai sistem demokrasi itu. Apa yang perlu kita sedar, jika tidak ada sistem ataupun amalan demokrasi, ini bermakna tidak ada peluang kepada para pemain dan penganutnya untuk

melakukan kerja-kerja bejat. Dalam kata lain, sistem politik itu sendiri secara langsung menyediakan ruang untuk membolehkan berlaku atau terjadinya kebejatan dan kejahatan. Sama ada ia akan menjadi baik atau pun jahat terserah kepada manusia itu sendiri. Kerana sistem itu tidak menerima pakai peraturan dan hukum hakam Quran, maka ia begitu terdedah kepada segala bentuk kemungkaran apa saja yang sanggup dilakukan oleh manusia.

Almarhum Tuanku Abdul Rahman meninggalkan pesanan mengenai politik berbunyi; "*politic is the dirty game*". Menganalisis daripada kata-kata Tunku itu, dapat kita merasakan bahawa politik itu penuh dengan kejelekan, dan kesadisan. Tindakan-tindakan dan kegiatan-kegiatan *immoral* dan sebagainya. Ini semua berlaku ialah kerana kerakusan amarah manusia pelaku itu sendiri. Kerana itu bagi mereka yang bertakwa dan beriman jarang untuk menerima pakai sistem demokrasi yang ditaja oleh Zionis itu.

Justeru itu saya tidak mempercayai politik sekular sejak lama dulu. Politik demokrasi yang diamalkan di negara ini adalah didikan dan dilahirkan oleh Barat. Bapa yang melahirkan politik sekular ini di antaranya ialah Machiavilli yang mengasaskan politik - matlamat menghalalkan cara. Kenapa saya menolak dan tidak mempercayai kepada kejernihan dan kemurnian demokrasi? Alasannya terlalu *simple*; bagaimana mungkin kita akan mengharapkan akan lahir anak itik dari telor ayam atau sebaliknya. Maknanya, kesucian dan kejernihan hidup itu - dalam pemerintahan tidak akan tercapai menerusi sistem yang menghalalkan apa juga cara demi mencapai matlamat! Sistem yang baik itu mesti lahir daripada aktifiti-aktiviti, tindakan yang suci dan murni, dalam konteks

tindakan dan keputusan yang diredhai Allah.

Lantaran itu kita tidak perlu merasa gusar kalau didalam politik itu wujud berbagai elemen jahat dan perilaku rendah moral. Para penganut politik sekular tidak terikat dengan tegahan agama dan larangan adat dan budaya. Mereka akan lakukan apa sahaja demi mencapai matlamat mereka. Mereka bukan sahaja sanggup berbohong, menipu, memfitnah, malahan membunuh pun mereka akan lakukan jika keadaan sudah terdesak dan terpaksa. Apa yang harus difikir dan diutamakan ialah kemenangan dan kepuasan jiwa. Mereka akan menggunakan apa sahaja cara asalkan cita-cita tercapai.

Asas sistem politik atau demokrasi itu sendiri bermula daripada falsafah kuno Yunani, iaitu makan, berhibur dan sex. Sistem itu sendiri diguna pakai untuk menyuburkan tiga unsur berkenaan. Sesiapa yang menerima sistem itu dan tidak tergamak untuk menuruti dan mengimplimentasikan ketiga unsur itu ia akan menghadapi masalah atau pun dilema dalam jiwanya.

Sejarah kekejaman dan kezaliman politik sekular negara ini sudah banyak berlaku. Kejadian-kejadian yang berlaku di masa silam merupakan cermin cukup berguna untuk kita menilai sejauh mana baik dan buruknya perangai dan feel tindakan orang politik. Namun sayang, cermin hikmah ini jarang dijadikan iktibar oleh kita semua. Kita cepat melupai sesuatu yang berlaku itu apabila kita sudah merasa senang ataupun apabila diayun dengan buaian yang beralaskan tilam empuk dan diiringi dengan lagu-lagu bobot yang merdu.

Sejak merdeka hingga ke hari ini, sudah banyak tokoh-tokoh politik dan pejuang kita jatuh dan tersungkur menjadi

mangsa konspirasi atau pakatan sulit yang amat busuk. Kejatuhan mereka itu baik disebabkan kelalaian diri mereka sendiri dan juga kerana diasak atau didesak oleh musuh mereka. Tidak kurang juga yang jatuh kerana konspirasi fitnah, pembohongan, penipuan dan tekanan dan sebagainya yang dilakukan dengan penuh kezaliman tanpa berhati perut.

Ini bukan omongan ataupun satu bohongan untuk menakut-nakutkan, tetapi ia adalah realiti dan satu hakikat yang sudah dirakam oleh sejarah. Kejadian yang menimpa Allahyarham Abdul Samad Goh Ahmad Mianji, ahli parlimen PAS, Pasir Mas Hilir pada tahun 1967, dimana kepalanya ditetak dengan kapak sehingga mati, dan kejadian yang menimpa Datuk Taha, wakil rakyat Negeri Sembilan, merupakan satu *memory politik* yang kejam di negara ini. Dua peristiwa itu menjadi batu tanda kepada tragedi hitam dan berdarah dalam arena politik negara. Tidak terfikir oleh orang Melayu beriman, akan ada kejadian seumpama itu. Tetapi tidak menghairankan, kerana mereka memilih sistem itu - matlamat menghalalkan cara, apa juar bisa dilakukan.

Pembunuhan kedua-dua ahli politik itu adalah merupakan satu tindakan yang cukup kejam dan zalim yang pernah dicatat di negara ini. Walaupun kejadian seumpama itu sudah lama bermaharajalela di negara Barat, tetapi ia merupakan satu fenomena baru di negara ini menyebabkan kita terkejut besar ketika itu. Fenomena yang membenih di awal tahun 70an itulah yang merebak dan membesar sampai ke hari ini dan mula menjadi darah daging ke dalam politik bangsa Melayu.

Selain dua peristiwa itu, masih banyak kejadian-kejadian yang melibatkan pertumpahan darah dan

tercabutnya nyawa tokoh politik di maya negara ini. Pada tahun 1986 sewaktu berlangsung pilihanraya kecil di Kedah, seorang penyokong PAS telah terkorban. Kejadian ini berlaku di Felda Lubuk Merbau. Dan kejadian pukul memukul sudah merupakan satu amalan dalam setiap pilihan raya kecil di negara ini.

Selain itu banyak lagi kejadian-kejadian yang ngeri untuk disebutkan yang ada kaitan dengan motif politik. Peristiwa Memali tahun 1986 misalnya, merupakan satu peristiwa yang masih segar bugar di dalam ingatan umat Islam negara ini dan tidak sunyi dari diperkatakan. Di mana kerana demi untuk mengukuhkan kedudukan dan kuasa seramai 18 orang Islam yang tidak berdosa telah menjadi korban termasuk ketua mereka Ibrahim Mahmud. Apapun alasan yang diberikan kenapa tercetusnya peristiwa itu, ia tidak dapat lari daripada adanya kaitan dengan kepentingan politik pihak berkuasa.

Selain itu juga dunia politik turut merakam sejarah kejatuhan tokoh-tokoh secara jijik dan tidak bermoral yang begitu kontradik sekali dengan tata budaya bangsa dan juga hukum hakam agama. Dunia politik Melayu juga tidak dapat dipisahkan dengan hal-hal bida'ah dan tasyul. Semata-mata hendak mengekalkan kuasa ataupun menundukkan lawan, ahli politik kita rela habis berjuta-juta ringgit bertemu dengan bomoh dan pawang yang kononnya dapat memenuhi segala kehendak mereka. Apabila keimanan sudah lopus dari dada, maka jalan yang sesat itu pun digunakan juga. Natijah daripada kepercayaan karut mereka, ada yang akhirnya terkorban.

Tragedi yang menimpa Adun Batu Talam, Pahang, Datuk Mazlan Idris yang dibunuh kemudian jasadnya

dikerat 18 membuktikan orang politik sanggup melakukan apa sahaja demi kuasa walaupun nyawa sendiri terkorban. Mazlan rela bersekongkol dengan konspirasi pasangan bomoh Mona - Fendy atas tujuan untuk mengukuhkan kedudukan dan kuasa, yang akhirnya menyebabkan nyawanya melayang. Jasadnya yang dikerat 18 ditimbuskan di dalam satu lubang di dalam rumah pasangan bomoh berkenaan. Kejadian itu merupakan pertama kali berlaku di negara ini dan sungguh menggemparkan.

Itulah cuplikan sejarah dan variasi politik negara kita yang sempat diingat. Ia bukan satu dongengan tetapi satu kenyataan yang jelas berlaku di hadapan mata. Sebab itu kita tidak perlu merasa hairan dengan orang politik. Demi mencapai kedudukan, mengekalkan kuasa dan menundukkan orang yang mereka cemburu dan benci, mereka akan melakukan apa sahaja. Perasaan kemanusian, takutkan kepada balasan Allah S.W.T. sudah tidak ada di dalam diri mereka.

Justeru itu apabila kita kembali kepada masalah dan isu yang menggemparkan negara dan dunia hari ini, iaitu pemecatan Anwar Ibrahim dari jawatan TPM, Menteri Kewangan dan juga selaku Timbalan Presiden UMNO, dan seterusnya dipecat dari parti yang dianggotai selama 16 tahun itu, sebenarnya sedikit pun tidak menghairankan. Dalam konteks dan asam garam politik sekular, peristiwa itu adalah biasa sahaja.

Bagi para pengikut fahaman bikinan syaitan itu (sekular) baik Dr Mahathir atau sesiapa sahaja merasakan tindakan ke atas Anwar itu tepat dan wajar. Mereka dengan sengaja berbuat begitu demi memastikan kedudukan mereka tidak tergugat. Jatuh menjatuh adalah perkara biasa dalam

dunia politik. Mereka cukup faham, jika mereka tidak tergamak untuk "membunuh" Anwar, kemungkinan jika Anwar naik dan menguasai tampuk pemerintahan kelak, mereka akan dipancung oleh Anwar. Percaya dan yakinlah; "*Sumpah dan janji orang politik tidak boleh dipercayai, tetapi jangan merasa mustahil dengan tindakan orang politik*". Kerana itu sebelum terlambat mereka perlu berani mengambil tindakan, walaupun tindakan itu tidak popular dan disenangi oleh orang lain.

Jika kita menoleh dan mengambil iktibar ke atas peristiwa yang menimpa Anwar hari ini, ia merupakan sebahagian dari kekejaman dan kezaliman yang lahir dari sistem politik sekular disebut tadi. Nasib yang dialami oleh Anwar itu merupakan rangkaian-rangkaian kezaliman politik demokrasi yang berteraskan kepada fahaman sekular dan semangat kesyaitanan yang dilaknat Allah. Kita tidak hairan kerana syaitan sudah berjanji dengan Allah bahawa dia akan terus melakukan porak peranda dan kezaliman di atas muka bumi ini. Jadi tidak anehlah kalau kita merasakan tindakan yang dikenakan ke atas Anwar itu sinonim dengan tindakan syaitan.

Bertolak dari itu juga kita tidak perlu merasa kaget dan juga aneh apabila Anwar mendakwa kejatuhan beliau itu kerana ada konspirasi. Dakwaan itu sedikit pun tidak memelikkan. Memang dalam perkara ini konspirasi tidak dapat dielakkan. Yang jelasnya mereka yang menyokong Mahathir dan menjadi musuh Anwar sangat suka dengan tindakan itu kerana ia boleh menyelamatkan mereka.

Dalam kenyataan mempertahankan dirinya selepas beberapa jam dipecat, Anwar mendakwa wujud konspirasi di peringkat tertinggi untuk menjatuhkannya. Menurutnya

ada empat elemen di dalam konspirasi itu. Elemen itu ialah skandal sex, rasuah, membunuh dan menjadi agen Yahudi. Dakwa Anwar lagi pakatan itu dilakukan oleh peringkat atasan yang mempunyai kepentingan peribadi, dan mereka itu adalah yang rapat dengan Perdana Menteri.

"Bahawa memang ada pakatan konspirasi politik yang digunakan diperingkat tertinggi untuk menjatuhkan saya, dan tidak ada alasan yang munasabah, tiadak ada kesediaan dan keberanian untuk menghadapi proses demokratik dalam pemilihan parti, maka dipilih cara yang paling kotor dan jijik menggunakan jentera Kerajaan dan instrument Kerajaan untuk memfitnah, mengesahkan fitnah." demikian tegas Anwar dalam kenyataan akhbar pada 3 September 1998.

Walaupun dalam kenyataan itu nama-nama mereka terlibat tidak disebut, tetapi ia sudah lama tersebar luas. Antara mereka yang dikaitkan ialah terdiri daripada menteri kabinet, ahli majlis tertinggi UMNO dan mereka yang rapat dengan Perdana Menteri. Nama-nama yang meniti dari bibir ke bibir hari ini ialah Daim Zainuddin, Megat Junid, Sanusi Junid dan Aziz Shamsuddin, Setiausaha Politik Perdana Menteri. Pembabitan Megat Junid disahkan sendiri oleh PM apabila namanya disebut secara tidak sengaja semasa mesyuarat MT UMNO pada 3 September 1998. Dr Mahathir menyebut diantara orang yang menyampaikan maklumat mengenai Anwar ialah Megat Junid. Itulah para konspirator. Mereka ini dibantu dengan aktif oleh beberapa yang lain seperti Rahim Tamby Chik, Ghafar Baba, Ibrahim Ali, Ghazali Shafei dan bekas penyokong parti Semangat 46.

Adalah tidak aneh kalau nama-nama yang dituduh itu terlibat dalam konspirasi yang disebutkan tadi kerana orang-

orang itu ada kepentingan tersendiri. Daim misalnya memang tidak suka kepada Anwar kerana Anwar tidak akur kepada tuntutannya mengenai ekonomi. Begitu juga dengan Megat Junid yang merasa gerun apabila Anwar berkuasa kelak kerana masalah yang dihadapinya. Sementara Sanusi dan Aziz Shamsuddin pula mempunyai agenda tersendiri ke atas negara ini. Kita tidak merasa hairan jika Sanusi dibabitkan dalam konspirasi itu. Sanusi memang sinonim dengan kerja-kerja yang tidak terfikir oleh orang. Menteri Besar Kedah itu juga tidak merasa berdosa untuk melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan aqidah Islam. Dendamnya terhadap Anwar terbuku sejak tahun 1990 lagi. Untuk menghancurkan Anwar, beliau sanggup melakukan apa saja. Tahun 1990, Sanusi pernah bersumpah tidak terlibat dengan pengedaran buku '*Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti*' yang ditulis oleh saya (Mohd Sayuti Omar).

"Jika saya telah membayar atau saya tahu ada orang yang membayar walau satu sen sebagai upah untuk menulis buku ini dan jika saya telah membelanjakan atau membenarkan perbelanjaan atau mengetahui adanya orang yang membelanja wang bagi pihak saya untuk membeli walaupun sebuah buku tersebut, maka demi Allah sia-sialah hidup saya dan batallah aqidah saya." Begitulah sumpah Sanusi pada 2 Disember 1990. Sanusi boleh menipu para perwakilan UMNO dan pemerhati, tetapi beliau tahu hanya saya seorang sahaja yang tahu apakah aqidahnya rosak ataupun tidak. Kalau menurut kata Datuk Ishak Baharom, jika seseorang bersumpah dengan nama Allah sedangkan sumpah itu tidak betul, maka aqidahnya ternyata rosak.

Apapun yang menariknya ialah apakah motif di sebalik konspirasi itu. Kenapa sampai begitu sekali mereka

sanggup bertindak? Kenapakah sampai tegal melakukan begitu kepada Anwar? Apakah sudah tidak ada jalan lain lagi untuk menjatuhkan Anwar sekiranya mereka teramat membencikan Anwar. Hukuman yang dihumbangkan ke atasnya tidak setimpal dengan dakwaan yang dikatakan itu.

Bercakap sebagai orang Melayu beragama Islam yang kaya dengan adat tidak wajar agenda konspirasi dilakukan demikian rupa. Dakwaan dan tuduhan ke atas Anwar adalah amat mengaibkan sekali. Keaiban itu bukan sahaja dirasai oleh Anwar tetapi seluruh orang Melayu di rantau ini. Dimanakah rasional dan letaknya keimanan mereka yang bertindak demikian. Bukankah pendedahan itu telah menodai martabat dan ketinggian tata susila bangsa Melayu?

Jika mereka yang bersekongkol dalam konspirasi itu mempunyai setitik keimanan, sudah tentu mereka tidak akan tergamak berbuat demikian. Mereka perlu sedar, kejatuhan Anwar bukan merupakan satu kemenangan mutlak. Apa lagi dalam konteks politik Melayu, ia bukan boleh dicatat sebagai satu kejayaan kegemilangan yang perlu diraikan. Kita merasa amat kesal kepada mereka yang terlibat sehingga jatuhnya Anwar

Kita menimbulkan ini bukan bermakna kita merasakan Anwar tidak bersalah? Bukan! Sebagai manusia Anwar tetap ada kesalahan dan tidak sempurna. Begitu juga dengan Dr Mahathir sendiri banyak ketidaksempurnaan dan kecacatannya. Tetapi adalah malang sekali kalau kecacatan yang sedikit itu dipergunakan untuk melondegkan keburukan yang masih bersifat fitnah. Amat dikesali sekali. Apa yang lebih malang lagi Dr Mahathir tidak keseorangan di dalam agenda memburukkan Anwar ini. Tidak cukup

mengheret ahli Majlis Tertinggi UMNO, beliau turut sama mengheret ahli-ahli UMNO dan rakyat jelata untuk sama-sama menyanyikan lagu rendah moral Anwar. Bukan setakat itu sahaja apabila Mahathir membincangkan soal moral Anwar di hadapan *public*, maka seluruh rakyat mengetahuinya dan turut sama memperkatakannya walaupun mereka tidak mengetahui hujung jatuh tujuan Mahathir itu.

Apakah beliau tidak sedar perkara ini betapa ianya bukan sahaja boleh mengaibkan Anwar, tetapi turut sama memalitkan noda dan dosa kepada seluruh orang ramai yang termakan dengan propagandanya. Sepatutnya Mahathir tidak berbuat begitu. Beliau kena ingat dan insaf kepada firman Allah yang bermaksud; "*Sesungguhnya orang yang ingin agar (berita) yang amat keji itu tersiar di kalangan orang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan akhirat.*" Surah An-Nur 24:19.

Dakwaan dan fitnah yang dilemparkan ke atas Anwar menimbulkan beberapa keraguan. Tuduhan itu bukan sahaja sukar untuk dibuktikan sebaliknya ia amat diluar pemikiran sama sekali. Bagi Anwar sendiri beliau menolak keempat-empat tuduhan itu dan menyifatkannya satu perbuatan yang direka-reka. Misalnya skandal seks yang dikaitkan itu sesuatu perkara yang payah untuk diyakini. Orang boleh meragui tuduhan seperti mana yang dipetik dari afidavit polis terhadap Datuk Nallakaruppan itu. Tuduhan itu sudah melampaui dan seperti diada-adakan sahaja. Banyak perkara yang tidak masuk akal sama sekali. Petikan afidavit itu benar-benar mencabar minda kita untuk menyakinkannya. Usahkan para Ustaz, lebai dan Imam, para pondan, GRO pun yang diajukan tentang perkara itu mereka tolak!

Nampak sekali pihak yang bencikan Anwar sengaja

merekacipta isu itu untuk memburukan Anwar. Seperti ada motif tersirat yang tidak boleh dimaafikan kenapa soal skandal seks itu dibangkitluaskan. Yang jelasnya mereka cuba memburukkan kredibiliti Anwar sebagai seorang tokoh idola Islam yang terhebat di dalam UMNO. Jadi untuk memancungkan kehebatan itu, satu-satu cara ialah dengan mengaitkan dengan soal seks, setelah mereka menyedari isu lain tumpul untuk menyerang Anwar.

Bagaimana pun dakwaan-dakwaan lain, walaupun tidak masuk akal tetapi ia boleh diambil fikir untuk mencari dimana kebenarannya. Mengenai agen Yahudi, rasuah, hanya kerajaan yang mempunyai maklumat yang tepat. Kemungkinan untuk wujudnya perlakuan "jenayah" demikian adalah sangat licik sekali.

Pun begitu timbul juga kemosykilan. Apakah dengan kedudukan sebagai seorang Perdana Menteri yang menguasai semua jentera kerajaan, termasuk polis, tentera, risik dan sebagainya Dr Mahathir tidak mengetahui sendiri kedudukan sebenarnya. Adalah salah kalau beliau hanya menerima laporan yang berunsur politik dan tidak membuat penyiasatan sendiri dengan penuh keadilan.

Jika kita melihat kepada perkara itu tidak mungkin Dr Mahathir tidak mengetahuinya. Sebagai seorang PM tentu beliau sentiasa diberi maklumat terkini mengenai perkembangan dan juga soal-soal keselamatan negara dan juga latar belakang anggota Kabinetnya. Bukankah kita mempunyai jentera keselamatan yang canggih? Lainlah kalau pegawai keselamatan sudah membelakangi beliau.

Berdasarkan itu adalah tidak munasabah kalau Mahathir tidak tahu menahu. Dalam hal ini apa yang kita nampak ia disengajakan dengan motif tertentu. Perso-

lannya kenapakah sampai begitu sekali Dr Mahathir bertindak untuk memalu dan menghinakan Anwar. Besar manakah dosa bekas timbalannya itu? Apakah Dr Mahathir tidak boleh mengampunkannya. Kalau Nabi Muhamad boleh ampunkan umatnya, apalah sangat dengan Dr Mahathir seorang hamba Allah biasa.

Bukan itu saja tindakan ke atas Anwar itu juga tidak adil. Proses tindakan itu bukan saja tidak menurut agama, tetapi membelakangkan perlembagaan parti sama sekali. Proses pemecatan Anwar itu begitu drastik dan dibuat dalam keadaan tergesa-gesa. Sepatutnya sebelum dipecat Anwar diberi tunjuk sebab kenapa beliau harus dipecat oleh Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan parti yang diketuai sendiri oleh Anwar. Disebabkan ketua Disiplin dan Pengurusan parti dipegang oleh Anwar, MT hendaklah melantik ketua baru. Selepas Anwar gagal memberi alasan barulah beliau boleh dipecat.

Apa yang berlaku MT membincangkan soal Anwar dalam masa tidak sampai enam jam dan terus menyingkirkannya. Alasan Anwar diberi penjelasan secukupnya tidak boleh diterima. Dalam keadaan tersebut begitu tentulah beliau tidak sempat untuk membuat pembelaan yang konkret.

Presiden juga tidak sepatutnya mempengaruhi ahli-ahli MT lain dalam proses pemecatan itu. Dr Mahathir sepatutnya adil dan saksama. Beliau sesekali jangan cuba mempengaruhi ahli MT lain. Tetapi apabila awal-awal lagi Dr Mahathir memberi isyarat agar Anwar dipecat dalam muqadimahnya membincangkan soal Anwar, keadaan itu tentu mempengaruhi ahli MT. Katanya dalam muqadimah membincangkan kedudukan Anwar pada mesyuarat MT

3 September 1998 itu, antara lain Dr Mahathir berkata; *"Kita tidak mahu orang yang rendah moral. Dan orang seperti ini tidak sepatutnya berada dalam parti. Dan dia hendaklah disingkirkan sahaja"*

Dengan ketegasan suara seorang Presiden sudah tentu ahli-ahli MT tidak berani membantahnya. Apa yang dapat kita tahu, hanya tiga orang sahaja yang memberi pandangan agar Anwar tidak disingkirkan. Mereka ialah Ketua Pemuda, Ahmad Zahid Hamidi, Dr Afifuddin Omar dan Dr Ibrahim Saad, manakala empat yang berkecuali. Zahid yang di anggap sebagai penyokong kuat Anwar mengingatkan kepada Presiden, tindakan untuk memecat Anwar perlu diteliti kerana ia boleh memberi kesan kepada UMNO dalam pilihanraya. Tapi ingatan ikhlas itu tidak dilayan, sebaliknya Dr Mahathir menjawab dengan angkuh, katanya UMNO boleh menang pilihanraya. Apa yang dinyatakan kononnya ahli MT sebulat suara dalam keputusan memecat Anwar sebagai Timbalan Presiden UMNO dan ahli UMNO adalah tidak benar sama sekali.

Anwar bukan sahaja tidak mendapat keadilan di dalam UMNO bahkan beliau juga seperti tidak mendapat keadilan dalam institusi perundangan negara ini. Tindakan Peguam Negara mendedahkan afidavit mengenai Datuk Nallakaruppan, dilihat sebagai cara untuk memburukkan imej dan maruah Anwar. Tidak pernah berlaku sebelum ini afidavit seseorang kena tuduh disebarluaskan begitu rupa sebelum ianya direkodkan oleh mahkamah.

Sekurang-kurangnya ada empat perkara yang meragukan kita mengenai tindakan Peguam Negara. Pertama ialah dalam kes Datuk Nalla ini, Peguam Negara telah menyalahgunakan kedudukannya iaitu menjadi

penasihat kepada penyiasatan polis. Kalau mengikut peraturan, beliau tidak boleh mencampuri urusan siasatan polis, dan cara itu menyebabkan beliau tidak layak menjadi Pendakwa Raya, beliau hanya layak menjadi saksi.

Kedua, afidavit tidak boleh didedahkan kepada umum untuk dipercayai kerana ianya merupakan keterangan pendakwa di mahkamah. Penyiaran afidavit itu juga boleh dipertikaikan kerana ianya masih belum lagi diterima oleh mahkamah, tetapi media massa sudah mencetak dan menyiarkannya. Disini juga berlaku penghinaan mahkamah oleh Peguam Negara dan media massa.

Ketiga, Peguam Negara telah tidak mematuhi prinsip membuat keputusan mengikut kuasa-kuasa di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan, dimana membuat andaian berat sebelah kepada Datuk Nallakaruppan, yang kesannya terkena kepada Anwar.

Keempat, fakta di dalam afidavit adalah fakta yang didengar dari orang lain, atau yang diambil daripada khabar-khabar angin dan rakaman percakapan dalam kertas siasatan, dimana ianya masih bersifat tomahan dan bukannya hukuman. Dari cara afidavit itu dibuat ia seperti sudah merupakan "tuduhan jelas".

Berdasarkan kepada kenyataan itu tidaklah salah kalau mengatakan konspirasi itu juga turut melibatkan Dr Mahathir sendiri dan pihak-pihak lain yang mempunyai kuasa tertinggi. Setidak-tidaknya Dr. Mahathir telah menjadi penasihat atau penaung kepada konspirasi berkenaan. Seandainya konspirasi itu tidak mendapat restu Dr Mahathir tidak mungkin para konspiratornya menjadi begitu berani sekali!



Inilah imej terbaru Dr Mahathir selepas selesai menjalankan tugas memecat Anwar dan menuduhnya melanggar undang-undang. Beliau terpaksa membina imej baru untuk menyakinkan rakyat bahawa dia masih boleh dipercaya. Bolehkah rakyat yakin dan percaya kepadanya lagi, kalau setakat tukar imej, tetapi tidak tukar prinsip perjuangan. Sedarlah rakyat kini sedang menuntut reformasi.

KENYATAAN AKHBAR DARI JABATAN PERDANA MENTERI

Adalah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, serta juga jawatan-jawatan lain yang dipegang oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar berkaitan dengan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Perlucutan jawatan-jawatan ini berkuatkuasa pada hari ini, 2 September 1998 mulai jam 5.30 petang.

Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telahpun dimaklumkan mengenai perlucutan jawatan berkenaan.

Jabatan Perdana Menteri
Kuala Lumpur

2 September 1998




Kenyataan Tiga perenggan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang "mewartakan" perlucutan jawatan Anwar dari Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan jawatan-jawatan lain



*Merenung jauh nasib suaminya dan
masa depan gerakan reformasi!*

*Ooo.... dahsyat permainan
dia orang... tidak terjamak
dan terfikir oleh kita. Takpaledi...
Allah Maha Besar, saya
sudah sedar nasihat
kawan-kawan 16
tahun lalu terbukti
hari ini.*





Rahim Nor, Ketua Polis Negara melenting apabila Anwar menyindir polis tidak profesional dan bertindak ala Mossad Israel dalam membuat siasatan kesnya. Rahim menganggapkan kata-kata itu sebagai sudah melampau dan celupar mulut. Disebelahnya Norian Mai timbalannya, sebam sahaja seperti tidak setuju dengan tindakan Rahim?

BAB 2

TRAGEDI 2 SEPTEMBER 1998



TANGGAL 2 September 1998 bukan sahaja akan dikenang oleh generasi yang ada hari ini, tetapi tanggal itu juga akan diingat dan dikaji oleh generasi yang akan datang dan seterusnya. Tarikh itu tidak akan dilupuskan dari minda sejarah ketamadunan dan politik Melayu di negara ini, bahkan seluruh Melayu di seluruh rantau ini. Tanggal 2 September kini telah tercatat di dalam sejarah bangsa Malaysia, sebagai satu tanggal yang cukup memilu dan mengejutkan. Satu tarikh yang sungguh mengejutkan, menyentak hancurkan tali sukma jiwa dan melumpuhkan seluruh pembuluh jantung. Tarikh itu akan dikenang sebagai satu detik yang banyak mengugurkan air mata bangsa Melayu, khasnya bagi mereka yang merindui akan mampirnya seorang mujadid di abad ini.

Seluruh jiwa di Malaysia hari ini tidak akan melupai detik tersebut. Satu detik di mana rakyat Malaysia merasakan mereka telah dihina dan dilempar dan

dilumurkan najis oleh pemimpin mereka sendiri yang sebelum ini mereka amat kasih dan kagumi. Satu tarikh amat menghiris urat kalbu dan memercikkan sejuta krikil-krikil keraguan yang amat sangat kepada kepimpinan negara yang diwujudkan melalui sistem demokrasi.

Pada tarikh itulah, atau tepatnya jam 5.30 petang, berakhirnya karier Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kewangan. Pada hari itu beliau dipecat sebagai TPM dan juga Menteri Kewangan. Pemecatan itu sungguh memilukan banyak pihak. Jantung mereka yang selama ini mengagumi Anwar sebagai tokoh reformis bangsa menjelang abad akan datang seperti terkoma buat seketika.

Sungguh mereka tidak dapat menerima berita perlucutan jawatan itu. Peristiwa itu satu sejarah di mana seorang pemimpin yang hanya menanti masa sahaja untuk dinobatkan, tiba-tiba terkehel dari singgahsana kekuasaan disebabkan fitnah dan hasad dengki. Perlucutan jawatan Anwar, sepertilah tertembaknya seorang penggantin yang sedang melangkah untuk naik ke pelamin.

Ramai orang yang tidak percaya peristiwa sedih itu akan berlaku. Banyak orang kebingungan setelah menerima hakikat perlucutan jawatan itu menerusi media massa, khasnya berita di televisyen pada sebelah malamnya. Pengumuman perlucutan jawatan Anwar itu dibuat menerusi kenyataan tiga perenggan oleh Jabatan Perdana Menteri menggambarkan ada sesuatu yang tidak kena, apa lagi surat perlucutan jawatan itu diserahkan oleh polis bukannya pihak KSN. Kenapa PM tidak membuat pengumuman sendiri seperti mana beliau mengumumkan perlantikan Anwar menjadi TPM dulu.

Bagi mereka yang sudah lali dan kesekian lama mendengar khabar angin mengenai kemungkinan Anwar akan meletakkan jawatan, tidak mudah untuk mempercayainya. Saya sendiri pun mulanya tidak percaya apabila mendengar laporan daripada teman saya, Ibrahim Hassim pada jam 2.30 tengah hari itu. Ketika itu saya sedang *breakfast* di kedai Syed Yusof.

Berita itu sungguh sedikit pun tidak mengejutkan saya malah menganggap perkhabaran itu sebagai gurauan sahaja.

"Imam... Pak Sheikh dah letak jawatan?" begitulah beritahu Ibrahim. Suaranya sayu dan lirih di hujung telefon, keterkejutan.

"Siapa cakap?" soal saya tidak percaya. Tapi perasaan cemas sudah mula bersarang di dada.

"Ada orang bagi tahu?" tekan Ibrahim serius.

"Jangan percaya, *confirm* dulu dengan orang yang boleh dipercayai?" pohon saya. Dalam hati tetap mendoakan mudah-mudahan berita yang baru dikhabarkan itu tidak benar. Bohong belaka hendaknya.

Saat itu juga saya menghubungi kawan-kawan yang menjadi sumber maklumat, untuk mengesahkan berita itu, sementara menanti laporan dan pengesahan seterusnya dari Ibrahim. Teh tarik yang dihidangkan oleh isteri Syed Yusof, sudah kedinginan. Selera makan tiba-tiba hilang.

"Anwar dah letak jawatan...", beritahu saya kepada Syed dan YB Haji Nordin yang ada bersama.

"Iya ke?" tekan Syed mahukan kepastian. "Kacau... ini sudah melampau..!" balas Syed. Tiba-tiba sahaja darah menyirap di mukanya. Jarang sekali saya nampak Syed

Yusof kelihatan begitu.

"Bila?" tanya Haji Nordin wajahnya juga tiba-tiba muram dan cemas. Sebelum ini YB Semangat 46 yang menyertai PAS itu sangat bimbang dengan perkembangan mengenai Anwar. Berita tentang kebejatan Anwar sudah tersebar luas termasuk di kawasannya, Kelaboran, Tumpat.

"Baru sekejap. Tetapi sabar dulu," balas saya sambil tangan menekan punat telefon menghubungi seseorang. Nombor yang di '*call*' tidak ada jawaban dan saya pindah ke nombor lain pula.

Tiba-tiba '*hand-set*' berdering lagi. Sekali lagi Ibrahim menghubungi; "Betul Imam, Pak Sheikh dah letak jawatan. Kawan saya yang bagi tahu..", balas Ibrahim, getaran suaranya semakin lirih. Saya tetap tidak yakin dengan maklumat itu. Terasa tidak kukuh apa yang Ibrahim perkatakan itu.

Kebetulan sore itu saya dan Syed ada temu janji dengan YB Ruhanie Ahmad, Pengurus MARA. Jadi tanpa banyak bicara saya mengajak Syed segera ke pejabat Run. Waktu itu juga 2.45 petang. Sepanjang perlajaran ke pejabat Run saya terus menghubungi teman-teman untuk mengesahkan berita itu. Syed terus membebek kacau... kacau. Sementara Haji Nordin di belakang diam membisu, kerohanian dan terkaget.

"Hallo, Man... ada apa-apa berita, Kata Anwar dah letak jawatan, ya ke?" saya menghubungi Kamaruzaman, Setiausaha Akhbar Pak Lah. Biasanya maklumat dari Kamaruzaman boleh dipertanggungjawab.

"Belum lagi... Jam 5.30 petang. Aku dah *list*kan nama kau. Nanti aku telefon kau!" terang Kamaruzaman. Nada

suaranya ceria. Memang Kamaruzaman suka sangat kalau sesuatu terjadi kepada Anwar. Keceriaan Zaman itu juga tentu menunjukkan keceriaan bossnya, Pak Lah.

Kira-kira puku 3.02 minit saya tiba di pejabat Run bersama Syed. Haji Nordin telah terpisah dengan kami. Saya terus masuk ke bilik PA Run, tetapi diminta menunggu sekejap di luar kerana ada orang di biliknya. Keadaan sungguh tidak tenang dan cemas. Tiga orang pegawai MARA yang duduk berhampiran kami sedang memperkatakan sesuatu mengenai Anwar. Dari cakap-cakap mereka itu, mereka melahirkan rasa tidak puas hati. Mendengar itu dapat kami bayangkan yang Anwar mungkin sudah meletakkan jawatan.

Setengah jam kemudian Run keluar dari biliknya menuju ke bilik mesyuarat yang terletak bertentangan dengan biliknya di tingkat 16 itu. Begitu melihat Run saya terus memanggilnya dan mendekati.

"Ti... maaf iya... Abang sibuk sikit", permisi Run. "Sekejap lagi...", sambungnya. Telatah Run nampak jelas sekali yang beliau dalam keadaan bermasalah. Semua langkah yang diatur tidak kena. Baru sekejap nak bergerak ke biliknya, dia berhenti dan memanggil saya masuk ke bilik mesyuarat.

"Apa... dia, Ti?" tanya Run. Rokok yang terlekat di bibirnya dikepah rakus.

"Macam mana dengan Pak Sheikh... kata dia dah letak jawatan? Benarkah?" saya tidak sabar mengajukan per tanyaan itu. Run mengenyit mata beberapa kali sambil menafikan perkhabaran itu. Saya merasa sedikit lega, mudahan apa yang diberitahu oleh teman tadi khabar angin semata.

Tidak sampai lima minit berurusan dengan Run, Run meminta permisi. Sewaktu hendak masuk ke biliknya dia memanggil saya dan membisik; "Sungguh Ti, Pak Sheikh dah letak jawatan!" jelas Run. Mendengar itu seluruh jiwa terasa luluh dan hancur. Terasa bumi berpusing ligat dan saya menjadi terhuyung hayang. Alam menjadi gelap gulita beberapa saat.

"Anwar dah letak jawatan!", bisik saya pula kepada Syed. Sekali lagi muka Syed menjadi pucat dan terkejut.

Tanpa banyak bicara kami meninggalkan Bangunan MARA dan menuju ke KLCC, di sana Syed ada urusan dengan temannya disitu. Sepanjang perjalanan, kami dibaham resah, cemas dan sedih yang amat sangat. Dalam pada itu tangan terus menekan punat telefon menghubungi kawan menghebahkan perkhabaran duka itu. Kebanyakan mereka yang dapat dihubungi menyatakan keterkejutan dan marah kepada tindakan yang berlaku.

Bukan sahaja saya banyak orang tidak percaya dengan apa yang berlaku. Walaupun sebelum ini berita liar mengatakan Anwar akan meletak jawatan sudah meluas, tetapi orang tidak dapat menerimanya. Orang tidak nampak apakah alasan untuk beliau berbuat begitu. Tidak ada sebab-sebab jelas kenapa Anwar harus disingkir.

Saya sendiri tidak dapat menerima hakikat kalau Anwar yang letak jawatan. Sebelum ini saya sudah mengatakan, kekacauan isu mengenai Anwar dan Mahathir merupakan satu perang psikologi. Sesiapa yang lemah di dalam perang ini dia akan kalah. Apa yang dibimbangkan takut Anwar lemah dan merasa *fed-up* dan terus meletakkan jawatan. Alangkah terkilannya kalau Anwar tertewas kena

peluru kapur yang dimuntahkan oleh penembak yang tidak bermoral.

Dalam keadaan gelabah dan panik itu, saya cuba mencari punca apakah masalah yang dihadapi Anwar. Yang jelasnya saya tidak percaya kalau Anwar meletak jawatan mengaku kalah kepada Mahathir. Sebelum ini saya sudah mendengar beberapa kali dari kawan rapatnya yang Anwar tidak akan letak jawatan dan bersedia untuk disingkir dan menghadapi apa saja kenyataan.

Pada saya lebih rela menerima berita kematiannya daripada berita beliau meletakkan jawatan. Sekiranya beliau meletakkan jawatan atas desakan fitnah yang ditaburkan kepadanya, alangkan baculnya Anwar Ibrahim. Saya tidak percaya Anwar yang telah menunjukkan belangnya selama ini, tiba-tiba boleh menjadi bacul dan penakut. Tidak!

Minda terus mengasak apakah Anwar meletak jawatan? Tidak mungkin? Jika beliau letak jawatan bermakna beliau tunduk kepada tekanan. Beliau pengecut dan tidak sanggup berhadapan dengan lontaran fitnah yang dibuat ke atasnya. Bukankah kalau beliau melepaskan jawatan bermakna beliau mengaku kalah sebelum bertarung?

Dalam saat keresahan begitu tiba-tiba seorang lagi teman menelefon. Menurut teman itu yang baru selesai menghadiri mesyuarat '*post-cab*', memberitahu memang berlaku pertengkaran di dalam mesyuarat kabinet pada sebelah paginya. Katanya Mahathir telah memberi kata dua kepada Anwar, samada letak jawatan ataupun dipecat pada jam 5.30 petang.

Berita itu sedikit memberi kelegaan kepada saya. Ia

secara tidak langsung memberi jawaban kepada pertanyaan yang tergantung di kepala. Sah... Anwar tidak memilih untuk letak jawatan, tetapi tentu merelakan dirinya dipecat. Seorang pemimpin sejati tidak akan rela mengorbankan prinsipnya, kecuali ianya dibayar dengan penderitaan dan darah. Mendapat tahu kemungkinan Anwar dipecat tiba-tiba semangat saya naik. Dapat saya membayangkan betapa berani dan bertanggungjawabnya Anwar Ibrahim.

Sebaik sahaja urusan di KLCC selesai saya dan Syed terus ke kediaman rasmi TPM di Bukit Perdana. Perjalanan dari KLCC ke Bukit Damansara dirasakan terlalu lama. Keadaan jalan selepas waktu pejabat yang sesak itu menambahkan lagi gundah gulana dan resah gelisah di dalam jiwa.

Dalam pada itu di kotak fikiran terbayang satu malapetaka besar akan menimpa negara ini jika benar Anwar telah disingkir dari jawatannya. Penyingkiran itu sudah tentu akan timbul rasa tidak puas hati kalau ianya berdasarkan kepada sebab-sebab seperti mana yang ditebarkan menerusi "radio swasta" yang dikendalikan oleh juruhebah gila dan dibawa pula oleh para pencacai politik sejak berbulan lalu. Anwar tentu tidak bersendirian. Orang-orang yang simpati dan tidak dapat menerima tindakan melucutkan jawatannya akan berdiri teguh di belakangnya dan bertindak melakukan pembelaan.

Sewaktu melalui Jalan Mahameru dari arah Parlimen menuju ke Bangsar untuk membuat putaran di Muzium Negara, kelihatan kereta sudah berjujutan di pinggir jalan Mahameru menghala ke Parlimen. Jalan berhadapan dengan jalan masuk ke Seri Perdana penuh sesak dengan kereta. Sebuah kereta polis dan beberapa buah motorsikal polis

peronda tercegak di situ. Beberapa anggota polis memberi arahan agar kereta tidak di 'parking' kan di situ.

Melihat itu bulu rompa saya jadi meremang. Di kepala tergalang berbagi pertanyaan. Dan apa yang pastinya ketika itu, sudah sahlah Anwar telah meletak jawatan ataupun dipecat. Orang ramai juga kelihatan berpusu-pusu di sekitar muka jalan naik ke Seri Perdana.

Sebaik sampai di persimpangan jalan hendak ke Seri Perdana, polis memberi arahan agar kami meneruskan perjalanan dan tidak dibenarkan membekok ke Seri Perdana. Jalan itu ditutup kepada semua lalu lintas kecuali kereta rasmi kerajaan dan polis. Tanpa banyak bicara, kami terus meluncur ke Jalan Duta. Dalam kekalutan itu sempat juga saya melihat wajah Dr Sidek Baba yang sedang merakamkan gambar disitu. Heran juga saya pada mulanya kenapa Dr Sidek Baba berada di situ. Apa yang terlintas ialah apakah 'Cikgu' itu juga ditahan oleh polis. Selepas mengamati beberapa ketika baru saya faham, rupanya beliau sedang merakam peristiwa itu mungkin untuk dijadikan kenangan.

Dari Jalan Damansara kami masuk ke sebatang jalan dan terus ke jalan hendak ke Seri Perdana. Sampai di persimpangan hendak masuk ke Seri Perdana tercokol sebuah kereta polis dan dua buah motosikal peronda. Beberapa anggota polis yang dipercayai diketuai oleh seorang Inspektor berkawal disitu memberi isyarat kepada kereta yang lalu lalang agar tidak memasuki ke jalan itu.

Rupanya semua jalan menuju ke rumah Anwar telah di kawal rapi. Kira-kira 100 meter dari tempat 'road blok' itu, beberapa buah kereta di parking di tepi jalan di bawah bukit. Polis nampaknya mengambil berat kepada keselamatan

bekas Timbalan Perdana Menteri itu. Bagaimana pun kawalan itu sedikit sebanyak menyusahkan para penyokong dan orang yang bersimpati untuk ke rumah Anwar.

Kereta terpaksa diparking di bawah. Saya dan beberapa orang yang ikut sama melalui jalan itu berjalan kaki naik ke Bukit Perdana menuju ke kediaman Anwar. Masing-masing penuh bersemangat, tanpa mempedulikan apa-apa. Bukit yang agak tinggi itu didaki tanpa merasa ketinggiannya. Seluruh tubuh dibasahi peluh. Wajah beberapa orang yang berjalan seiring dengan saya kelihatan merah dan penuh bersemangat.

"Pak Sheikh dah letak jawatan atau belum?", seorang dari mereka mendekati saya dan mencelah. Beliau masih belum mengetahui apakah yang berlaku.

"Sudah, dia dah dipecat," balas saya. Dia agak terkejut dan menunjukkan reaksi seperti tidak percaya. Langkah kami semakin cepat dan semangat tiba-tiba terasa membuka-buka. Dalam diam saya bertanya kepada diri sendiri. Saya tidak tahu kenapa, dan inilah pertama kali saya datang ke rumah Anwar.

Sewaktu melewati rumah PM, beberapa buah kereta mewah tertenggek di pinggir jalan dihadapan rumahnya. Sikitpun tidak ada perasaan untuk menoleh ke rumah itu. Tiba-tiba perasaan benci menyelinap ke dalam diri. Perasan marah dan terkilan timbul, sebegitu diberitahui oleh salah seorang yang berjalan seiringan dengan saya. "Hah... itu rumah PM!

Hampir 20 minit kami menapak akhirnya sampai ke rumah TPM. Dari jauh sudah kelihatan orang ramai berduyung-duyung di pintu masuk termasuk kira-kira 50

orang wartawan dan jurugambar dari dalam dan luar negeri. Mereka sudah lama menunggu untuk mengetahui perkembangan seterusnya. Sejak pukul 4.30 petang lagi mereka berkumpul di situ dan sebaik melihat mereka, semangat yang sudah membara menjadi semakin hangat.

Sebaik sahaja saya dan beberapa rakan melangkah hendak menuju ke pintu masuk, sebuah kamera video telah disua ke muka kami. Shuttttt..... jurugambar itu merakam muka kami. Saya sikitpun tidak mempedulikan rakaman itu sebaliknya sengaja menyuaikan muka. Ambillah sepucasnya. Sebenarnya kamera itu bukannya apa. Ia juga untuk tujuan keselamatan. Tetapi bagi orang penakut, melihat kamera itu pun sudah kecut perut, apa lagi kalau ianya dari Bukit Aman.

Wartawan Berita Harian, Kamal Ahmad yang sudah berada di situ, begitu ternampak saya terus mendekati. "Sayuti... benarkah Pak Sheikh sudah dipecat?" tanya Kamal. Rupanya waktu itu para wartawan masih belum *confirm* samada Anwar sudah dipecat ataupun belum.

"Benar... Pak Sheikh diberi kata dua, samada dipecat atau ditangkap" jelas saya sambil berjalan. Kamal mengiringi saya untuk beberapa tapak bagi mengetahui berita selanjutnya. Beberapa SB yang berkeliaran di situ mengamati telatah kami.

"Benar ke ni, aku nak bagi tahu boss aku?" asak Kamal serius. Wajahnya juga sugul tidak seperti biasa, yang suka bergurau dengan saya.

"Benar....?" Saya meninggalkan Kamal dan menuju ke *gate*. "Kau telefon aku nanti," pesan Kamal mengharap agar saya dapat memberi maklumat mengenai apa yang berlaku

di dalam rumah nombor 47 Bukit Perdana itu.

Di pintu beberapa orang nampaknya muram dan kesal kerana polis yang mengawal di situ tidak membenarkan mereka masuk. Ternyata sekali bayangan kekecewaan tersebur di muka mereka. Saya jadi sedikit ralat apabila melihat keadaan itu. Namun dalam hati nekad, saya ingin masuk juga ke dalam rumah itu walaupun apa akan terjadi!

"Tidak boleh masuk Encik?" seorang anggota polis memberi tahu dengan hormat.

"Kenapa?" soal salah seorang yang datang bersama saya. "Kami sahabat beliau...", balasnya sambil melangkah masuk tanpa menpedulikan tegahan polis. Anggota polis itu nampaknya tidak beriya sangat untuk mencegah. Salah seorang dari mereka memberi tahu; "Kalau ikutkan tidak boleh masuk, Encik?" Kami tidak hirau kata-kata itu. Perasaan ingin bertemu Anwar mengatasi segala-galanya.

Alhamdulilah saya dapat masuk sedangkan beberapa rombongan lain kecewa di luar. Mereka ditahan daripada masuk dan menjenguk-jenguk ke perkarangan rumah Anwar. Itulah pertama kali saya melangkah masuk rumah Anwar. Terasa kekok juga. Sebenarnya saya perlu merasa kekok, kerana Anwar sebelum ini adalah orang yang saya kritik. Anwar tidak mengenali saya sebagai seorang rakan atau penyokong sejati, sebaliknya sebagai seorang yang cuba hendak merosakkan imej politiknya. Namun perasaan kekok itu saya persetankan, hari ini aku datang untuk memberi sokongan kepada orang yang teraniaya.

Waktu saya lolos masuk ke kediaman TPM itu jam 6.45 petang. Orang belum berapa ramai lagi. Orang pertama menyambut kedatangan saya ialah Datuk Ahmad Zahid

Hamidi, Ketua Pemuda UMNO. Begitu nampak saya, Zahid yang sedang bercakap di sebalik pokok bunga melangkah ke arah saya. Kami bersalaman dan berjabat tangan erat sambil masing-masing menyembunyikan kehibaan yang tertusuk di jiwa. Hanya renungan yang dapat menterjemahkan perasaan sedih dan terkejut. Beberapa orang yang mengekori dibelakang tadi sudah terpisah.

“Kita sabar”, saya tidak pasti siapa yang mengucap perkataan itu. Apakah saya atau dia. Tetapi jelas di antara kami begitu sebak, kesal dan terharu sekali lebih-lebih lagi Zahid kerana Anwar adalah sahabatnya.

Sambil itu saya memerhati ke sekeliling rumah, melihat suasana. Saat itu keadaan rumah indah di atas bukit itu seperti menghadapi satu kematian. Dibungkus sebuah kehibaan. Suasana sepi walaupun ia dikunjungi oleh ratusan manusia. Masing-masing bertafakur, mengemam sendu di halkum.

Sudah menjadi kebiasaan bagi seorang penulis yang akan merakam segenap peristiwa dan menganalisis setiap isu yang timbul, saya mencari muka-muka yang hadir. Mencari sahabat-sahabat Pak Sheikh. Lama juga selepas menjenguk baru dapat bertemu dengan beberapa muka, seperti Rahman Bakar, Sidek Baba, Suhaimi Ibrahim, Kamaruddin Jaaffar, Ruhanie Ahmad, Ruslan Kassim, Sharifuddin Nasation Ismail, dan lain-lain yang saya tidak mengenalinya terutamanya kerabat ABIM.

Saya cuba memerhatikan muka-muka Menteri dan Timbalan Menteri, puas saya mengintai tetapi seorang pun tidak ada. Di hadapan pintu masuk ke rumah itu berkumpul beberapa orang. Saya meninjau-ninjau takut ada sesiapa yang dikenali. Tiba-tiba muncul Hassan Mokhtar bekas

steno Anwar. Saya terus berjabat tangan dan bertanya khabar. Sahabat bekas Arqam itu sudah lama saya tidak temui. Dia agak terperanjat apabila melihat saya berada di situ. Pada Hassan Mokhtar, saya adalah musuh nombor satu Anwar dalam penulisan.

Saya beriringan masuk ke dalam rumah Anwar dengan beliau. Orang mula saya nampak ialah Sidek Baba. Tersandar di dinding sambil memperkatakan sesuatu kepada seseorang. Kamera kecil masih ditangannya. Suhaiimi dan beberapa orang duduk dekat pintu dapur. Dan di kerusi tercokol Datin Hamidah, isteri Datuk Zahid dengan wajahnya muram dan sedih. Dia mengangguk sahaja apabila saya menegurnya.

Masa terus berlalu. Beberapa orang tanpa disuruh menguruskan dan membetulkan karpet sementara masuk waktu Maghrib. Orang ramai seorang demi seorang masuk dan mengambil tempat di dalam rumah itu. Tanpa saya sedari ruang tamu yang seluas 60 meter kali 40 meter itu, penuh sendat dengan orang ramai. Semua wajah yang ada sugul dan tidak bermaya. Masing-masing bercakap sesama sendiri ataupun melayan perasaan sendiri.

Dalam kesenduan itu, tiba-tiba hadirin seperti terkejut apabila empat orang anggota polis berpangkat tinggi masuk ke dalam rumah dan terus naik ke tingkat atas di mana Anwar berada di sana. Waktu itu jam menunjukkan pukul 6.55 petang. Keadaan yang tadi tenang sedikit bergolak, dengan kedatangan polis itu. Perasaan tidak baik mungkin mengusik pemikiran umum.

Selepas enam minit kemudian keempat anggota polis yang diketuai Ketua Polis Wilayah, Kamaruddin Ali, turun dan pulang. Masing-masing merasa lega kerana Anwar tidak

ikut sama. Bukan saja saya, orang lain juga gusar apabila melihat kedatangan polis itu. Apa yang bersarang di dalam kepala, apakah polis datang untuk menangkap Anwar?

Keadaan masih lagi belum tenteram. Masing-masing ingin mengetahui, apakah tujuan kedatangan polis itu. Datuk Zahid yang naik bersama polis tadi turun ke ruang tamu. Sambil berdiri beliau meminta hadirin agar bertenang.

"Semua saya minta bertenang, bertenang", rayu Zahid. "Kedatangan polis tadi ialah membawa surat daripada Perdana Menteri yang telah melucutkan semua jawatan Datuk Seri Anwar dalam kerajaan. Ini termasuk jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan...", jelas Zahid ringkas tanpa ada apa-apa ulasan. Mukanya dibalut kesedihan yang parah. Suasana sepi seketika selepas pengumuman itu.

"Tuan-tuan, sebentar lagi waktu Maghrib, kita sama-sama sembahyang Maghrib di sini dan menuaihan solat hajat. Jadi kepada sesiapa yang tidak ada wuduk, bolehlah berbuat demikian", tersembur satu suara. Saya tidak kenali siapa orang ini, tetapi dia kelihatan seperti DJ sepanjang di dalam rumah Anwar itu.

Beberapa minit sebelum masuk waktu Maghrib, Anwar tiba-tiba tersembur dari atas beranda di tingkat atas. "Assalamualikum... Untuk makluman, kedatangan polis tadi ialah membawa surat daripada Perdana Menteri yang melucutkan semua jawatan kerajaan yang saya pegang." Kata Anwar sambil tersenyum dan terpaku di beranda. Pengumuman itu disambut dengan takbir Allahuakbar beberapa kali. Kemudian Anwar hilang semula.

Orang yang hadir semakin ramai. Keadaan menjadi

penuh sesak. Dari depan rumah hinggalah melimpah ke halaman. Masing-masing sudah bersiap sedia untuk mendirikan sembahyang Magrib berjemaah. Mereka sedikit pun tidak merasa kekok atau kesal dengan keadaan yang rimas dan bersesakan. Hawa dingin atau kipas tidak bergerak kerana bekalan elektrik dan air dipotong sejak jam 3.30 petang lagi.

"Selepas selesai solat Maghrib kita sama-sama mendirikan solat hajat mohon pada Allah berikan kekuatan dan kesabaran kepada Datuk Seri dalam menghadapi ujian ini," Juruhebah sukarela tadi membuat pengumuman.

Sembahyang Maghrib terpaksa dibuat dua kali kerana masih banyak yang tidak sempat berjemaah. Selepas kumpulan kedua selesai solat, solat hajat dilakukan. Solat itu diimamkan oleh Ustaz Mohyi.

Selepas sembahyang Isyak, Anwar turun ke ruang tamu bertemu dengan para tetamu dan membuat sedikit ucapan. Kesempatan itu diambil oleh para tetamunya untuk bertemu mata dan bertanya khabar. Keadaan sungguh mengharukan sekali, apabila seorang demi seorang bersalam dan berpelukan dengan beliau. Ada yang mengalirkan air mata kerana tidak tahan terhadap apa yang berlaku ke atasnya. Saya sendiri mengambil kesempatan memeluk dan menciumnya, tanpa beliau mengenali siapa saya sebenarnya. Diam-diam saya merasa menyesal dan bersalah kerana membelaah beliau lapan tahun lalu.

Kira-kira jam 8.45 malam beliau menyampaikan amanat. Ucapan ini adalah dikira penting, kerana inilah ucapan sulung selepas kira-kira 2 jam setengah beliau dipecat sebagai TPM dan Menteri Kewangan.

Sebelum berucap Anwar meminta jasa baik kepada wartawan kalau-kalau ada yang menyongsong masuk. "Ada press tak... kalau ada minta maaf ya. Besok saya akan buat kenyataan untuk press. Tolong!"

Anwar tenang sahaja menyampaikan ucapan itu. Isteri tercintanya berdiri teguh di sebelah kanannya. Anwar malam itu memakai baju Melayu putih dengan pelikat berwarna *purple*. Nada suaranya biasa sahaja, mendatar. Cuma sesekali beliau meninggikan sedikit suaranya dan melemparkan bahasa dengan bersemangat. Tetapi pada keseluruhannya, ucapan malam itu bergulung dengan rasa hiba yang disembunyikan oleh beliau.

Sewaktu beliau meminta kawan dan sahabatnya bertenang, dan jangan bertindak apa-apa jika beliau ditangkap, semua hadirin terdiam. "Kalau saya ditangkap, relalah saya pergi sebagai seorang pahlawan. Jangan tahan saya..", ketika ini ada yang tidak dapat menahan air mata. Saya sendiri beberapa kali menyapu air jerneh yang sudah melimpah di kelopak mata. Saat ini terpancar keikhlasan Anwar sebagai pejuang. Beliau rela menjadi lilin demi agama dan bangsanya.

Kira-kira 20 minit beliau memberi ucapan hadir Tan Sri Muhyuddin Mohd Yaasin. Kehadiran itu disambut dengan takbir Allahuakbar. Kehadiran Menteri Belia dan Sukan menambahkan lagi semangat setiap yang ada di rumah Anwar pada malam itu. Setidak-tidaknya Muhyuddin membuktikan yang beliau turut bersimpati dengan Anwar. Sebelum itu yang ada hanyalah Timbalan Menteri kewangan, Dr Afifuddin Omar, Ibrahim Saad, Fauzi Abdul Rahman (tapi saya tidak melihatnya), Senator Hashim Shafin, Ruhanie Ahmad, Fuad Hassan, Mukhtaruddin

Yusuf, Kamaruddin Jaaffar, Salomon Salamat dan beberapa wakil rakyat lain. Sepanjang berucap Anwar bersandar ke tiang dan menyimpang tangan di belakang. Sesuatu yang cukup mengagumkan ialah sikap dan ketabahan isterinya yang sedikitpun tidak menunjukkan kesedihan dan terus memberi sokongan dan semangat kepada Anwar. Semasa Anwar berucap, sesekali beliau menunjukkan isyarat kepada Anwar dengan mempamerkan secebis kertas, mungkin nota ucapan. Anwar sangat beruntung mendapat Azizah yang sedikit pun tidak menunjukkan kegundahannya dan masih dapat membantu suami dalam saat kritikal begitu.

Sebaik Anwar selesai berucap saya bergegas meninggalkan kediaman rasmi itu kira-kira pukul 11.45 malam. Semasa saya turun dari bukit, orang ramai masih berbondong-bondong mahu ke rumah Anwar. Orang ramai tetap tidak berganjak dan mereka scolah mahu sampai ke pagi berada bersama Anwar. Perasaan sedih dan dukalara membuatkan orang ramai tidak tergamak untuk meninggalkan Anwar keseorangan.

Sewaktu saya menuruni bukit untuk ke tempat *parking* kereta, sebuah van yang tertulis Seri Melayu Catering yang dipercayai untuk menghantar makanan ke rumah Anwar ditahan dan tidak dibenarkan masuk. Apa yang saya dapati, tidak ada apa-apa makanan yang disediakan untuk para tetamu di rumah Anwar malam itu. Pada masa itu juga tiba-tiba muncul Dr Farid Ariffin yang 'terkinjau-kinjau' untuk *parking* kereta

Lewat jam 2.00 pagi saya sampai di rumah. Sebaik menjak kaki, telefon rumah berbunyi. Apabila diangkat sahabat lama memberitahu ada tunjuk perasaan di muka jalan hendak menuju ke Seri Perdana. Berita itu cukup

menarik minat. Saya terus menelefon seorang lagi kawan untuk menjemput saya dan pergi ke tempat itu. Apabila sampai di sana, sebenarnya bukan tunjuk perasaan tetapi orang ramai yang berlonggok di situ kerana menanti apa-apa perkembangan dari rumah Anwar. Wartawan luar negeri masih berpusu-pusu dan jumlahnya semakin bertambah. Di celahan orang ramai itu tersebur Rustam A. Sani bersama isteri dan anaknya, Jaafar Rahim, Dinsman dan ramai lagi. Mereka juga tidak dapat melelapkan mata seperti saya dan masih diganggu rasa terkejut. Menurut Rustam sejak berita pemecatan Anwar, telefon rumahnya tidak pernah diam. Katanya berbagai *call* yang masuk, dari kawan seluruh negara, sampai kawan di London. Dan saya walaupun beredar untuk kali kedua ke rumah lewat jam 3.50 pagi tetapi tetap juga tidak dapat tidur. Peristiwa sore tadi mengganggu seluruh emosi dan hati.

Anwar: Nonaku Azizah! Sekiranya kanda ditahan, dinda bangkitlah meneruskan perjuangan ini. Jika dinda pula rebah, panggilah anak-anak untuk memapah. Jika dinda pula tertangkap, serulah Puteri Nurul Izzah untuk meneruskan perjuangan ini. Usahlah gusar meskipun penyokong kita tidak dapat bertahan lama yakinlah Allah bersama kita, asalkan kita istiqamah dengan perjuangan suci ini. Mungkin itulah amanat Anwar kepada isterinya, Azizah.



Tengok cara Daim pakai songkok, dia selalu menutup dahinya. Mengikut ahli firasat orang yang suka menutup dahi ialah orang yang sedang menyembunyikan sesuatu rahsia besar. Perhatikan juga wajah sebalik Anwar. Beliau seolah-olah sedang membayangkan apakah rahsia besar tersembunyi di sebalik songkok Daim itu.



Ahmad Zahid Hamidi dikepong atau terkepong di celahan orang ramai. Ke mana Zahid hendak lari? Kini beliau sudah diperangkap dalam penjara di bawah ISA. Semoga Zahid tabah dan akan meneruskan semula perjuangan selepas dibebas kelak. Pejuang sejati tidak kenal erti kalah.

BAB 3

3 SEPTEMBER YANG MEMILUKAN

PERISTIWA semalam benar-benar meresahkan. Bukan sahaja saya tetapi orang lain juga, segenap rakyat Malaysia merasakan terkejut. Perasaan duka ini lebih-lebih lagi dirasai oleh para pengikut dan penyokong Anwar. Kalau saya yang tidak mempunyai apa-apa hubungan peribadi dengan beliau merasakan begitu dukacita, apa lagi para pendokong dan pengikutnya. Kaum keluarganya lebih-lebih lagilah sedih dan pilu. Mereka yang mengharapkan projek daripadanya sudah tentu menangis tidak berlagu. Pemberhentian Anwar satu mala petaka bagi mereka.

Walaupun semalam saya tidak bertumas di pinggir jalan untuk ke kediaman rasmi TPM, tetapi sekejip masa pun tidak dapat melelapkan mata. Dalam kepala asyik terkenang nasib malang yang menimpa Anwar. Yang menyendak di kepala ialah, pertanyaan apakah akan jadi pada masa depannya. Apakah beliau akan ditangkap

menjelang Subuh nanti.

Baru tiga jam terpisah dengan beliau amat meresahkan. Tidak ada apa-apa maklumat terkini daripada sesiapa mengenainya sungguh membimbangkan. Saya merasa hairan kepada diri sendiri kenapa saya jadi begitu ambil berat kepadanya. Apakah kepentingan saya dengannya. Semua itu berlaku kerana keyakinan saya bahawa beliau dianinya, dizalimi dan difitnah. Bertolak dari rasa dan perasaan itulah maka saya menjadi prihatin kepadanya. Sebuah Hadith Nabi yang bermaksud; "*jika kamu melihat saudara seIslam kamu dizalimi, hendaklah kamu membela atau membantunya.*" Hadith inilah yang menambatkan kaki saya untuk memberi pembelaan ke atasnya.

Sehingga jam 9.00 pagi, saya masih belum mendapat apa-apa berita mengenai Anwar. Berita radio jam 6.00 pagi tidak pula menghabarkan apa-apa maklumat. Berita yang sering dimainkan ialah mengenai pemecatan beliau daripada Timbalan Perdana Menteri. Itulah berita utama media massa pada pagi itu.

Jam 9.00 pagi Ibrahim tersebur di muka pintu, mampir ke rumah. Saya tahu dari gerak dan gayanya dia ingin mengetahui kedudukan Anwar seterusnya. Teman yang semalam berjanji untuk datang ke rumah, tidak nampak kelibatnya lagi. Kami berjanji untuk mengunjungi rumah Anwar. Saya suruh dia membawa kamera untuk merakam apa-apa peristiwa yang berlaku di sekitar rumah itu.

"Apa perkembangan terbaru dari rumah Anwar?" tanya saya kepada Ibrahim.

"Tak ada apa-apa nanti saya konteks Mukhtaruddin"

jelasnya sambil terus mendail *hand-set* YB Dungun itu.

"Hallo boss, macam mana cerita di rumah Pak Sheikh" Saya di rumah Sayuti ni..?" terus menghubungi bosnya. Dia mengangguk-angguk mendengar sesuatu yang dibicarakan oleh Mukhtaruddin.

"Ok, ok", selepas itu dia menutupi telefonnya. "Imam, dia tunggu kita di pejabatnya, kita akan ke rumah Anwar. Anwar belum ditangkap!" beritahu Ibrahim bersemangat.

Sewaktu saya dan Ibrahim sampai di pejabat Mukhtaruddin, beliau sedang memberi taklimat kepada sekumpulan ahli UMNO daripada bahagiannya. Menyedari kedatangan saya, beliau meminta saya memberi taklimat mengenai perkembangan yang bakal terjadi ke Anwar Ibrahim. Topik yang dibincangkan pada masa itu ialah apakah yang bakal terjadi kepada Anwar Ibrahim.

Dalam perkiraan saya Anwar akan dipecat dari UMNO. Mesyuarat MT yang akan berlangsung malam nanti (3 September) akan menentukan nasib dan kedudukan Anwar. Agak terkejut juga mereka yang berada di dalam majlis itu, apa bila saya membuat andaian demikian. Justeru saya meminta mereka bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan. Saya memberi tahu para ahli UMNO itu mereka tidak perlu mengharapkan Anwar kembali berkuasa di dalam UMNO semula. Satu cara ataupun pendekatan lain hendaklah dicari. Nampaknya mereka kurang setuju dengan penjelasan itu.

Perbincangan itu memakan masa dua jam. Lewat jam 11.30 pagi baru saya bersama Mukhtaruddin dan beberapa ahli UMNO Dungun itu beredar ke rumah Anwar Ibrahim. Saya berkereta bersama Mukhtaruddin, Ramli dan Hashim

manakala yang lain bersama Ibrahim.

Sewaktu tiba di persimpangan hendak ke rumah Anwar, dari jalan Mahameru, dari jauh sudah kelihatan sekelompok manusia yang berkumpul di situ. Rupanya wartawan dan juru gambar sudah lama menunggu. Apa yang mereka buru ialah kenyataan dari Anwar. Semalam Anwar berjanji akan memberi *press statement* pada kesokannya. Bukan saja wartawan, tetapi seluruh rakyat juga ingin mendengar apakah ulasan beliau. Walaupun beliau telah memberi sedikit ucapan di rumahnya, tetapi penerangan selama 35 minit itu tidak mencukupi.

Di muka jalan hendak naik ke kediaman rasmi TPM itu tercokol sebuah kereta polis. Manakala motosikal yang dipercayai dari skuad UTK sesekali meraung mundar mandir naik turun ke rumah PM dan sekitar jalan ke rumah Anwar. Mereka berkawal sejak dari semalam lagi.

Berbagai akhbar harian, 3 September yang rata-rata menjadikan berita pemecatan Anwar sebagai *lead*, bertaburan di sepanjang pinggir jalan menuju ke rumah Anwar. Ia dibiarkan bersepah dan dijadikan alas duduk di atas birai longkang di situ. Akhbar berbahasa Cina, India, Melayu, semuanya ada, ini menggambarkan semua wakil media berhimpun di bawah bukit rumah Anwar itu. Akhbar The Star dengan *heading* utamanya berjudul ‘Anwar Sacked’ dijadikan bahan lampik duduk. Wajah Anwar yang sedih terpampang di muka hadapan akhbar-akhbar berkenaan. Melihat gambar itu saya menjadi sayu dan pilu. Gambar itu menunjukkan beliau sudah terhina sebaik sahaja sudah tidak menjadi TPM lagi.

Sungguh tidak sampai hati saya melihat keadaan itu lalu mengambilnya satu persatu. Saya susun akhbar itu dan

melipatkan gambar Anwar itu elok-elok. Tidak tergamak untuk saya menjadikan akhbar yang memaparkan gambar Anwar itu sebagai tempat duduk.

Matahari sudah tegak di atas kepala. Walaupun panas, namun hawa kepanasan tidak terasa. Perasaan ingin tahu tentang diri Anwar membunuh segala-galanya. Berita dari dalam rumah Anwar tidak juga diterima. Mukhtaruddin yang meloloskan diri tidak menghand-setkan apa-apa maklumat. Rasa jemu juga sudah berlabuh di dalam diri. Kebimbangan juga menggantik tangkai hati. Perut juga ketika itu sudah berkeroncong, apa lagi saya masih belum bersarapan pagi. Saya lantas mencadangkan kepada Hashim agar pulang dulu ke pejabatnya di Jalan Tunku.

Sebaik sahaja selesai makan di restoran Hanifa, kami bergegas semula ke rumah Anwar. Berita yang baru diterima, kami dikehendaki terus ke rumah Anwar di No. 8, Jalan Setiamurni 1, di Damansara. Ibrahim dan beberapa ahli UMNO Dungun sudah lama menanti di sana. Anwar dijangka akan tiba dirumahnya pukul 2.00 petang dan akan memberi kenyataan akhbar pada wartawan.

Sewaktu kami tiba di perkarangan rumah Anwar, semua jalan menuju ke rumahnya sudah dikepong oleh polis. Semua jalan diawasi. Mereka yang tidak tinggal di kawasan sekitar ataupun berpejabat disitu tidak dibenarkan masuk. Setiba kami dekat dengan satu kawasan *road blok*, kami ditahan dan tidak dibenarkan masuk. Menurut pegawai polis itu, hanya mereka ditinggal di kawasan itu atau mempunyai pejabat disitu itu sahaja boleh masuk.

"Encik tidak boleh masuk, hanya orang yang tinggal di sini dan ada pejabat di sini sahaja boleh masuk," kata pegawai polis berbangsa India itu.

"Office saya di sana?" Hashim berbohong mencari helah.

"Mana?" tekan polis itu.

"Itu Nusantara Trading," balas *driver* Hashim secara automatik telah menyelamatkan bossnya dan kami semua. Polis itu mempercayai dan melepaskan kami.

Kereta sudah berderetan di sepanjang Jalan Setiamurni sampai ke bulatan menuju ke jalan itu. Orang ramai dan para penyokongnya sudah memenuhi perkarangan rumah bekas TPM itu. Shaifuddin, Zahid, Ruslan Kassim dan lain-lain sudah bersiap sedia menanti kepulangan Anwar ke rumahnya.

Di dalam rumah persiapan sudah dibuat untuk sidang akbar. Anjung rumah di bahagian ruang tamu yang luasnya sekitar 20 kaki persegi itu sudah dipenuhi wartawan dalam dan luar negeri. Di atas meja panjang kira-kira 5 X 3 kaki penuh dengan *microphone* dan *tape recorder*. Ratusan wartawan sudah siap sedia untuk memulakan sessi soal jawab dengan Anwar. Semuanya nampak begitu *excited* sekali.

Sementara menanti ketibaan Anwar saya sempat meninjau suasana di dalam rumah itu. Tidak ada apa yang istimewaan rumah itu. Dindingnya di biarkan kosong tanpa sebarang hiasan. Rak-rak buku juga kosong. Dan karpet berdebu kerana rumah itu menurut Anwar sendiri kosong sejak tiga bulan lepas. Seorang pembantu rumahnya sedang bertungkus lumus membersihkan karpet dengan *vacuum*.

Tepat jam 3.05 petang Anwar masuk ke dalam rumahnya dengan diringini oleh isterinya Wan Azizah. Kepulangan semula ke rumahnya itu disambut dengan gema

'allahuakbar' dan tepuk sorak oleh para penyokongnya.

Sambil berjalan menuju ke anjung tempat sidang akhbar beliau bersalam dan berpelukan dengan para sahabat dan tetamunya. Isterinya Wan Azizah, tersenyum sambil bersalam dengan beberapa wanita yang turut sama hadir.

Tepat jam 3.15 Anwar membuat kenyataan akhbar dengan memberi pengenalan kepada kes yang dihadapinya. Beliau mengambil masa kira-kira 15 minit untuk membuat penjelasan ringkas. Apa yang dijelaskan di dalam sidang akhbar itu sama dengan apa yang diucapkan pada malam pertama pemecatannya.

Semasa ruang soal jawab dibuku, para wartawan menghulurkan soalan bertubi-tubi. Keghairahan mereka ingin tahu kedudukan sebenarnya serta mengetahui ulasan Anwar, menyebabkan keadaan menjadi kelam kabut. Ada kalanya soalan ditenggelami oleh soalan-soalan lain. Anwar sepanjang sidang akhbar itu tenang menjawab soalan demi soalan. Dan sesuatu yang istimewanya dalam keadaan bedukacita begitu pun beliau masih sempat berseloroh. Wan Azizah duduk tenang disamping sebelah kanannya di sepanjang sidang akhbar itu selama 50 minit. Beliau kelihatan tabah dan mendengar dengan serius dan sesekali turut ketawa apabila suaminya sesekali membuat kelakar. Di ketika yang lain Azizah mengelap peluh di dahi Anwar dengan tisu.

Tanpa disedari semasa sidang akhbar berlangsung itu orang ramai semakin bertambah. Halaman rumah Anwar penuh sesak. Mereka hadir sendiri tanpa dikerah dan diupah. Beberapa orang sahabat Anwar juga turut sama. Dan paling istimewa petang itu ialah kehadiran Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor, yang merupakan kawan dan sahabatnya sejak

lama dulu. Kehadiran Presiden PAS itu tidak diketahui oleh orang yang asyik mengikuti sidang akhbar itu.

Selepas memberi kenyataan akhbar beliau bersalaman dengan teman-temannya dan Fadzil Noor. Selepas itu beliau mengambil peluang untuk bersama *press* di halaman rumahnya. Sambil menijau kawasan rumah yang sudah lama ditinggal, beliau beramah mesra dengan *press*.

Selepas hampir 20 minit beliau masuk semula ke dalam rumahnya. "Kita minta Ustaz Fadzil baca doa.." suara Anwar sambil mendekati Fadzil Noor. Tanpa banyak bicara Fadzil Noor memenuhi permintaan sahabatnya itu.

Walaupun majlis penting hari itu (sidang akhbar) sudah selesai, tetapi ramai yang tidak mahu beredar dari rumah itu. Orang ramai mengerumuni dan seperti tidak puas untuk menatap dan menyatakan kesedihan kepada Anwar. Apa yang tersebal di wajah ialah kesal di atas apa yang berlaku.

Saya sendiri mengambil tempat tersudut untuk memerhatikan keadaan itu. Dalam keadaan itu, tiba-tiba anak sulungnya Nurul Izzah pulang. Khabarnya Nuru Izzah yang pulang dari UNITEN, pulang ke rumah lamanya di Bukit Perdana. Selepas menyedari ayah, ibu dan adik-adiknya sudah tidak ada baru beliau bergegas ke rumah barunya.

Kebetulan sewaktu gadis sunti itu masuk saya berada di dapur. Nurul Izzah bersalam dengan para tetamu. Saat itu terdengar suara Dr Wan Azizah memanggil mana Izzah, mana Izzah. Izzah yang sudah di dapur kemudian menjenguk ke perpustakaan ayahnya, Dr Wan Azizah tercari-cari Izzah. Dan tepat di hadapan saya kedua beranak

itu berpelukan seperti lama tidak berjumpa. Si ibu mengusapi kepala anaknya dan si anak mencium ibunya.

Keadaan sungguh mengharukan. Saya yang kebetulan sedang makan, tidak jadi untuk menuapkan nasi dan sedih melihat kedua beranak itu berdakapan. Apa yang dapat saya rasakan, tentu Wan Azizah menenangkan anaknya, dan begitu juga Nurul Izzah yang sudah mengerti erti dan nilai perjuangan seorang ayah cuba pula menangkan ibunya.

"Lan, ini *my daughter*. Macam adik saya, kan", kata Wan Azizah kepada Ruslan yang sedang makan nasi bungkus bersama saya. Kami semua memerhati kepada telatah kedua beranak itu yang berpelukan dan beriringan berjalan ke ruang tamu dalam suasana mengharukan.

Saya jadi terkilan dan hilang selera makan menyaksikan adegan itu. Pada masa itu juga pembantu Anwar, masuk seorang demi seorang ke ruang dapur, membawa baju yang masih tersangkut di *hanger* dan pinggan mangkuk. "Maaf ya, kami baru pindah, makan nasi bungkus sahaja," kata salah seorang yang sedang memunggah pinggan mangkuk ke dalam rumah.

Saya sungguh kesal melihat keadaan itu. Apakah *periody* seorang bekas TPM sudah tidak ada lagi. Kenapakah dibiarkan begitu. Cara Anwar pindah rumah, saya lihat lebih hina daripada setinggan. Tidak ada kemudahan dan simpati langsung daripada kerajaan. Jasa yang beliau tabur selama 16 tahun seakan dilupakan begitu saja.

Beberapa minit kemudian Anwar menjenguk di dapur melihat para tetamu. Saya lihat beliau benar-benar serba salah tetapi sesuatu yang dibanggakan dalam suasana begitu beliau boleh lagi berseloroh. Dan ayahnya, Pak Yim dan Pak

Wan bapa mertuanya, turut melayan tetamu di dapur menuang air dan menghulur nasi bungkus kepada para tetamu.

"Mana, Izzah? Izzah! mana?" terdengar Anwar mencari-cari anak perempuannya apabila diberitahu Izzah sudah pulang. Beliau berlalu ke bilik anaknya di sebelah dapur, kemudian keluar. Sekejap kemudian Izzah datang dari arah ruang tamu bersalam dan berpelukan dengan ayahnya. Beberapa ketika kemudian semua anggota keluarga seramai lapan orang itu berkumpul. Mereka berpandangan di antara satu sama lain dalam keadaan yang sungguh mengharukan.

Sejuta kepiluan di dalam rumah itu sempat saya saksikan dan lihat sendiri. Saya tidak tahu apakah orang lain merasai apa yang saya rasa. Dalam saya mengulik rasa sedih, di luar hujan mulai turun perlahan-lahan kemudian menjadi lebat. Para tetamu masih lagi ramai dan mereka tidak berganjak dari rumah Anwar. Dari mimik muka, mereka seakan meminta agar penyelesaian ke atas kezaliman itu dibuat pada masa itu juga.

Peristiwa petang 3 September, sangat menginsafkan saya. Begitulah nasib orang politik kalau sudah tidak mempunyai kuasa, ia tidak akan dihormati dan disanjung lagi. Barang kali disinilah isitimewanya seorang tok guru, di mana ia akan sentiasa disanjung walaupun sudah berabad meninggalkan dunia.

Dan lewat Maghrib saya meninggalkan rumah Anwar. Ketika saya melangkah, hujan terus turun dengan lebatnya. Seolah-olah hujan senja itu menyatakan kedukaan yang mendalam terhadap apa yang berlaku ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang malang itu.



Dr Wan Azizah masih mampu tersenyum di samping suaminya tersayang di sidang akbar pada 3 September 1998. Inilah lambang isteri yang sejati yang akan menangis dan bergembira bersama suami dan anak-anak. Mudah-mudahan ketabahan dan keuletan jiwa Azizah menjadi teladan para isteri lain.



Inilah Puteri Sulung Anwar - Nurul Izzah yang menjadi teman kepada ibunya. Sebagai seorang anak beliau mendokong perjuangan ayahnya dan mengikuti 'road show' ayahnya. Jika ibunya ditangkap mungkin beliaulaah penerus perjuangan Anwar.

BAB 4

MENGAPA ANWAR DIPECAT ?



EMPAT sebab yang dikemukakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim kenapa Dr Mahathir Mohamad bertindak melucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang dipegangnya. Sebab-sebab itu ialah kerana kononnya beliau terlibat dengan pembunuhan, rasuah, menjual maklumat kepada negara asing dan juga skandal seks.

Alasan dan faktor-faktor itulah juga menurut Anwar yang menyebabkan Dr Mahathir turut memecatnya dari jawatan Timbalan Presiden yang "dimenanginya" dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1993 serta melucutkan keahliannya dalam UMNO. Bagaimanapun ketika membuat penjelasan kepada Ketua-ketua UMNO Bahagian dan juga ahli UMNO dari seluruh negara di PWTC pada 3 September lalu Dr Mahathir berkata, perlucutan jawatan yang disandang oleh Anwar tidak ada kena mengena dengan soal

politik ataupun perselisihan pendapat tentang ekonomi dan sebagainya, tetapi kerana skandal seks Anwar.

Beliau juga menolak tanggapan pemecatan Anwar itu kerana beliau bimbang Anwar akan menentangnya dalam perhimpunan tahun depan. Dengan perasaan angkuh Dr Mahathir mengatakan, kalau Anwar melawannya dia yakin dia akan menang. "Saya percaya saya boleh mempertahankan diri saya". Menurut Presiden UMNO itu, beliau tidak terkilan dengan hal-hal lain, seperti percanggahan pendapat mengenai ekonomi, politik dan sebagainya dengan Anwar, itu adalah perkara biasa. Tetapi tentang bab skandal seks, sesuatu yang sukar untuk diterima. Alasan beliau, parti tidak mahu mempunyai pemimpin yang rendah moral.

"Perbuatan yang dilakukan oleh Anwar tidak dapat diterima oleh saya, tidak dapat diterima oleh parti saya dan tidak dapat diterima oleh negara," ujar Presiden UMNO itu.

Kita bersepakat dan bersetuju dengan tindakan dan ketegasan PM itu. Memang seorang yang rendah moral, tidak berakhhlak, ataupun perasuh dan pembunuhan tidak layak untuk diangkat menjadi pemimpin. Mereka bukan sahaja setakat perlu disingkir, bahkan patut dihina sehina-hinanya, kerana orang seperti itu juga dikutuk oleh Allah SWT. Rakyat juga tentu bersetuju dengan cara tindakan Perdana Menteri itu. Dr Mahathir sendiri tentunya tidak mahu bersubahat menjadi pelindung kepada pemimpin yang rendah moral. Beliau sudah pasti tidak mahu disoal oleh Munkar dan Nankir, di hari akhirat esok kerana turut bersubahat melindungi musuh-musuh Allah atau menyokongnya.

Tetapi apa yang menjadi tanda tanya, sejauh manakah soal moral itu dititik berat oleh Dr Mahathir. Apakah Dr Mahathir ikhlas dan benar-benar jujur dalam soal ini? Ataupun beliau bersandiwara? Ini ditimbulkan kerana sudah banyak kes-kes melibatkan imej dan moral pemimpin negara, tetapi tidak pernah diungkitkan secara terbuka oleh Mahathir! Sejak bila pula beliau muncul menjadi jaguh moralis?

Kita merasa sedikit ralat dengan tindakan Dr Mahathir di dalam perkara ini. Misalnya mengenai kes Anwar ini, kenapa baru hari ini Mahathir bertindak. Kenapakah ianya tidak dibuat sejak awal-awal dulu? Bukankah tuduhan ke atas Anwar keronnya beliau terlibat dalam skandal ini sudah terbit sejak setahun lalu? Malahan penglibatan beliau dalam homoseks telah kedengaran pada tahun 1990 lagi. Tidak mungkin Dr Mahathir lambat mendapat maklumat di dalam perkara ini. Bukankah dia menguasai seluruh organ dan jentera keselamatan negara seperti polis, tentera dan sebagainya. Apakah dengan segala jentera itu beliau tidak boleh kesan awal-awal lagi?

Kita juga hairan di atas sikap dolak-daliknya dalam perkara ini. Satu masa beliau mengatakan kes ini sudah tutup, tetapi kenapa pula dibuka semula? Apabila Anwar memaklumkan kepadanya, beliau sendiri mengakui bahawa itu fitnah dan meminta Anwar supaya tidak mempedulikannya. Tetapi kenapa alih-alihnya ia timbul kembali. Kes itu dihidupkan semula. Di manakah pendirian Dr Mahathir dalam soal ini dan apakah beliau mudah diperkotak-katik oleh orang lain?

Adalah sungguh tidak bijaksana bagi seorang Perdana Menteri kalau pendiriannya berubah-ubah apalagi kalau

prinsipnya boleh dibolak-balikkan. Cara begitu juga menyebabkan orang boleh menuduh beliau sengaja membiarkan masalah itu berlarutan kerana beliau ada motif tertentu.

Itu satu persoalan. Yang anehnya kenapa PM begitu peka pada kes yang melibatkan Anwar sahaja? Kenapa beliau tidak prihatin dan diam membisu kepada kes-kes yang melibatkan orang lain? Apakah kerana Anwar sebagai TPM yang mempunyai pengaruh melebihi orang lain maka kasusnya perlu diutamakan kerana bimbang Anwar akan menentangnya?

Ramai para pemimpin UMNO yang terperosok dalam kancah maksiat yang bukan sahaja merendahkan moral, malah boleh menenggelamkan moral negaranya sekali tetapi kenapa tidak diambil tindakan. Apakah Dr Mahathir tidak tahu terdapat pemimpin yang bertaraf Menteri atau Menteri Besar terlibat di dalam skandal seks, rasuah, penyelewengan, pembunuhan dan sebagainya? Kenapa beliau tidak serius menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh para pemimpin itu?

Banyak contoh kalau hendak diselongkarkan di sini. Rasanya Dr Mahathir bukan sahaja setakat kena buat rombakan Kabinet besar-besaran, malah harus terus membubar Kabinetnya. Kerana boleh dikatakan separuh daripada anggota Kabinetnya terlibat dengan kegiatan rendah moral yang sungguh memalukan.

Elok kalau disenaraikan satu persatu di sini di antara anggota Menteri dan juga tokoh UMNO yang rendah moral untuk pengetahuan Dr Mahathir. Kita tahu beliau tidak akan mudah untuk mempercayainya, atas alasan yang akan dikatakan sebagai kurang bukti. Tetapi jika Dr Mahathir

benar ikhlas dan seorang moralis beliau boleh membuat penyiasatan. Beliau boleh mengarahkan anggota polis untuk mendapatkan maklumat atau membuka semula fail-fail jenayah mereka itu yang ditanda dengan perkataan KIV sebelum ini.

Di antara Menteri-menteri Kabinet Dr Mahathir yang mempunyai masalah ataupun dihubungkaitkan dengan skandal seks, ialah Datuk Seri Najib Razak, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, Datuk Sabaruddin Chik, Datuk Annuar Musa, Datuk Muhamad Rahmat, Datuk Drs Suleiman Mohamed, Datuk Seri Shahidan Kassim (MB Perlis), Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (Adun Melor, Kelantan), Datuk Abdul Hamid Othman, Datuk Dr Yusof Nor, Tan Sri Rahim Tambhy Chik, Tun Ghafar Baba, Datuk Nazri Aziz Yeop dan ramai lagi Ahli Parlimen dan Adun. Kalau hendak disenaraikan di sini mungkin tidak kecukupan kertas dan mungkin buku ini boleh tebal sampai 500 muka surat.

Kisah cinta dan juga kegiatan tidak bermoral Menteri-menteri dan tokoh-tokoh UMNO itu tidak menjadi satu rahsia lagi. Semua orang tahu. Sesetengah kesnya sudahpun masuk ke Mahkamah Syariah, tetapi kerana mereka kebal, ia tidak dibicarakan.

Pada awal tahun 1987 telah meletus berita mengenai Najib Tun Razak berasmara dengan Rosmah Mansor. Kisah percintaan Najib menjadi buah mulut dan menimbulkan kontroversi kerana ia sampai meruntuhkan rumah tangganya. Kerana tergilas ataupun digilai oleh Rosmah, Najib tergamak menceraikan isterinya Tengku Zahariah, anak saudara Tengku Ahmad Rithauddeen Ismail.

Semua orang tahu siapa dia Rosmah Mansor. Ketika

berkahwin dengan Najib beliau bukan anak dara lagi. Beliau bukan gadis sunti yang suci dan perawannya belum terusik lagi. Beliau ketika itu dikatakan masih menjadi isteri orang yang sah. Orang juga tahu, bagaimana Rosmah bertukar ganti kekasih dan pasangan hidup. Beliau juga turut dikaitkan dengan Rahim Tambhy Chik. Sebelum Rosmah di '*passing*' kan kepada Najib, Rosmah terlebih dahulu bersama Rahim. Menurut Ku Yei, janda Najib orang bertanggungjawab menjadi perantaran membawa Rosmah kepada Najib ialah Dr Jamaluddin Jarjis, ahli Parlimen Rompin, Pahang.

Tengku Puteri, isteri Najib yang diceraikan tanpa memberi nafkah dan mutaah, pernah menceritakan kepada saya, betapa Rosmah telah berusaha keras merosakkan rumah tangganya. Menurut Ku Yei, Rosmah telah menggunakan berbagai-bagai cara untuk menggoda Najib termasuklah khidmat bomoh dan juga mencucuk Toh Puan Rahah mentuanya. Menangis-nangis Ku Yei ketika mengisahkan cerita itu. Dia tidak sangka Najib tergamak meninggalkannya bersama tiga orang anak kerana tergilakan Rosmah. Dan paling menyedihkan Najib menuduh Ku Yei telah curang kepadanya sehingga melahirkan seorang anak. Najib tidak mengakui anak ketiganya dengan Ku Yei sebagai anaknya.

"Sungguh sedih Encik Sayuti dia buat ke amba. Amba tidak sangka sikit rabut. Tetapi tak mengapa, Tuhan akan balas suatu hari nanti," begitulah rintih Ku Yei.

Kisah Rosmah '*tackle*' Najib ini semua orang tahu, bukan sahaja di kalangan lelaki tetapi isteri para Datuk-Datuk juga tahu. Rosmah memang ada geng yang berusaha untuk memerangkap Datuk-Datuk dan orang kenamaan

untuk dijadikan suami. Bekas Setiausaha Politik Najib, Datuk Ahmad Zahid Hamidi cukup arif mengenai perangai Rosmah yang suka glamour ini. Jika dibuka semula kisah Najib - Rosmah ini ia juga tentu membeliakkan mata Dr Mahathir.

Begitu juga dengan Megat Junid Megat Ayub. Beliau juga turut terjebak dengan permainan cinta tiga segi. Orang tahu siapa Ziela Jalil yang menjadi isteri kedua Megat Junid itu (khabarnya sudah ditinggalkan!). Ziela seorang pelakon dan penyanyi yang menjadi rebutan para pemimpin UMNO yang mata keranjang. Sebelum Ziela terjatuh dalam dakapan asmara Megat Junid, Ziela terlebih dahulu digossipkan dengan Datuk Annuar Musa. Anak Haji Musa itu juga dikatakan tergilat-gilakan Ziela. Kejadian ini berlaku sewaktu Annuar Musa masih menjadi Adun Peringat.

Peristiwa di Hotel Holiday Inn (kini Quality) menjadi pengetahuan umum. Para peraih politik tahu sangat cerita ini. Kisah Ziela hendak terjun dari tingkat 12 hotel itu juga orang tahu. Nasib baik Ziela makan pujuk kalau tidak nahas pemimpin UMNO berkenaan kalau Ziela benar-benar terjun dari hotel tersebut.

Kes Muktakizah yang mati dibunuh juga dikatakan ada kaitan dengan Megat Junid. Kes ini sungguh aneh dan memalukan. Ia juga mencabar kewibawaan Polis Malaysia. Biasanya polis cekap dalam mengesan penjenayah, tetapi dalam kes Muktakizah ini, hingga kini tidak ada sebarang tangkapan dan pendakwaan yang dibuat. Apakah pihak polis tidak serius dalam menyiasat kes ini? Wallahu alam!

Begitu juga dengan sejarah hebat Rahim Tambhy Chik yang dilibatkan dengan pelajar di bawah umur. Kisah itu sudah berada dalam poket semua orang, lebih-lebih lagi

orang UMNO dan ia sudah tercatit dalam lembaran sejarah. Kebanyakan Pemuda UMNO cukup tahu tentang kebuasan nafsu Rahim yang lebih buas daripada buaya tembaga. Tetapi nasib Rahim baik, beliau terlepas dari penjara malah tidak pun didakwa. Sabitan beliau dalam kes itu dilepaskan oleh Peguam Negara atas alasan tidak ada bukti. Walaupun pada mulanya, Rahim sudah hampir dihadapkan ke mahkmah, tetapi tidak jadi. Sebaliknya gadis yang dikatakan pasangannya itu merengkuk dalam penjara dan telahpun melahirkan seorang bayi perempuan.

Katanya ada strategi untuk melepaskan Rahim dari pertuduhan itu. Beberapa orang pemuda diupah untuk membuat pengakuan mereka turut sama dikaitkan dengan gadis itu. Para Pemuda itu katanya diupah di antara RM50 ribu hingga RM100 ribu seorang. Cadangan ini dikemukakan sendiri oleh orang yang arif dengan pendakwaan dan khabarnya peguam yang membela Rahim dibayar sebanyak RM3 juta?

Aktiviti rendah moral bekas Ketua Menteri Melaka merangkap bekas Ketua Pemuda UMNO Malaysia ini, bukan saja membabitkan satu kes. Sebelum dilibatkan dengan murid sekolah, beliau juga pernah dikaitkan dengan seorang gadis Portugis, Cina dan India. Kegiatan Rahim ini lebih teruk dan dahsyat lagi sehingga beliau diejekkan sekiranya tiang lampu dipakaikan skirt, di '*make-up*' mungkin dibantainya.

Manakala '*love story*' Annuar Musa dengan Kartini juga tidak kurang hebatnya. Sampai hancur lebur rumah-tangga Kartini. Hubungan sulit Annuar dengan Kartini ini juga telah menjadi pengetahuan umum. Menjelang perhimpunan Agung UMNO tahun 1986 cerita ini heboh

diperkatakan. Saya sendiri ada menanyakan Annuar Musa kes ini. Walaupun beliau menolak keras dakwaan itu, beliau mengakui mengenali Kartini dan pernah datang ke pejabatnya.

Dalam hal ini Annuar Musa berasib baik berbanding dengan Rahim kerana ia '*affair*' dengan janda, bukannya anak sekolah. Selain mempunyai hubungan dengan Kartini, Annuar juga dikatakan kerap ke Singapura dan Jakarta. Boleh dikatakan beliau akan mengunjungi Pulau Temasik itu dua minggu sekali. Untuk mengesahkan ini, passport Annuar boleh diperiksa. Kita tidak fikir tujuan beliau ke Singapura ada kaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Singapura tidak memerlukan nasihat dan tunjuk ajar Annur untuk membangunkan pulau itu kerana ianya lebih maju dan moden dari Kuala Lumpur.

Kisah Menteri Besar Perlis, Shahidan yang lantang dan kadang-kadang penuh emosional itu pula meletup semasa pilihanraya kecil Arau baru-baru ini. Cerita macam mana beliau ditangkap khalwat dengan seorang artis disebar secara meluas dalam ceramah anjuran PAS. Khabarnya gambar gadis itu yang bekerja di ibu pejabat FELDA di Kuala Lumpur juga ditaburkan. Sampai ke hari ini Shahidan tidak menyaman mana-mana penceramah PAS.

Cerita kawan Shahidan, Suleiman Mohamed, Timbalan Menteri Penerangan juga tidak kurang menariknya. Ramai gadis dikaitkan dengan "Leman Brandi" ini. Mula-mula adik kepada pelakon terkenal. Agak lama juga Suleiman berkepit dan berkawan dengan artis ini sampai menghantarkan artis itu belajar vokal di Indoneisa. Hubungan ini berjalan sebelum beliau berkahwin dengan Rohani Chik lagi. Kebejatan Suleiman bukan sahaja dalam

soal perempuan, tetapi juga melibatkan pecah amanah terhadap harta UMNO Titiwangsa. Kisah ataupun cerita bagaimana beliau memanipulasi penjualan tanah UMNO Titiwangsa bernilai berjuta ringgit sudah diketahui umum. Kes ini sudah sampai ke pengetahuan polis. Tetapi malangnya sekali lagi tindakan polis dalam kes ini lambat!

Saya sudah katakan tadi, kisah ini akan menjadi panjang dan buku ini akan tebal kalau hendak dihuraikan satu persatu mengenai salah laku dan juga kegiatan rendah moral pemimpin UMNO. Tokoh-tokoh yang kita tidak sangka, kerana mereka menunjukkan sikap alim dan tawadhus juga, mempunyai '*love story*' atau kes rendah moral tersendiri.

Misalnya Hamid Othman, Yusof Nor dan juga Zainal Abidin Abdul Kadir. Semua mereka ada rekod yang boleh dipertikaikan. Mereka tidak usah bercakap soal moral, maruah dan agama, kerana mereka juga ada kes-kes yang jelas turut sama bersekongkol dengan kegiatan rendah moral. Hamid Othman dalam diam-diam telah menggunakan kedudukannya sebagai Pengurus Majlis Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) memberi projek kepada kontraktor Cina untuk memajukan tanah wakaf Islam. Kalau Dr Mahathir hendak tahu kegiatan dan penglibatan Hamid Othman ini, beliau boleh cekup orang bernama Haji Hanif - seketurunan dengan beliau. Hanif ini juga dipercayai menjadi "Datuk Nalla" kepada Hamid Othman, khususnya menjadi '*nominee*' dalam memajukan tanah wakaf Islam di Wilayah.

Begitu juga dengan Yusof Nor. Sewaktu menjadi Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah dulu telah menyalah-gunakan kedudukannya untuk membenarkan

orang-orang tertentu menggunakan wang zakat untuk membeli saham. Yusof Nor terlibat memberi kuasa menggunakan wang zakat sejumlah RM2 juta. Kes ini telah dibawa ke mahkamah, akauntan bernama Nik Aziz sudah didakwa.

Ulama yang mengatakan tindakan memecat Anwar dilakukan mengikut syaraie, Zainal Abidin Kadir juga boleh memeranjatkan orang kalau kita mendedahkan kisahnya. Zainal mungkin tidak sedar bahawa rahsia hidupnya telah dapat dihidu! Tetapi kerana kita masih bermoral, tidak tergamak untuk mendedahkannya. Sekiranya kisah ini didedahkan, hendak tidak hendak Dr Mahathir juga boleh bertindak memecat Zainal Kadir. Kalangan wartawan senior di Utusan semua tahu balada Zainal ini.

Itulah serba ringkas sinopsis penglibatan pemimpin UMNO di dalam kerja-kerja maksiat, penyelewengan dan aktiviti rendah moral. Kisah-kisah ataupun mini skandal ini semua orang tahu. Hairannya kenapa kejadian ini tidak diketengahkan? Pasal apa Dr Mahathir tidak mengambil berat. Apakah perbuatan mereka tidak tergolong dalam perilaku rendah moral? Ukuran apa pula yang digunakan oleh Mahathir dalam menangani kes-kes anak buahnya itu? Kenapa apabila ia melibatkan Anwar walaupun belum sah lagi - Mahathir sudah gaduh macam kucing kehilangan anak?

Alasan kerana Anwar bakal menjadi PM, maka beliau harus diambil berat tidak boleh diterima. Pada sisi Tuhan semua orang perlu bersih samada dia hendak menjadi PM ataupun tidak. Dalam perkara ini Mahathir tidak seharusnya pilih kasih. Sebab soal maruah, moral dan imej, tidak kira ianya terkena di atas batang tubuh siapa, ia perlu diambil

tindakan, jika Mahathir berpegang kepada kata bidalan kerana kerbau seekor habis sekandang terpalit lumpur. Apa lagi banyak ekor kerbau dalam UMNO yang terpalit dengan lumpur!

Kenapa bila sampai bab Anwar beliau macam gila-gila bertindak? Kita tahu berita-berita yang disebarluaskan mengenai keburukan Anwar itu, masih bersifat khabar angin yang belum pasti kesahihannya. Setengahnya masih dalam penyiasatan. Tetapi kenapa ia sudah dianggap benar dan tindakan kepada Anwar telah diambil? Kenapa?

Justeru itulah kita merasakan ada motif lain kenapa beliau bersikap '*double standard*' begitu. Dakwaan tentang skandal, rasuah dan menjadi agen negara asing itu adalah alasan semata-mata. Ia sengaja diperbesarkan untuk menghalalkan cara. Afidavit yang dikemukakan itu, bukan sahaja tidak diterima oleh budak Tadika, tetapi lembu bodoh juga menolaknya. Sebenarnya ada maksud lain. Mahathir seperti sengaja mahu singkirkan Anwar. Ada sesuatu yang digeruni Mahathir tentang Anwar ini.

Orang tidak merasa hairan dengan permainan Dr Mahathir di dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukannya. Beliau boleh lakukan apa sahaja termasuk perkara-perkara yang tidak masuk akal. Dan untuk tujuan itu beliau sanggup memperalatkan kawan dan lawan. Sebenarnya banyak tindakan Dr Mahathir yang '*crazy*'. Misalnya untuk menghadapi pilihanraya tahun 1995 beliau dikatakan meminta *operator*nya menyediakan satu lukisan kartun yang lucu untuk dijadikan propaganda politik bagi menjatuhkan imej parti pembangkang (PAS). Tapi permintaan beliau itu tidak ditunaikan kerana *operator* tidak tergamak untuk melukiskannya.

Sebelum itu, tahun 1990 tentu kita masih ingat macam mana tiba-tiba sahaja, Lorraine Osman membuat pengakuan di dalam akhbar luar negeri yang menuduh Tengku Razaleigh Hamzah terlibat dengan kehilangan wang dalam skandal BMF. Tengku Razaleigh sampai bersumpah dengan nama Allah menafikan kenyataan Lorraine Osman itu. Semua orang tahu siapa yang punyai strategi dan perancangan itu dan untuk apa.

Begitu juga dengan peristiwa pembunuhan kumpulan Ibrahim Libya di Kampung Memali, Kedah tahun 1986. Orang yang menanggung beban dan terkena getah dalam kejadian itu ialah Musa Hitam. Bertahun-tahun Musa Hitam dimaki-hamun oleh orang PAS. Jarang orang tahu kalau Dr Mahathir juga sebagai Perdana Menteri boleh disabitkan dalam peristiwa pembunuhan beramai-ramai itu. Mahathir memang licik dan bijak dalam perkara-perkara seperti itu.

Oleh sebab itu mungkin apabila menyedari rakyat tidak mudah untuk mempercayai Anwar seorang korupsi, menjadi agen kepada negara asing, maka soal seks itu diperbesarkan. Mahathir tahu sebagai seorang Islam, isu seks adalah sangat sensitif dan boleh membakar amarah rakyat. Mahathir tahu kalau beliau ceritakan soal skandal seks Sabaruddin Chik atau Megat Junid, rakyat tidak akan merasa apa-apa kerana itu sudah biasa sangat.

Makin difikir makin banyak hal-hal misteri yang terbit dari tindakan Mahathir itu. Tidak semua orang tahu apakah rahsia di sebalik tindakan itu semua. Hanya orang yang faham gerak laku politik sahaja yang dapat membaca ke mana hujung jatuh tindakan Mahathir itu. Hanya jauhari sahaja yang mengenal manikam. Tetapi bagi mereka yang arif dan masak dengan sepak terjang politik Mahathir,

dengan mudah dapat membaca apakah tujuan dan ke manakah hujung jatuhnya.

Apa yang menghairankan kita kenapa Mahathir boleh bertindak di atas laporan dan khabar angin. Kenapa beliau tidak menyiasat secara menghalusi dari semua sudut. Kenapa begitu mudah beliau mempercayai kepada berita-berita yang disebarluaskan. Selaku seorang bapa tidak sepatutnya beliau menerima sesuatu itu secara bulat-bulat macam ikan baung makan tahi di Sungai Tembeling Ulu Pahang.

Dalam sebuah negara demokrasi yang mendaulatkan prinsip undang-undang kita ada mahkamah. Mahkamah adalah tempat menentukan salah ataupun benar mengenai sesuatu dakwaan atau tuduhan. Kita telah mengiktirafkan mahkamah sebagai tempat melaksanakan keadilan. Kenapa sebelum mahkamah memutuskan Anwar bersalah, beliau telah terlebih dahulu bertindak memecat Anwar? Dalam hal ini Dr Mahathir mendahului mahkamah dan tidak menghormati kepada kata-katanya sendiri. Sebelum ini beliaulah yang bersabda kita tidak boleh menganggap seseorang itu bersalah sehingga mahkamah mengatakan ia bersalah. Kata-kata itu sering diulang apabila ada individu-individu UMNO tertentu yang dilibatkan dengan sebarang kes. Apakah kata-kata itu telah dipusingkan apabila berhadapan dengan Anwar; kita boleh mengatakan salah kepada Anwar walaupun mahkamah belum memulakan pertuduhan ke atasnya?

Perkara ini ditimbulkan bukan kerana kita terlalu taksub kepada Anwar dan gila untuk membelanya. Tetapi apa yang menjadi niat kita ialah mencari keadilan dan kesaksamaan. Kita tidak mahu kezaliman dan kekejaman

terus bermaharajalela tanpa ada batasan dan sekatan. Kita mahu keadilan yang kita laung-laungkan benar-benar ditegakkan. Kita tidak mahu ianya hanya dijadikan satu slogan yang penuh retorik.

Dalam kes bekas TPM ini kita rasakan banyak yang pincang dan cacatnya. Sesetengah tindakan Dr Mahathir jelas sangat tidak adil. Bandingkan dengan kes-kes sebelum ini yang berlaku ke atas Muhammad Haji Muhd Taib dan Rahim Tamby Chik. Kenapa kedua bekas MB Selangor dan Ketua Menteri Melaka itu tidak dipecat dari UMNO? Kenapa mereka hanya direhatkan saja, dan Rahim apabila tidak didakwa, jawatan Ketua Pemuda yang disandangnya dipulangkan balik.

Apakah kerana mereka akur dengan nasihat Presiden maka tindakan seumpama itu dibuat ke atas mereka dan apabila Anwar tidak akur, maka beliau dipecat? Begitukah? Kalau benar begitu maka jelas Mahathir seorang diktator yang tidak boleh diengkar dan dibantah kata-katanya. Kalau inilah stail dan corak pemerintahannya, Dr Mahathir lebih kejam dan zalim daripada Hitler dan Mousollini yang menembak mana-mana pengikut dan anggota tentera yang engkar pada kehendak mereka. Saya katakan lebih kejam kerana Dr Mahathir masih beragama Islam yang tahu hukum-hukumnya, bukan seperti Hitler dan Mousollini yang tidak tahu agama, munasabah kalau mereka berbuat demikian.

Satu perkara yang perlu kita faham, macam mana Anwar hendak akur dengan kehendak dan nasihat PM itu sedangkan beliau yakin pertuduhan itu tidak benar. Sekiranya beliau akur bermakna secara automatik, Anwar membenarkan pertuduhan itu. Apakah implikasi ini tidak

dimengertikan oleh Dr Mahathir. Tidak mungkin untuk Anwar bersubahat membenarkan kehendak Mahathir ke atas dirinya sendiri! Tidak masuk akal.

Lagipun Anwar bukan sama dengan Mat Taib atau Rahim Tamby Chik atau anggota MT UMNO yang lain. Anwar berbeza daripada mereka semua. Anwar yang terkenal sebagai seorang pemberontak, tidak akan mudah mengaku kalah. Sebagai orang yang terlatih berani, beliau akan menentang apa saja, walaupun Presidennya. Ini hanya bisa berlaku kepada orang yang tidak mempunyai kepentingan diri. Orang yang kuat menjaga maruah dan jatidirinya sebagai orang Melayu Islam yang beragama dan beradat. Dr Mahathir tersilap orang dalam hal ini.

Timbul juga perasaan hairan kenapa Dr Mahathir enggan menerima penjelasan Anwar. Bukankah Anwar telah menjelaskan segala dakwaan itu kepadanya secara baik. Melalui surat dan berdepanan. Dokumen yang dikepalkan, ia bukan dibuat secara lisan, tetapi secara bersumpah. Mengikut prosedur undang-undang, dokumen itu boleh dipertanggungjawabkan di mana-mana mahkamah di dunia ini juga.

Adalah sesuatu yang malang apabila Dr Mahathir tidak menerima penjelasan Timbalannya sendiri, sebaliknya bersedia untuk menerima pengakuan orang lain. Kalau begitu PM lebih yakin kepada orang-orang bernama Ummi Haflida, Azizan, Khairuddin Hassan dan Hamzah Zainuddin. Apakah PM tidak terfikir orang-orang itu boleh berbohong kepadanya. Atas dasar apakah beliau menyakini keterangan dan cerita yang disampaikan oleh mereka itu. Kenalkah PM kepada mereka itu sebelum ini?

Dari maklumat yang diterima, sehari sebelum Anwar

dipecat iaitu pada malam 1 September, Ummi Haflida, Azizan, Khairuddin dan Hamzah telah dipanggil ke Seri Perdana untuk memberi pengakuan kepada Dr Mahathir di hadapan para Menteri Besar. Di majlis itu keempat orang itu telah menceritakan apa yang didakwa dilakukan oleh Anwar.

Hasil dari pengakuan mereka itulah, MB yang sebelum ini kurang percaya dan yakin dengan khabar angin dan tohmahan, mula goyang. Cerita-cerita dan pengakuan yang disampaikan mula menggoncangkan keimanan mereka. Perubahan pendirian ini juga sesuatu yang menghairankan. Macam mana MB boleh menerima bulat-bulat pengakuan empat orang itu tanpa penyiasatan dan bukti yang jelas. Kita ingin tanya dimanakah letaknya wibawa Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad dalam hal ini. Di mana letaknya kealiman Yusof Nor dan Hamid Othman. Kenapa begitu sekali mereka mudah mempercayai keterangan orang-orang itu. Apakah kerana ia dibuat di hadapan Perdana Menteri, maka keraguan tidak boleh ditimbulkan sedikitpun. Apakah bila ia dibuat di hadapan sang Agung PM, maka sesuatu yang belum sahih boleh dianggap benar?

Sepatutnya sebelum mereka telan bulat-bulat segala berita dan pengakuan yang dibuat oleh saksi-saksi agung Mahathir itu, mereka siasat dulu. Mereka kaji dulu latar belakang dan kelayakan saksi itu baik dari segi adat mahupun sudut agama (syarak). Apakah keterangan yang dikemukakan itu benar ataupun tidak, ikhlas ataupun ia mempunyai unsur paksaan. Mereka juga perlu faham, bagaimana perasaan saksi yang dangkal itu kalau sudah bercakap di dalam rumah seorang Perdana Menteri yang belum pernah dijejakinya sebelum ini. Manusia yang jiwa

kecil dan berhati semut akan mudah tunduk di hadapan orang besar.

Selain itu kita juga ingin tahu apakah kaedah Islam diterimapakai dalam menerima keterangan saksi-saksi itu? Kalau mengikut Islam saksi hendaklah membuat pengakuan bersumpah. Firman Allah ini boleh diambil sebagai panduan untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

"Dan orang-orang yang menuduh isterinya (berzina) sedangkan mereka tidak ada mempunyai saksi-saksi selain diri mereka sendiri, maka kesaksian orang itu ialah empat kali bersumpah dengan nama Allah, sesungguhnya dia adalah termasuk orang-orang yang benar. Dan (sumpah) yang kelima; bahawa laknat Allah atasnya, jika dia termasuk orang-orang dusta. Isteri itu dihindarkan daripada hukuman oleh sumpahnya empat kali atas nama Allah, sesungguhnya suaminya itu benar-benar termasuk orang-orang dusta. Dan (sumpah) yang kelima; bahawa laknat Allah atasnya jika suaminya itu termasuk orang-orang yang benar."

Kita yakin firman Allah ini dimengerti dan difahami oleh Yusuf Nor, Hamid Othman dan juga Zainal Abidin Kadir. Kita tidak tahu apakah Yusof Nor, Wan Mukhtar dan Hamid Othman dapat memastikan perkara ini dibuat. Kita perlu sedar demi mengejar sesuatu orang boleh lakukan apa sahaja. Untuk wang, cinta dan kuasa orang boleh berbohong walaupun seribu kali sehari.

Sebelum mempercayai apa yang diungkapkan oleh para saksi itu, peribadi mereka juga patut diselidiki. Siapa dia Khairuddin Hassan. Siapa dia Ummi? Siapa dia Hamzah? Khairuddin yang mengaku tiga pupu dengan Anwar merupakan kawan baik Rahim Tamby Chik. Orang

yang mengaku anak saudara Suleiman Palastin inilah yang membuat *report* polis tentang kemenangan Zahid dalam pertandingan Pemuda. Beliau adalah sang setia Rahim Tamby Chik. Kita perlu sedar dan tahu mengenai siapa Rahim Tamby Chik. Rahim adalah orang paling marah kepada Anwar apabila beliau tewas dalam perebutan jawatan Ketua Pemuda tahun 1996. Beliau dendam dengan Anwar kerana beranggapan kekalahan itu berpunca dari Anwar.

Khabarnya beliau pernah melafazkan sumpah bersedia untuk menghabiskan harta benda dan wang ringgitnya demi melihat Anwar jatuh. Begitu marah dan dendam sekali Rahim kepada Anwar. Padahal beliau kena insaf kekalahan beliau itu adalah punca dirinya sendiri. Kekalahan itu kerana Pemuda UMNO tidak sanggup mendokong orang yang dibabitkan dengan pencabulan murid sekolah.

Begitu juga dengan Ummi Haflida Ali. Sebelum mempercayai kata-katanya, kita perlu tahu siapa dia ini. Anwar sendiri membuat pengakuan yang Ummi sangat tergilakannya. Sebenarnya si Ummi ini sudah lama syok dengan Anwar. Disebabkan cintanya tidak terbalaslah maka beliau sanggup membuat fitnah ke atas Anwar yang melibatkan kakak iparnya sendiri.

Kita tidak pelik kalau Ummi tergilakan Anwar. Anwar seorang '*handsome*' dan memang digilai ramai perempuan. Nafsu perempuan pula memang kuat dan hebat. Perempuan juga tergamak melakukan apa sahaja apabila hasratnya tidak tercapai. Cerita mengenai dendam dan nafsu perempuan ini ada termaktub di dalam Al Quran. Kisah Zulaikha dengan Nabi Yusuf cukup untuk dijadikan iktibar dalam kita mengenali peribadi dalam dan luar diri perempuan.

Wanita merupakan kaum lemah yang mudah sangat terpedaya dengan tipu helah. Mudah diperalatkan. Wanita akan lemah longlai apabila melihat helaian ringgit. Tidak mustahil dalam perkara ini mungkin Ummi dijadikan alat dan termakan upah oleh para konspirator yang ingin menjatuhkan Anwar. Kita juga harus menyelidiki siapa dia orang bernama Hamzah Zainuddin. Hamzah inilah membuat cerita kononnya Anwar cuba menggoda isterinya. Siapa dia Hamzah? Hamzah mungkin ada dendam tersendiri terhadap Anwar apabila Anwar gagal membantunya untuk menyelamatkan perniagaanya yang mengalami kerugian. Setelah kecewa dengan Anwar beliau berjumpa dengan Datuk Aziz Shamsuddin, dan Aziz katanya telah menyelesaikan masalahnya.

Tetapi kenapa sanggup membuat pembohongan yang Anwar cuba goda (*tackle*) isterinya, ini pula mungkin ada kaitan dengan Aziz Shamsuddin. Kemungkinan Aziz telah mempergunakan Hamzah untuk memburukkan Anwar. Sejarah dan latar belakang Aziz dengan Anwar pula perlu dibaca. Aziz tidak sebulu dengan Anwar semasa Anwar masih mahasiswa lagi. Aziz kurang berminat dengan idelisme dan wawasan Islam Anwar.

Dan kita juga faham dewasa ini Aziz sangat mengharapkan Pak Lah akan mengganti Mahathir. Aziz sudah lama berkerja untuk memprojekkan Pak Lah. Setahun lalu beliau sudah menjelajah ke seluruh negara menaja dan menjual kehebatan Pak Lah, termasuk mengaitkan Pak Lah sebagai mempunyai tali kekeluargaan dengan Sultan Brunei. Orang berperwatakan Jepun ini memang terkenal sebagai seorang pakar dalam risikan dan juga perang saraf.

Begitulah latar belakang orang-orang yang datang ke

rumah PM dan membuat pengakuan mengenai penglibatan Anwar dalam skandal seks. Jika diperhatikan semuanya ada motif dan agenda tersendiri. Tegasnya mereka itu adalah alat kepada orang lain yang berkebetulan pula menghala busar panah kepada Anwar. Dan sanggup menjadi belaci dan broker apabila Anwar tidak akur dengan kehendak peribadinya.

Atas hakikat itulah kita merasa cukup hairan kenapa PM khususnya, dan MB boleh mempercayai cerita orang-orang itu. Di manakah letaknya daya intelektual mereka dalam hal ini. Kalau kepada orang macam Ummi, Hamzah, Khairuddin dan Azizan boleh dipercayai, alangkah teruknya daya dan qualiti kepimpinan mereka. Pemimpin semacam inikah yang diharapkan untuk memimpin negara ini? Sebenarnya pemimpin ini lebih teruk daripada mereka yang dikatakan rendah moral itu.

Berbalik kepada persoalan asal tadi di sini jelas, pemecatan Anwar itu bukan kerana isu yang dibangkitkan itu tetapi ada perkara lain yang lebih besar. Dr Mahathir hanya menggunakan isu remeh-temeh itu untuk menghalalkan tindakannya memecat Anwar. Apakah motif itu?



Hallo... Tan Sri Rahim ke tu..? ini Yati ni... Yati dah selamat melahirkan seorang anak perempuan. Yati harap Tan Sri datanglah ambil anak ini, untuk ujian DNA... bagai menentukan anak yang Yati lahirkan ini anak Tan Sri atau siapa....." Inilah murid sekolah yang dilibatkan dengan Rahim Tamby Chik. Gadis ini dipenjara tetapi Rahim dibebaskan.

KENYATAAN UMUM OLEH
UMMI HAIFIDA BINTI ALI
UC NO. A 0793275

Saya mengabdi kepadanya tidak berdasarkan didasari tujuan yang dikonsentrasikan kepada YAB Perdana Menteri di mana dipastikan aduan tersebut tidak berasas sama sekali dan belum menjurus kepada tuntutan dan fasih bagi individu-individu berkecimpung.

Ketiduruan dan ketidaksadaran tidak berlaku di mana saya dapat ada pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab tidak mahu memperolehkan keadaan dengan perluasan luang dan mengaitkan nama saya yang sama-sama berkesan fasih bagi agihkan pihak-pihak tersebut. Saya juga menafikan sekeras-ketara syarikat-syarikat yang didekati yang kesannya di tundisanggah oleh saya bukanlah surat saya kepada YAB Perdana Menteri tanpa sebaiknya dirakam oleh orang-orang keturut.

Saya menyatakan diatas apa yang berlaku dan mengaku siapa membentuk keadaan supaya itu ini tidak berkecimpung.

Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu ke tanah asingan manapun dia di sana kepadanya sendiri dan saya memberi kepada pihak-pihak yang berkepentingan supaya menghentikan segara Surat ini.

Yang Benar,



UMMI HAIFIDA BINTI ALI
UC NO. A 0793275

Tarikh : 29hb. Ogos, 1997.



Kenyataan Umum Ummi Alfida binti Ali yang menafikan pembabitan beliau dalam pengedaran surat layang memfitnah Anwar. Beliau juga menafikan tandatangan didalam surat tersebut bukan tandatangan beliau.



Noreen Nor yang sudah dua kali menjanda digossipkan dengan Megat Junid. PM pun tahu Megat Junid mudah mabuk kalau melihat perempuan seksi. Tapi anehnya kenapa kalau dengan Megat Junid PM boleh pejamkan mata!?



Megat Junid bersama 'Permaisuri Tua'. 'Permaisuri Kedua' tak berkesempatan muncul di tempat awam begini, kesian Permaisuri itu. Khabarnya orang sebelah tu baru saja menjadi 'Permaisuri Ketiga'. Sudah tiga nak tambah empat, Anwar jatuh Megat melompat, tahun depan jadi empat. Kalau sempat.....




Bakal Timbalan Perdana Menteri (Najib Razak) sewaktu muda remaja. Apakah orang seperti ini boleh dikatakan mempunyai moral dan layak pula untuk bercakap pasal moral orang lain? Najib sedang berpelukan dengan kekasihnya semasa menuntut di luar negeri. Waktu ini beliau tidak terfikir untuk menjadi Perdana Menteri. Layakkah kalau orang seperti ini menjadi PM Negara Islam.

AKUAN BERSUMPAH

1. Saya, AZIZAN BIN ABU BAKAR (NO. K/P. 608814-05-5115) adalah seorang warganegara Malaysia yang cukup senior yang berdomisili di No. 3402, Panggungpuri Dahbi A, Jalan 3/11, Bandar Baru Geylang, 68100 Kuala Lumpur, Selangor Darul Ehsan.
2. Saya berikrar dan bersumpah bahawa saya tidak pernah menggalakkan pembiaran pencetakan buku yang berjudul "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM" (menerusnya dikenali sebagai "buku tersebut").
3. Saya berikrar dan bersumpah bahawa saya tidak terlibat dalam apa jua cara pun dengan penulisan, percetakan, penjualan dan pengedaran buku tersebut.
4. Saya berikrar dan bersumpah bahawa saya telah dilibut oleh pihak polis ber-bersamaan dengan seseorang yang mengaku dirinya seorang hakim menteritai. Maka saya tidak pergi ke Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman untuk membaiki siasatan polis. Ketika itu pihak polis telah merujuk saya kepada bahagian buku tersebut yang berkait dengan saya.
5. Saya berikrar dan bersumpah bahawa kandungan buku tersebut setakat mana saya merujuk kepada saya adalah tidak benar sama sekali dan adalah berjatah.
6. Saya membuat Aklam Bersumpah ini atas alasan agar kenyataan-kenyataan saya mengenai perkara-perkara yang tersebut di atas adalah diakui sebagai seolah perihadi saya. Saya mohon memberi kesempatan mengenai perkara-perkara tersebut di atas semasa saya dilibut oleh pihak polis dalam penyiasatan polis mengenai buku tersebut. Seterusnya saya akan memberi keterangan bersumpah mengenai perkara - perkara yang termaktub dalam Aklam Bersumpah ini pada sebarang prosesidur hukum yang berlaku dengan perkara buku tersebut kelak.
7. Saya membuat Aklam Bersumpah ini dengan penuh kepentingan bahawa segala kandungan dalam aklam ini adalah benar sahaja pengakuan saya dan saya membuat aklam ini dengan korelaasi hati saya sendiri tanpa paksaan dan sejauh dan menerut kehendak yang terkandung dalam Akta Aklam Berkawan, 1960.

Diperbuat dan dengan sebenarnya
bercetak oleh yang tersebut di
atas tulis

AZIZAN BIN ABU BAKAR
(NO. K/P. 608814-05-5115)
di Kuala Lumpur pada 10 AUG 1998
berdasarkan



Alamat saya,
No. 3402
AGAI KEE MEONG
58100 Kuala Lumpur.

Azizan menafikan yang beliau bersekongkol dengan Khalid Jafri untuk menerbitkan buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM." Beliau juga menafikan kenal dengan Khalid Jafri.


KENYATAAN UARUM DILIH
AZIZAN B. ABU BAKAR
W/P No: 5980324

Beknown saya Azizan bin Abu Bakar mengaku tidak pernah menulis Rangkaian bersumpah yang bertarikh 5/8/97 yang telah disebarluaskan baru-baru ini.

Sekali lagi saya yang berturut-turut di dalam surat tersebut adalah seorang fitrah berlatar. Saya terpaksa menjelaskan diri. Selain namanya saya telah dilibatkan sebagai penulis surat tersebut oleh orang / orang-orang yang tidak berpuji-puji jasaku. Sebaliknya mereka untuk tujuan politik.

Saya merasa kesal diantara apa yang telah berlaku dan berharap dengan penjelasan ini dapat memperbaiki keadaan.

Yang berasa,


Azizan b. Abu Bakar.
W/P 5980324



Kenyataan Azizan bin Abu Bakar mengaku tidak menulis rangkaian bersumpah yang bertarikh 5 Ogos 1998 yang telah disebarluaskan baru-baru ini.

BAB 5

DI ANTARA KASIHAN DAN KEBENCIAN

MENERUSI buku; *Antara Anwar, Dollah dan Sanusi - Tuhan Pilih Siapa*, yang diterbitkan pada tahun 1992, saya telah meramalkan tentang nasib dan masa depan Anwar Ibrahim. Dalam bab, *Anwar Ibrahim - Pencetus Perang Saudara*, ada saya menyebut masalah dan rintangan yang akan dihadapi oleh Anwar apabila beliau menguasai UMNO kelak. Dalam bab itu juga saya sudah membayangkan masalah yang berlaku hari ini akan menimpa Anwar Ibrahim. Saya membuat *prediction* yang Anwar akan berhadapan dengan rintangan yang amat besar. Sekiranya beliau tidak berhati-hati, gelombang itu boleh mengagalkan dan mengecewakan harapannya.

Kenapa saya berkata begitu kerana kita sudah tahu di antara idealisme Anwar dan UMNO jauh berbeza. Anwar seorang yang mempunyai cita-cita Islam yang berpegang

kepada Quran dan Hadith, sedang UMNO adalah sebuah organisasi Melayu yang bermiripkan kepada fahaman Barat (sekular). Perbezaan inilah yang menyebabkan Anwar tidak mungkin berada lama di dalam UMNO dan beliau akan berhadapan dengan segala pencaroba termasuk bermacam penentangan ke atasnya oleh golongan fanatik UMNO.

Seperti mana yang diketahui kemasukan beliau itu adalah sebagai satu eksperimen untuk mengIslamkan UMNO. Hakikat ini diakui sendiri oleh Anwar secara senyap atas maslahat politik. Lantaran itu kita sudah tidak yakin beliau akan berjaya, kerana dalam Islam tidak ada kaedah melakukan percubaan. Apa yang ada hanya diantara yang hak dan batil. Matlamat menghalalkan cara tidak berlaku di dalam Islam. Menurut Islam sesuatu yang haq itu mesti menerusi saluran dan kaedah yang haq.

Lebih ironis lagi menerusi bab itu ada saya menyebutkan yang Anwar akan disingkir dari UMNO. Antara lain saya menyebut; "*Meneliti kepada kesungguhan golongan yang bakal menentang Anwar kelak, menyebabkan kita merasakan Anwar tidak akan bertahan lama dalam UMNO. Beliau akan dihimpit dengan berbagai masalah kerana beliau tidak mempunyai teras dan akar tunjang yang ampuh untuk membolehkan beliau tegak berkuasa dalam UMNO.*"

"Beliau sudah tentu nanti akan ditekan, ditindas dan diserang habis-habisan. Pengakhiran kepada 'pertempuran' itu kelak, akan menentukan sama ada Anwar terus menguasai UMNO atau akan disingkir." - Muka surat 95.

Jika Anwar dapat membaca makrifat di sebalik pernyataan di atas beliau patut berhati-hati. Beliau kena

membuat persediaan sejak awal-awal lagi. Malangnya orang-orangnya pula tidaklah mudah mempercayai dan menyakini bahawa kekuasaan sudah berada dalam genggaman mereka. Tetapi kerana mereka alpa, campur sedikit dengan perasaan ego, maka peringatan maha penting itu dikesampingan begitu sahaja.

Nah ternyata apa yang dibayangkan itu menjadi kenyataan. Tetapi waktu itu, tujuh tahun lalu semua orang mencemuh terhadap apa yang dituliskan itu. Ia dikira tidak lebih sebuah ramalan bohong oleh tukang tilek yang tidak bertauliah yang mengemis harap di kaki lima. Ramalan dan ulasan buku-buku politik ditolak dengan penuh sinis oleh orang-orang Anwar. Ruslan Kassim, Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan misalnya pernah mencadangkan dalam perhimpunan Agung UMNO, agar perwakilan menghumbangkan buku politik kerana ia tidak boleh membangun minda ahli UMNO.

Kerana itu mungkin Anwar dan orang-orangnya tidak mengambil berat terhadap apa yang telah saya bayangkan itu. Mereka sedikit pun tidak merasai bahawa suatu hari kelak mereka akan berhadapan dengan masalah yang telah dihadapi hari ini.

Bukan setakat itu sahaja, dalam buku-buku yang lain saya terus memberi perhatian kepada Anwar. Saya memberi ingatan dan panduan. Misalnya dalam buku Agenda 1996 Anwar lawan Mahathir, saya telah membuka ruang terbaik untuk Anwar melawan Dr Mahathir. Dalam pandangan saya, pada tahun itulah satu peluang keemasan bagi Anwar untuk menundukkan Dr Mahathir. Tetapi sayang kesempatan yang terbaik itu tidak diambil oleh Anwar.

Jadi hari ini apabila berlaku tragedi itu barulah

semuanya terbelalak biji mata. Baru mengatakan apa yang saya tulis dan ramalkan selama ini benar. Tetapi kekesalan itu sudah terlambat, nasi sudah menjadi bubur. Tinggal beberapa hari, malah saat lagi bubur itu akan ditelan, dikunyah kemudian akan menjadi najis yang akan dikumuhkan di merata tempat. Maknanya nasib Anwar hari ini sudah menjadi seperti nasi bubur. Kalau tidak ada usaha bersungguh untuk menyelamatkan nasi bubur itu menjadi keras, ia akan menjadi bahan perkumuhan sahaja. Adalah amat sayang sekali, bubur yang terhasil dari beras baik itu mengalami nasib demikian. Kita tidak mahu api perjuangan yang ditüp selama ini akan mati begitu saja.

Ada beberapa faktor kenapa Anwar senang ditendang oleh Dr Mahathir. Antaranya perbezaan amalan dan stil politik. Perbezaan inilah menyebabkan Anwar kelihatan lemah dan mudah mengalah kepada Mahathir. Sebagai seorang yang mempunyai keimanan dan didikan Islam serta moral yang tinggi Anwar mudah meletakan kepercayaan kepada Dr Mahathir. Beliau menjadi jujur mempercayai apa saja cakap-cakap dan janji Mahathir.

Anwar terlalu baik. Hubungan beliau rasakan seperti anak dengan bapa dengan Mahathir menyebabkan beliau tidak ada syak wasangka. Beliau mempercayai seratus peratus. Dan dengan kedudukan beliau di kerusi nombor dua menyebabkan beliau penuh berkeyakinan tidak ada siapa yang boleh mengkhianatinya. Anwar sudah tidak nampak kepada musuh-musuhnya. Dia lupa bahawa, Dr Mahathir sendiri akan menjelma menjadi musuh kepadanya.

Sikap dan cara ini salah dan inilah yang memerangkap Anwar. Kepercayaan, kejujuran yang beliau berikan telah memakan dirinya sendiri. Budi baik tidak terbalas,

kecelakaan pula yang diterima. Seharusnya Anwar harus ingat, berbudi dalam politik tidak semestinya dibayar dengan budi. Kawan dalam politik tidak selamanya menjadi kawan dan begitu juga musuh, tidak selama menjadi musuh.

Anwar sepatutnya kena faham mengenai feel dan juga perangai Dr Mahathir. Sebagai seorang yang didikan dalam tempurung sekular dan mengamalkan politik Machiavelli - matlamat menghalalkan cara secatus peratus, beliau tidak boleh tidur di dalam perut Mahathir. Beliau tidak patut menyintai Mahathir seperti mana beliau kasih dan cintakan Azizah. Barang kali ini kelemahan orang bersangka baik - *husnuz-zan*.

Justeru kebaikan itu menyebabkan beliau tidak membuat apa-apa persediaan. Dalam masa itu juga Dr Mahathir merancang untuk menjatuhkannya. Anwar seharusnya belajar daripada sejarah politik Dr Mahathir itu sendiri. Beliau seorang yang licik dan sanggup melakukan apa saja untuk dirinya. Dr Mahathir seorang yang tidak mempunyai sentimental dan rasa kesian. Falsafah dan konsep kedoktoran yang menjadi pegangannya benar-benar dipraktikkan dalam politik dan pemerintahan.

Falsafah kedoktoran sekular tidak mempunyai rasa kesian, simpati dan hormat. Demi menyelamatkan nyawa manusia mereka akan lakukan apa sahaja dan sangat berkeyakinan dengan ilmu kedoktoran mereka. Doktor sekular tidak lagi mengharap kepada bantuan-bantuan lain seperti doa untuk menyembuhkan seseorang. Mereka meletakkan keputusan itu ke atas kebijaksanaan ilmu mereka semata-mata. Sebab itulah Dr Mahathir tidak percaya kepada jampi dan doa. Kalau beliau yakin beliau tidak tergamak mencerca Datuk Dr Harun Din dan juga

ulama-ulama lain. Dalam satu mesyuarat yang di hadiri oleh Menteri Besar, Dr Mahathir telah menuduh Datuk Dr Harun Din berbohong dan menipu orang ramai dengan menjual air tawar.

Tragedi yang menimpa Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Ghafar Baba, dan Hussein Onn seharusnya dijadikan kitab muktabar bagi Anwar mengenali keperibadian Dr Mahathir. Kalau Musa Hitam, Mahathir boleh ditendang begitu saja, apalah Anwar. Padahal kekuatan, pengaruh Musa Hitam dalam UMNO bukan kecil anak. Begitu juga dengan Tengku Razaleigh Hamzah, pengaruhnya didalam UMNO bukan calang-calang. Kekalahannya dalam pertandingan merebut jawatan Presiden pada tahun 1987 dengan kekurangan 53 undi menjelaskan hakikat itu.

Kedua tokoh ini, Musa dan Ku Li mempunyai penyokong peringkat akar umbi yang kuat. Mereka mempunyai fundamental dalam UMNO, sedangkan Anwar tidak memiliki kelebihan ini. Kalau dengan kelebihan dan keistimewaan itu, Mahathir berani juga bertindak, apalah lagi ke atas Anwar.

Sewaktu mempunyai kedudukan dan kuasa dulu Anwar harus sedar siapa dirinya. Beliau kena insaf yang beliau dibawa masuk dalam UMNO kerana dijemput dan dibentangkan permaidani merah. Saya pernah menyifatkan Anwar didalam UMNO seperti anak punggut Dr Mahathir. Atas sifat itu beliau harus pandai menyesuaikan diri - banyak berkawan, menghormati orang tua dan jangan cepat membuat perangai-perangai yang tidak disukai orang. Tokoh-tokoh veteran yang cemburu dengan Anwar hanya menanti masa dan kesalahan Anwar saja untuk mereka

bertindak.

Kerana itu Mahathir sedikit pun tidak merasa hairan. Padanya akar tunjang Anwar terlalu muda di dalam UMNO. Anwar tidak mempunyai kaum kerabat yang banyak dalam UMNO. Dan pada masa yang sama juga ia dicemburui oleh anak-anak UMNO tulen. Realiti itulah menjadikan Dr Mahathir tidak segan dan merasa gerun untuk memecat Anwar pada 2 September lalu.

Kenapa Anwar bersikap berbaik sangka dan suka untuk menerima pandangan orang terhadap niat buruk seseorang ialah kerana beliau terbawa-bawa stail dan akhlak sewaktu memimpin ABIM. Di dalam ABIM setiap keputusan, perselisihan pendapat diselesaikan secara syura. Tidak ada manusia yang bernafsu besar didalam ABIM. Ikhwan di dalam ABIM juga berbeza dengan ikhwan di dalam UMNO.

Sahabat di dalam UMNO adalah sahabat kebendaan. Sahabat yang datang sewaktu kita berjaya dan berkuasa, dan akan pergi apabila kita jatuh dan dihina. Mereka akan melarikan diri lintang pukang untuk menyelamatkan diri. Tidak cukup itu mereka juga sanggup mencemuh kita balik. Sahabat didalam UMNO ialah sahabat kedai kopi, sahabat projek, sahabat berdangdut, dan bukannya sahabat sejati yang rela untuk sehidup semati dengan kita.

Inilah yang Anwar tidak dapat mengesannya sejak lama dulu, ataupun kurang memberi perhatian kepada elemen-elemen ini. Apa yang berlaku kepada kawan-kawan beliau hari ini tidak ubah seperti sekumpulan haiwan yang melarikan diri apabila hutan kecil yang menjadi *kloni* mereka terbakar. Masing-masing bertindak untuk menyelamatkan diri sendiri. Mereka sudah lupa kepada

ketua mereka, lupa kepada sahabat mereka, lupa kepada sumpah dan janji perjuangan mereka, dan apa yang tercatuk di dalam kepala ialah diri mereka selamat. Haiwan-hawain seperti ini adalah haiwan yang penakut!

Apa yang menyediakan didalam kumpulan haiwan ini bukan saja haiwan kecil yang merasa kecut perut dan menggeletar, tetapi termasuk juga haiwan besar seperti gajah, harimau, badak, singa yang sebelum ini ngaumannya bukan main lagi. Itu baru hutan kecil terbakar, entah macam mana jadinya kalau hutan rimba yang hagus ataupun ditimpa malapetaka!

Orang-orang yang dulunya menyokong Anwar, yang melepak di pejabat, berusrah dan bertahrim di rumah Anwar, yang melahirkan dan menzahirkan kecintaan kepada idelisme perjuangan Anwar, sudah hilang entah ke mana apabila beliau dipecat dari kerajaan dan UMNO. Mereka menjadi senyap sendu tidak terkutip walaupun sepatah bahasa. Usahkan mengharap pembelaan dan simpati, bayangan mereka juga hilang. Sesetengahnya dalam sekilip mata sahaja sudah menukar kiblat sokongan. Dulu menyanjung tinggi Anwar kini tidak cukup tangan untuk menjulang Dr Mahathir.

Hanya beberapa orang sahaja yang kesetiaan mereka tidak berubah. Yang tali persahabatan mereka masih utuh. Yang dapat menahan badai dan gelombang. Yang menyatakan pendirian tegas sehidup semati dengan perjuangan Anwar. Mereka itu ialah Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamid, Penolong Setiausaha Shaifuddin Nasation, Dr Rahim Ghouse, Ruslan Kassim. Itu sahaja para pemuka UMNO yang tinggal yang lain entah ke mana menghilang. Di kalangan pemuda ini sahajalah yang

bersama Anwar. Yang menangani dan meneruskan perjuangan. Hendaknya empat Pemuda "Ashabul Khafi" ini akan terus diberikan kekuatan iman dan ketakwaan oleh Allah.

Kita sungguh kesal dengan sikap pemuda yang diharap menjadi tiang negara, tetapi awal-awal lagi sudah terjelapak tunduk kepada kezaliman dan kemungkaran menjadi pandir kepada Dr Mahathir. Dari kira-kira 25 orang Exco Pemuda hanya empat orang sahaja yang bersama Anwar. Bayangkanlah betapa dukacitanya kita. Pemuda sudah kehilangan keberanian. Pesaka dan petua perjuangan yang ditinggalkan oleh Jaafar Albar dan Harun Idris tidak menyerap ke dalam diri mereka. "*Ginger Beer*" yang diproseskan oleh Jaafar Albar untuk melahirkan pemuda yang dinamik dan bertanggungjawab kepada bangsa dan agama tidak menyerap ke dalam jatung hati mereka.

Dari 25 orang Exco Pemuda, hanya empat orang sahaja yang mempunyai 'telor' yang sempurna - (dua). Manakala yang lebihnya kurang 'telor'. Sepuluh orang Pemuda yang mengambil sikap bersetuju dengan pemecatan Anwar tetapi tidak setuju dengan saranan agar Zahid berhenti, adalah Pemuda yang mempunyai telor sebij. Manakala 13 orang Pemuda yang bersetuju dengan pemecatan Anwar dan bersetuju Zahid diberhentikan, adalah pemuda yang tidak mempunyai telor langsung.

Pemuda-pemuda yang sebegini, baik yang mempunyai satu 'telor', atau tidak ber'telor', elok kalau mereka terus menjadi pondan dan mendaftar menjadi ahli Pergerakan Wanita UMNO, duduk di bawah ketiak Siti Zaharah Suleiman yang baru menjanda itu. Setidak-tidaknya mereka akan dapat menikmati kewangian *perfume* Siti Zaharah.

Jadi dalam keadaan sekarang kalau Anwar berhajat untuk mendapat simpati dan sokongan dari UMNO jangan bermimpi. Mereka tidak akan merelakan diri mereka hangus dan tenggelam bersama Anwar. Mereka lebih memikirkan soal hidup dan mati mereka daripada mempertahankan idealisme perjuangan. Anak-anak didik Anwar yang kini sudah berpangkat dan berjaya tidak lagi menjenguk muka ke rumahnya. Mereka yang hadir hanyalah golongan orang yang dulu tidak mempunyai apa-apa kepentingan darinya. Jangan hairanlah, orang berjiwa semut tidak bersedia untuk meniarap makan pasir dan menentang makan embun.

Kesimpulannya, kemalangan yang menimpa Anwar hari ini ialah kerana sikap baiknya. Beliau terlalu jujur dan ikhlas dalam politik. Beliau terlalu menghormati dan mempercayai ketuanya. Sebenarnya apa yang menjadi amalan Anwar itu adalah amalan terpuji. Cuma apa yang malangnya pernyataan kasih dan sayang itu, tidak kena pada tempatnya. Dan dalam situasi yang sama kebencian ketuanya kepada beliau tidak dapat dibendung lagi.

Baik kepada Anwar dan sesiapa sahaja yang mempraktik sistem politik sekular sebagai wadah perjuangan, janganlah mudah percaya kepada kawan dan sahabat. Dan sekiranya kita tidak sanggup bertindak diluar batas-batas kemanusiaan, hukum agama dan adat bangsa, janganlah memilih wadah dan sistem tersebut untuk melayari bahtera perjuangan.

Begitu juga kalau kita berhajat untuk membunuh musuh dalam politik, kita jangan main-main dengan niat itu. Kita hendaklah melaksanakannya sampai ke akhir. Jika kita membunuh musuh dalam politik jangan mudah meninggalkan mayatnya. Kita harus memastikan biar mayat

itu masuk ke liang lahad baru kita boleh meninggalkannya. Jika kita tinggal dan percaya ia sudah mati, mayat itu pasti akan hidup, dan ia akan membunuh kita kembali. Pembunuhan oleh mayat adalah dua kali lebih kejam daripada pembunuhan biasa.

Jika diperhatikan kepada tindakan Dr Mahathir ke atas Anwar, Dr Mahathir bukan sahaja membunuh dan menimbulkan mayat Anwar, sebaliknya beliau juga berusaha menyembunyikan pusara Anwar dari di kesan. Jika beliau tidak sekejam itu, Dr Mahathir hanya memecat jawatan Anwar, tetapi bukannya memecat keahlian Anwar didalam UMNO menerusi satu konspirasi yang amat kotor dan meloyakan.



Ahli UMNO yang tidak menggunakan akal dan termakan dengan fitnah ke atas Anwar sudah mula membencinya. Tetapi rakyat
tidak mempunyai apa-apa kepentingan terus mengasihai Anwar.

BAB 6

REAKSI PELBAGAI PEMIMPIN EKORAN PEMECATAN ANWAR



BERBAGAI reaksi dan ulasan yang dikeluarkan oleh para pemimpin, tokoh politik baik kerajaan dan pembangkang, pemimpin NGOs, persatuan dan individu ekoran tindakan Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar Ibrahim dari menjadi Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan juga pemecatan selaku Presiden UMNO dan keahlian UMNO pada 2 dan 3 September lepas.

Secara umumnya, rata-rata pendapat ditabur dan dihemburkan menyokong penuh tindakan pemimpin agung UMNO itu. Di kalangan UMNO tidak ada seorang pun yang berani mengeluarkan kenyataan yang sensional, melainkan dua tiga orang pemimpin yang sudah dikenali pasti menjadi pengikut dan pengagum setia Anwar sejak lama dulu. Boleh dikatakan semua pemimpin tertinggi UMNO sepakat dalam hal ini.

Sebagai kenangan dan rakaman sejarah kenyataan dan ulasan mereka dirakamkan. Mungkin hari ini kenyataan dan pandangan itu tidak penting, tetapi untuk 10 atau 20 tahun akan datang rakaman rasa itu akan menjadi satu ulasan yang sangat bernilai.

Kenyataan beberapa pemimpin UMNO ini dipetik daripada Berita Harian dan Utusan, 5 September 1998.

Datuk Sabbaruddin Chik (Setiausaha Agung UMNO yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan) - "Singkir daripada parti bukan perkara baru yang tidak pernah dibuat. Perdana Menteri (Mahathir) sendiri pun pernah disingkir dari parti."

"Cuma bezanya Perdana Menteri semasa disingkir dia tidak diberi peluang untuk mempertahankan haknya."

"Yang ini dia disingkir dan diberikan peluang mempertahankan dirinya. Dia diberi peluang yang panjang untuk bercakap."

Datuk Abu Hassan Omar (Menteri Besar Selangor) - "Demi untuk menjaga kepentingan UMNO, MT memutuskan untuk memecat Anwar daripada parti berkuasa serta merta. Keputusan oleh MT berdasarkan fakta-fakta dan dengan itu tidak benar sama sekali kenyataan bekas TPM itu bahawa wujud pakatan menjatuhkannya."

Datuk Abdul Hamid Othman (Menteri Di Jabatan Perdana Menteri) - "Ahli UMNO perlü bijak menangani masalah ini. Ia tidak boleh diselesaikan mengikut emosi."

Tengku Razaleigh Hamzah (Ahli Parlimen dan Ketua UMNO Gua Musang) - "Saya penuh yakin keputusan ini dibuat demi memelihara imej dan menjamin

nama baik UMNO yang merupakan parti umat Islam terbesar dan tonggak perjuangan orang Melayu dan umat Islam negara ini”.

Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib (Naib Presiden UMNO) - “Kita tidak ada pilihan lain. Hanya UMNO sahaja yang dapat membawa orang Melayu ke arah lebih gemilang. Orang Melayu, khususnya ahli UMNO tetap berdiri teguh di belakang Dr Mahathir.”

Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (MB Terengganu dan ahli MT) - “Keputusan memecat Anwar dibuat secara sebulat suara. Bukan tindakan berbentuk kuku besi oleh mana-mana pihak. Tidak ada ahli yang berpura-pura ketika memberi pandangan sama ada di depan atau di belakang Presiden parti, keputusan ikhlas ahli MT itu tetap sama.”

Tan Sri Mohd Khalil Yaakob (MB Pahang dan ahli MT) - “Isu penyingkiran Anwar dari UMNO bukan pertama kali berlaku dan ia diselesaikan dengan baik pada masa-masa lalu. Tindakan ke atas Anwar tidak akan menjelaskan perpaduan ahli UMNO diperangkat akar umbi.”

Datuk Fauzi Abdul Rahman (Tim. Menteri di JPM) - “Saya akur dengan keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri itu, kerana keputusan itu tidak boleh dipertikaikan sama sekali.”

Tan Sri Ramli Ngah Talib (MB Perak dan ahli MT) - “Mereka perlu faham keputusan penting yang dibuat oleh Mahathir, mempunyai sebab-sebab penting.”

Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (MB Negeri Sembilan dan ahli MT) - “Mungkin peringkat awal akan menjadi gawat, tetapi saya percaya ahli UMNO menjadi lebih jelas apabila kita mananamkan kepentingan parti

melebihi segala-galanya."

Datu Seri Abu Zahar Isnin (Ketua Menteri Melaka dan ahli MT) - "Ahli-ahli parti termasuk pemimpin yang mengabaikan tanggungjawab moral perlu disingkirkan."

Datuk Annuar Musa (Men. Pembangunan Luar Bandar) - "Kita dapat memahami apabila dipecat daripada ahli parti bermakna juga Anwar melakukan sesuatu yang serius, kalau tidak ia tidak dipecat."

Tan Sri Khalid Yaakob (MB Pahang dan Ahli MT) - "Penyingkiran seorang pemimpin UMNO bukan satu perkara baru dalam parti itu, malah pernah berlaku sebelum ini."

Datuk Wira Mohd Ali Rustam (Tim. Pengangkutan) - "Tidak ada pakatan melainkan kewarasan di kalangan MT."

Tan Sri Rahim Tamby Chik (Bekas Ketua Pemuda UMNO) - "Saya berharap Anwar tidak membuat tuduhan melulu bahawa wujud konspirasi untuk menjatuhkan beliau."

Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (Men. Luar Negeri) - "Setahu saya belum ada Timbalan Presiden yang dikenakan tindakan sedemikian. Tetapi ini keputusan pemimpin parti yang meletakkan kepentingan parti mengatas segala-galanya. Yang penting sekarang ialah supaya ahli-ahli UMNO memahami tindakan tersebut kerana tugas lebih berat iaitu untuk mengekalkan perpaduan dan kekuatan parti."

Kesemua 52 ahli parlimen UMNO termasuk dari Pulau Pinang yang tidak memegang jawatan dalam kerajaan

menyokong tindakan Dr Mahathir. Pengerusi Kelab itu, Dr Jamaluddin Jarjis berkata, sokongan itu dicapai dalam satu perbincangan.

Diantara asas sokongan ialah; Perdana Menteri adalah pemimpin yang berfikiran jauh dan berpengalaman luas. Kedua-dua unsur itu tentunya telah digunakan sebaik mungkin dalam membuat keputusan.

Datuk Seri Najib Razak (Menteri Pendidikan)

- "Saya percaya dan penuh keyakinan bahawa tindakan presiden parti mestilah berasaskan kepada fakta-fakta yang kukuh..."

Datin Paduka Rafidah Aziz (Men. Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa) - "Perlucutan Datuk Seri Anwar dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah kerana kelakuan peribadi. Keputusan itu tidak ada kaitan langsung dengan masalah politik, ekonomi atau hubungan dengan Perdana Menteri."

Datuk Fadzil Mohd Nor (Presiden PAS) - "Walaupun menjadi hak Perdana Menteri untuk menggugurkan menteri dan timbalannya tetapi yang mendukacitakan adalah alasan yang dibuat, bagi saya ia sangat keterlaluan.

"Ia memberi gambaran yang sangat buruk kepada peribadi Anwar yang saya kenali sewaktu sama-sama dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

"Walaupun saya berbeza wadah politik dengan Anwar tetapi saya tidak dapat menerima tuduhan sebegitu buruk terhadap beliau."

Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (MB Kelantan)

- "PAS dukacita dengan perlucutan jawatan Datuk Seri

Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Biasanya pihak yang sedang berlawanan seperti PAS akan berasa gembira apabila lawannya ditimpa bala atau musibah, tetapi saya sedikit pun tidak gembira. Malah saya merasa sugul, runsing dan dukacita, lebih-lebih lagi apabila saya diberitahu ada masjid di negeri ini disebarluaskan dengan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri."

Manakala diantara pertubuhan bukan kerajaan yang menyatakan keterkejutan di atas perlucutan jawatan Anwar ialah; Amnesty International, Majlis Maufakat Pembangunan (MMP), Teras Pengupayaan Melayu (Teras), Majlis Gerakan Muda Prihatin (Gema), CENPEACE, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Institut Analisa Sosial (Insan), Suaram, Sahabat Alam Malaysia (SAM), Kelab Remaja Prihatin (KRP), Dewan Perniagaan China, Tenaganita, Pertubuhan Pembangunan Kolektif Wanita (WDC), Majlis Peguam Malaysia dan lain-lain.

Semua mereka melahirkan rasa kesal dan menyifatkan tindakan melucutkan jawatan itu tidak berlandaskan ketulusan dan sekaligus menunjukkan Perdana Menteri bukan saja tidak mengambil kira hak kebebasan pemikiran rakyat di negara ini.

Tidakkan itu juga disifatkan sebagai timbulnya spekulasi yang tidak bertanggungjawab yang akhirnya boleh menjatuhkan kredibiliti kerajaan. (Suara Mahasiswa Edisi 4, terbitan Majlis Mesyuarat Pelajar Malaysia (MMPA).

Wiley Blackwell Publishers

Carthage, New York

Entre Images Intégrées signe un partenariat avec la plateforme Impact Data, leader mondial dans l'analyse et la prévision des impacts sociaux et environnementaux. Ce partenariat va permettre à Images Intégrées de proposer une offre complète d'analyse et de suivi des impacts sociaux et environnementaux tout au long du cycle de vie des projets.

“I’m not afraid to tell them what they’re doing wrong,” says Dr. David L. Johnson, director of the University of Michigan’s Injury Prevention Center. “They’ll listen.”

Следует видеть, что введение новых правил в базе данных может привести к тому, что некоторые из существующих правил могут перестать работать, а также к тому, что новые правила могут не соответствовать существующим.

Наиболее ярким примером является то, что в 1994 году Южная Африка провела первые парламентские выборы, в которых участвовали представители всех рас и национальностей страны.

Следует отметить, что лучше все-таки звать Робин Райса
лично, поскольку для писательской работы Каннек тут все-таки член
академии российской кинематографии.

...Juga dimulai jauhan masa kebelakangan dengan pihak-pihak lain. Ketika Pihak-pihak lain mendengar tentang perjanjian ini, mereka merasa puas dan bahagia dengan mengatakan bahwa "Indonesia benar-benar sebuah negara".

Untuk hal ini, sebaiknya dilakukan peningkatan keterampilan dan pengetahuan teknologi informasi dan komunikasi bagi para pengajar dan peserta didik. Dengan demikian, mereka akan mampu memanfaatkan teknologi informasi dan komunikasi untuk mendukung pembelajaran dan kegiatan perkuliahan. Selain itu, pengembangan kurikulum dan program akademik juga perlu dilakukan agar selaras dengan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi.

представляет собой вспомогательную, добавочную услугу, имеющую значение для поддержания функционирования Регионального центра, несет функции узла связи между центральными и местными органами государственной власти.

gawai-pekerja dan mengetahui bahwa sistem kerjanya apakah pola kerjanya, caraproses produksi hasil dan sebagainya semuanya yang dilakukan dalam sistem kerja dan sistem teknologi mana dia akan berhasil. Maka segera pula yang menjadi tujuan hasil kerjanya. Misalkan misalnya dalam kerjanya mengolah rambutan yang ada di sekitar rumahnya, maka hasil kerjanya adalah rambutan yang sudah siap dikonsumsi atau dijual. Jika sebaliknya hasil kerjanya adalah rambutan yang belum siap dikonsumsi, apakah pilahan biji, maka tentu sistem kerjanya tidak berhasil.

надлежало писателю вспоминать о том, что он писал, и писатель не мог забыть о том, что писал.

卷之三

pekerjaan yang dilakukan oleh berbagai kelompok etnis di Indonesia. Berikut ini adalah beberapa contoh penelitian yang dilakukan oleh para ahli dalam bidang antropologi dan sosiologi terhadap masyarakat suku Dayak di Kalimantan Selatan.

Java meningkatkan status Boko Haram? Setelah berjam-jam berdebat, para ahli akhirnya mendukung Duta Besar Hague pada pihak keberadaan kelompok-kelompok teroris, termasuk ISIS dan Boko Haram. Para ahli pun akhirnya menyetujui resolusi yang diajukan oleh Duta Besar Hague. Dua hari kemudian, Duta Besar Hague mengumumkan bahwa resolusi itu akan segera diadopsi.

Dangerous temporal latencies used that noncontingent policies were set up against particular weather with mixed. Such reinforced spatial predictions maintained latencies for weather predictions (D'Agostino *et al.*, 1998) while latencies among strong latencies (Kleindl *et al.*, 2003) made possible very timely regular predictions. Latency times were longer for policies that have weaker than those that are more predictable. There was also policy bias toward the individualized and unpredictable control when selecting predictability. The controls longest time latency, but shortest time prewarning, has the potential being most useful before the weather event. Weather events related to other cities, locations, location change, and climate, a few years later, seemed to suggest latencies in latencies which were found in 10 out of 100 cases that were illustrated by D'Agostino *et al.* (like latencies in

Determine the total area under the curve for the following probability distribution function. Round your answer to three decimal places.

Dear staff, management and delegates from our clients, we thank you for your support of the Progress Report meeting yesterday afternoon. Progress Report stands for nothing more than an exchange of information among management, employees and clients. Since, previous

Progrès-peuples n'ont atteint que sept enseignements plus : 4,77% des Progrès Negras. Seuls les enseignements enseignés depuis progrès-peuples n'ont atteint que huit enseignements plus : 10,77% des Progrès Negras.

Saya suka mendengar peristiwa yang berlangsung di sekitar kita. Saya tidak berpikir bahwa politik mengingatkan namun Dewi Kita dan orang-orang ini lebih banyak menciptakan. Dengan itu mendengar tentang hal-hal tersebut bisa membantu seseorang untuk memahami peristiwa-peristiwa yang dialihdakwa dengan logika dan berorientasi emosional. Apakah saya mengetahui di sana dengan 'Dewi Set', 'Dewi' berarti semua ETIH memiliki proporsi kewajiban yang tidak berkenan dengan dunia mereka sendiri yang masih menganggap bahwa mereka adalah orang-orang yang ada di atas mereka. Dengan demikian, Dewi-ketua bahwa setiap orang punya peranannya pada klimaksnya. Saya suka mendengar peristiwa politik dilanjutkan oleh entitas di atasnya. Seperti halnya...

Imports yang Dilarang melalui angkutan laut antara negara-negara yang berada di dalam kerangka kerja ekonomi regional dan tidak diizinkan beroperasi di dalam kerangka kerja ekonomi regional atau bersifat merugikan bagi negara-negara yang berada di dalam kerangka kerja ekonomi regional.

Untuk saat ini spring yang dikenakan adalah yang baru saja diluncurkan oleh Setia Budi. Untuk dasar setiap bahan yang digunakan pada pakaian ini terdiri dari katun dengan persentase 65% dan polyester dengan persentase 35%. Bahan katun ini merupakan bahan yang mudah menyerap air dan memiliki sifat tahan lama. Selain itu, katun juga memiliki sifat menyerap keringat dengan baik. Untuk dasar setiap bahan yang digunakan pada pakaian ini terdiri dari katun dengan persentase 65% dan polyester dengan persentase 35%. Bahan katun ini merupakan bahan yang mudah menyerap air dan memiliki sifat tahan lama. Selain itu, katun juga memiliki sifat menyerap keringat dengan baik. Untuk dasar setiap bahan yang digunakan pada pakaian ini terdiri dari katun dengan persentase 65% dan polyester dengan persentase 35%. Bahan katun ini merupakan bahan yang mudah menyerap air dan memiliki sifat tahan lama. Selain itu, katun juga memiliki sifat menyerap keringat dengan baik.

program yang berfungsi untuk memperbaiki ADN, merupakan suatu sistem yang DNA bisa memperbaiki dan memperbaiki dirinya sendiri. Apabila ada luka di dalamnya, dia akan mengalih fungsi kepada sistem DNA untuk memperbaiki luka tersebut, agar sel-sel memperbaiki seluruh bagian sel tersebut dan memperbaiki sel tersebut.

Deva dñska ataga agu amoy. Sefelou se tera discaut priyma lida, kermiso lidae koyay. Deve' Sert lidae ant' amoyang mal lida, jumou se deys wntre sasita Deve' Sert sappre dñs mñtñkñmñs sasita wntre.

194 juga dilantik menjadi perwakilan di Bantul. Pada masa ini ia masih menjabat ketua DPPPSI. Selain itu ia juga dilantik sebagai ketua Komisi Kesejahteraan Rakyat (KKR) dan anggota DPRD Bantul.

“Kami tidak berpikir bahwa ada yang salah dalam hal ini,” kata Suryadi (GSA) ke awak media. Bagi para pengunjung Jepara yang menghadiri acara itu pun tidak dibolehkan untuk membawa ponsel. Kecuali itu ada beberapa yang boleh, namun hasil pertemuan tidak akan diungkapkan.

Sekarang kita tahu bahwa ada empat pihak yang berperan dalam integrasi Nokia dengan Microsoft. Namun menurut David Pogue dari *New York Times*, hanya dua pihak yang benar-benar berperan dalam integrasi ini. Dua pihak tersebut adalah mereka di Nokia. David Pogue menyatakan bahwa sebagian besar teknologi dan sumber daya yang dibutuhkan untuk mengintegrasikan Microsoft dengan Nokia berasal dari Nokia. Selain mengintegrasikan teknologi Nokia dengan Microsoft, Nokia juga membantu mendukung integrasi dengan Microsoft dengan memberikan dukungan teknis.

Saya berpikir ia bukan akan SWT kerana memerlukan tiga keadaan yang bersifat logik. Saya sekarang tidak tahu dia berkenaan SWT yang belum dilaksanakan, saya dari agama Islam sendiri. Saya tidak berpendapat pula bahawa ia bukan swayang yang mempunyai makna. Saya tidak ada makna makna.

ANSWER

TAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia
Pengerusi Persekutuan
Tuan Dato' Dr.
SUNGKU Tengku Laksamana

2000-0001

Learn Arabic with  TutorMe

Singapura mera liga berprestasi dan yang mera tanggung wajib Dewan 27 Ogos 1998.

Lelie dat weinig pijn gevoel heeft meegedragen door de hoge vaste waarde van de hulpbronnen die beide designers een maximale levensduur en een goede gebruikswaarde (superieure dienstbaarheid design) vormen.

Bersama-sama juga saya menulis sebuah buku yang berjudul *Dear Allah this lesson makes me happy*. Buku ini merupakan buku edukasi dan mengajarkan tentang kebaikan dan ketaqwaan dengan bahasa yang mudah dipahami oleh anak-anak. Saya berharap buku ini dapat memberikan inspirasi bagi para orangtua untuk selalu memberikan hal-hal positif pada anaknya.

Semoga diskusi ini bermanfaat bagi para penulis muda dan pengajar. Untuk yang lainnya, semoga diskusi ini memberikan inspirasi dan pengetahuan baru bagi penulis muda di masa depan.

Thus as when multiple testicles ring everything between says before you ring them again don't release one because which testicle must

Using Information to Create Opportunities for Institutional Change

Mr. & Mrs.

[View all posts by **John**](#) [View all posts in **Uncategorized**](#)

Surat Anwar kepada PM bertarikh 25 dan 28 Ogos 1998. Tapi surat ini sedikit pun tidak mengundang simpati PM.

BAB 7

DR MAHATHIR DIKEJAR BAYANG SENDIRI

MEREKA yang pendek akal dan mudah terpesona dengan kata-kata Dr Mahathir mungkin akan menerima tanpa sebarang kemosykilan alasan yang diberikan oleh beliau untuk menghalau Anwar dari halaman rumah UMNO. Selalunya begitulah hakikat yang wujud di dalam perkampungan UMNO. Ahli-ahlinya akan menjadi pandir dengan kata-kata Dr Mahathir. Bagi mereka apa yang diucapkan oleh Mahathir adalah satu kebenaran yang tidak boleh dinafikan lagi. Kata-kata Mahathir kepada sesetengah ahli UMNO adalah sama tarafnya dengan sabda para Nabi. Mahathirlah segala-galanya bagi mereka dalamUMNO?

Hairan juga kita apakah ilmu yang ada kepada Dr Mahathir sehingga beliau boleh memerangkap kesemua ahli UMNO menjadi bisu, pekak dan buta apabila berhadapan dengannya? Apakah kerana ilmu, ataupun

disebabkan kebaculan ahli-ahli UMNO sendiri dan juga kerana semakin pudarnya nilai perjuangan untuk menegakkan yang hak dan menentang yang batil di dalam diri mereka?

Inilah subjek yang perlu dilihat dan disedari oleh ahli-ahli UMNO semua. Mereka perlu muhasabah diri mereka, menjenguk balik ke dalam serta menghayati kembali slogan dan semangat penubuhan parti itu pada tahun 1946. Sesungguhnya sudah banyak ahli-ahli UMNO di era korporat ini kehilangan telor! Kejantanannya sudah dikembirikan, manakala serikandinya pula sudah banyak menjadi "serikandar!"

Ketika Tan Sri Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan jawatan dan meninggalkan UMNO kira-kira 12 tahun lalu, ahli-ahli UMNO menerima seratus peratus apa yang Mahathir ucapkan. Tidak ada siapa yang berani *argue* terhadap kata-kata dan tindakannya. Pembelaannya terhadap dirinya sendiri ke atas tindakannya itu diterima seratus persen. Seluruh kerabat UMNO melihat, tidak ada secalit kesalahan dan kecacatan pada Dr Mahathir. Sekali kita dapat menyaksikan bicara Mahathir menjadi keramat dan berkat seperti kata-kata ulamak.

Ahli UMNO waktu itu telah menganggap Musa Hitam atau Ku Li lah yang bersalah. Mereka sedikit pun tidak cuba meletakkan ataupun berfikir apakah, Dr Mahathir juga mempunyai saham haram di atas apa yang berlaku itu. Ahli UMNO ketika itu menerima perletakkan jawatan Musa Hitam tanpa sebarang rasa cemas atau bimbang. Lebih malangnya ahli UMNO melihat perletakan jawatan itu disebabkan kesalahan Musa. Segala jasa, keberanian dan prihatin Musa kepada Melayu sirna begitu saja, bagaikan

bayu dihembus angin.

Pun begitu juga dengan kehilangan Ku Li dari UMNO akibat beliau menentang Mahathir tahun 1987, kehilangan itu tidak sedikitpun ditangisi. Malahan ahli-ahli UMNO merasakan ianya satu kemujuran kerana dengan tidak adanya Ku Li ia memberi banyak kesenangan kepada Dr Mahathir. Pertarungan 1987, ahli UMNO meletakkan kesalahan itu total kepada Ku Li, tanpa merasakan Dr Mahathir sekuman pun bersalah.

Tetapi situasi dan kondisi hari ini agak berlainan. Dalam kes Anwar hari ini, tidak semua orang dapat menerima kata-kata pembelaan diripada Dr Mahathir untuk membenarkan tindakannya. Orang seperti meragukan akan kebenaran hujah-hujah yang digunakan untuk bertindak ke atas Anwar. Pertuduhan dan dakwaan yang dibuat seperti mana tertera dalam afidavit ke atas Datuk Nallakuppan dikira melampaui batas dan hilang rasa *humanity*.

Belum pernah berlaku dalam sejarah negara ini seorang pemimpin tertinggi disingkirkan dari jawatan dan partinya dengan alasannya terlibat dalam skandal sex, melakukan liwat, terlibat dengan pembunuhan, melanggani pelacur dan menjual maklumat negara kepada negara asing. Sejak merdeka, malah sejak dari zaman panjajah belum ada kes seperti mana yang menimpa ke atas Anwar.

Sejarah UMNO dalam memecat ahlinya juga tidak ada sehebat apa yang dilakukan ke atas Anwar. Tahun 1971, bekas MB Selangor Datuk Harun Idris dipecat dari UMNO hanya atas satu sebab sahaja iaitu kerana terlibat dengan rasuah? Tahun 1969, Dr Mahathir sendiri dipecat dari UMNO, pun kerana satu sebab sahaja iaitu kerana menentang dasar pemerintahan Tunku Abdul Rahman.

Tetapi dalam kes Anwar, Presiden UMNO terpaksa menghimpunkan begitu banyak kes, yang jelek-jelek pula, untuk memecat Anwar.

Lantaran itu orang terus mencari apakah rahsia disebalik penyingkiran Anwar itu. Orang kurang percaya dan yakin dengan sebab-sebab yang diberikan itu. Dilihat kepada cara Anwar dinyahkan itu, seperti Dr Mahathir tidak mahu Anwar "hidup" lagi. Dr Mahathir tidak mahu Anwar bangkit lagi dan meminta rakyat khasnya ahli UMNO membencinya. Dalam perkara ini kita nampak Dr Mahathir begitu takut sekali kepada Anwar. Baginya Anwar tidak ubah seperti hantu atau jembalang yang boleh menganggu kehidupannya sekeluarga. Kerana itu selagi jembalang atau hantu raya masih hidup, maka selama itulah kehidupannya tidak akan tenteram.

Tetapi Mahathir tersilap. Sekiranya dia merasakan Anwar sebagai jembalang atau hantu raya yang boleh menyiat-nyiatkan dan mengganggu-gugat kehidupannya, tindakan itu adalah silap besar. Sebagai hantu atau jembalang, roh Anwar akan terus hidup, dia akan menjelma dalam pelbagai rupa bentuk dan akan berada di mana-mana sahaja. Maka Dr Mahathir akan terus sakit dan diserang bayangan ketakutan itu.

Disebabkan tidak pernah berlaku dalam sejarah dunia politik negara Melayu, seorang pemimpin yang ingin memecat timbalannya terpaksa melakukan dakwaan dan mencari alasan-alasan yang begitu naif sekali menyebabkan orang jadi tersentak. Secara tidak langsung cara itu telah menunjukkan betapa rendahnya ketamadunan politik Dr Mahathir. Beliau juga pengecut dan tidak sanggup berdepan dengan kenyataan apabila membelaah Anwar dari

belakang. Keadaan yang dilakukan hari ini, seolah Anwar telah diberkas kaki dan tangan, dan Mahathir memanggil beberapa ramai tukang pukul agar memukulnya. Betapa tidak sebaik sahaja Mahathir mengisyiharkan pemecatan Anwar dari kerajaan dan parti, semua anggota MT dan kabinet termasuk sahabat Anwar, menjadi tukang pukul upahan.

Kalau benar jujur dan berani, Dr Mahathir tidak perlu mengongkong media massa, dan membenarkan Anwar bersuara sebebas-bebasnya. Tetapi harapan itu sia-sia saja kerana beliau (Mahathir) awal-awal lagi telah memberkas kakitangan media massa apabila sebulan lepas semua Ketua Editor akhbar terkemuka termasuk TV3 telah ditukar. Barang kali situasi inilah yang Anwar dakwa, kerajaan tidak demokratik terhadap perlucutan jawatannya.

Orang ramai terus lemas dalam ketidaklogikan terhadap tindakannya itu dan mencari relevansinya. Mereka cuba menyelam apakah motif sebenar disebalik ketakutan Dr Mahathir ke atas Anwar itu. Alasan-alasan yang diberikan itu tidak dapat ditelan minum oleh orang ramai dengan begitu sahaja.

Sebenarnya banyak cerita misteri disebalik tindakan itu yang tidak terjangkau oleh orang ramai. Dan mereka yang dapat mengetahuinya pula enggan memberi tahu atas dasar keselamatan dan kepentingan diri. Dari maklumat dan rahsia dalaman ada beberapa sebab kenapa Dr Mahathir terpaksa memecat Anwar. Selain daripada ia satu konspirasi peringkat atasan, ia juga ada didikong oleh kepentingan-kepentingan peribadi Dr Mahathir sendiri.

Diantara sebab-sebab tersembunyi di sebalik tindakan itu ialah kerana Anwar tidak bersedia untuk bersekongkol

dengan Dr Mahathir dalam melakukan beberapa penyelewengan. Dalam hal ini Anwar enggan menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan untuk meluluskan permintaan-permintaan Dr Mahathir yang digunakan atas nama pembangunan untuk rakyat tetapi sebenarnya demi pembangunan segelintir manusia. Anwar tidak rela dirinya diperalatkan oleh Dr Mahathir untuk kepentingan segelintir manusia.

Lantaran itu beberapa permintaan dan arahan Dr Mahathir kepada Anwar tidak dilaksanakan, malahan beliau membangkang secara berani. Diantara perkara yang paling mendukacitakan Mahathir ialah apabila Anwar enggan bersetuju dengannya untuk menggunakan wang rakyat, dari Tabung Haji, Wang Simpanan Pekerja, SOSCO, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, untuk menyuntik modal kepada syarikat-syarikat korporat tertentu yang nazak dan kebanyakannya kroni Dr Mahathir.

Tindakan kerajaan sebelum ini yang mengambil wang dari kumpulan wang yang disatukan untuk menyelamatkan Perwaja Steel, Projek Hidroelektrik Bakun, MISC dan sebagainya sangat-sangat tidak disukai oleh Anwar. Perwaja Steel mengalami kerugian berbilion ringgit juga angkara Eric Chia orang kepercayaan Dr Mahathir. Adalah tidak munasabah kalau wang rakyat dilambakkkan ke Perwaja Steel yang mana kerugian itu disebabkan kecuaian dan wujudnya penyelewengan. Badan Pencegah Rasuah telah pun membuat penyiasatan, tetapi sampai ke hari ini 'Tuan' Eric Chia belum didakwa.

Sebenarnya ada kebenaran bagi Anwar. Sebagai seorang yang memperjuangkan hak rakyat, Anwar tidak akan mungkin untuk bersetuju dan melaksanakan arahan itu.

Sikap degil Anwar itulah yang menimbulkan kemarahan kepada Dr Mahathir Mohamad. Kemarahan itu tentunya akan dicucuk oleh para konspirator yang mahu melihat ditendang dan dinyah oleh Dr Mahathir.

Selain dari masalah itu, Mahathir juga turut marah kepada Anwar apabila Anwar sekali lagi tidak bersetuju dan membantah dengan langkah kerajaan mengarahkan bank-bank memberi pinjaman kepada ahli korporat dalam usaha menyelamatkan perniagaan masing-masing. Pinjaman tanpa *collateral* itu sesuatu yang amat menyedihkan sekali. Arahan ini merupakan satu penyelewengan dan perkosaan ke atas institusi kewangan.

Tahukah kita apa akibat telah berlaku ekoran tindakan berkenaan. Bank yang menjadi mangsa arahan itu iaitu Sime Bank telah bankrup. Senarai di bawah ini menunjukkan siapa yang mendapat pinjaman dari Sime Bank atas arahan Perdana Menteri. Apa yang paling mengejutkan ada para pemimjam tidak mempunyai cagaran langsung. Keadaan ini tidak pernah berlaku dalam mana-mana institusi bank didunia ini tetapi berlaku di negara pemerintahan Dr Mahathir bin Mohamad.

Itulah diantara konflik atau pun pertentangan besar diantara Dr Mahathir dengan Anwar yang memungkinkan membawa mereka kepada perpisahan. Selain itu pertentangan mereka dalam menangani masalah rakyat juga berbeza. Anwar lebih menumpukan kepada pemulihan ekonomi rakyat yang hancur disebabkan angkara para korporat. Manakala Dr Mahathir mati-matian berusaha memulihkan ekonomi negara, dimana secara sekaligus untuk menyelamatkan para kroninya.

**DIANTARA PEMINJAM-PEMINJAM SIME BANK
YANG MENYUMBANG KEPADA JATUHNYA BANKINI.**

(Koperasi Usaha Bersatu (KUB) mempunyai 30% kepentingan didalamnya)

Bil	Nama	Jumlah Pinjaman RM	Jumlah Cagaran yang disandarkan kepada bank ini RM
1	Tan Sri Teong Teck Leng (melalui MEC)	172,277,417.00	0
2	Tan Sri Teong Teck Leng (melalui KLIH)	152,619,606.00	58,000,000.00
3	Tan Sri Ting Pek Khling (melalui Wembley Industries)	50,769,783.00	0
4	Dato' Mohd Radzi Manan	21,223,614.00	0
5	Shanghai Chong	17,778,397.00	0
6	Dato' Soh Chee Wen	116,564,484.00	101,700,000.00
7	Sabah Shipyard	18,748,897.00	0
8	Bulan Jelita	30,000,000.00	0
9	Arus Murni	59,215,438.00	10,987,279.00
10	KD Automation	19,987,000.00	6,000,000.00

Catatan: Sime Bank kerugian sekitar RM1.8 Billion

Perbezaan ini sangat jelas sekali. Perbezaan ini juga menunjukkan perbezaan idelisme dan semangat perjuangan dua pemimpin yang disifatkan seperti anak dengan ayah ini. Pertentangan ini sering kali dapat dilihat melalui tindakan-tindakan dan juga keputusan-keputusan penting yang melibatkan negara yang mereka berdua berbuat.

Suatu masa dulu Dr Mahathir telah meluluskan *soft loan* untuk pembinaan monorel yang tergendala sebanyak RM300 juta. Anwar tidak bersetuju dengan tindakan itu kerana ia lebih merupakan bantuan untuk menyelamatkan

seorang manusia. Alasan Anwar dalam keadaan ekonomi gawat kerajaan tidak patut mengeluarkan wang sebanyak itu. Lagipun berapa kali kerajaan hendak menolong kroni Dr Mahathir? Sebelum ini kerajaan telah meluluskan *soft loan* untuk 'Linear City' yang bernilai RM200 juta - kepunyaan Vincent Tan

Anwar lebih suka kalau peruntukan sebanyak itu digunakan untuk rakyat, ataupun diluluskan untuk kepentingan rakyat. Kerana itu dalam masa yang sama, beliau meluluskan peruntukan tambahan untuk pendidikan sebanyak RM101 juta. Wang itu disalurkan menerusi MARA oleh Kementerian Pendidikan bagi membiayai tabung biasiswa penuntut-penuntut matrikulasi tahun 1998.

Begitu juga dalam soal pemulihran ekonomi. Anwar melakukan perubahan ekonomi yang memberi kesenangan kepada rakyat banyak dan bukan untuk kesenangan kelompok-kelompok tertentu. Walaupun langkah itu tidak memberi galakan ekonomi kepada negara tetapi boleh menyelamatkan rakyat bawahan yang sudah kesekian lama tertinggal dan melarat. Tetapi Dr Mahathir tidak setuju dengan cara itu. Pada Dr Mahathir biarlah rakyat susah asalkan graf ekonomi menegak naik. Pada Anwar cara Dr Mahathir itu lebih bertujuan untuk menyenangkan orang kaya dan membiarkan rakyat menjadi bangsat.

Perkara-perkara itulah yang menjadi punca pertentangan dan krisis diantara keduanya. Dan yang paling dimurkai oleh PM, Anwar tidak bersedia untuk sama-sama bersekongkol dan berkomplot bersamanya bagi menggunakan wang rakyat untuk memulihkan keadaan ekonomi.

Perbezaan idealisme dan keberanian Anwar menen-

tang kehendaknya itu ada kaitan terhadap masa depan kroninya. Dr Mahathir begitu keras berusaha untuk memulihkan ekonomi kroninya dengan bertopengkan kononnya untuk memulihkan ekonomi rakyat. Apa yang beliau takut apabila Anwar naik kelak, kedudukan dan keselamatan kroninya tidak terjamin. Kita tahu kroni Mahathir mempunyai empayar dalam perniagaan. Anak lelakinya sendiri Mirzan mempunyai 250 buah *company*. Mahathir sudah dapat mengagak melihat kepada stail dan keberanian Anwar melakukan reformasi ia boleh menyebabkan kedudukan kroninya dalam keadaan bahaya.

Tidak mustahil sebagai seorang reformis yang berpegang kepada tunjang dan akidah Islam - melaksanakan yang hak dan menentang yang batil, Anwar akan melakukan pembersihan di dalam kerajaan dan orang-orang tertentu. Anwar tentunya tidak akan membiarkan segala bentuk penyelewengan, ketidakadilan, pilih kasih bermaharaja lela dan berkeliaran di mana-mana. Anwar pasti melaksanakan semua pembaharuan dan pengislahan (*masthatatuktun*) itu semua kerana itulah janji dan juga motto perjuangannya.

Inilah yang dapat kita rasakan rahsia besar disebalik pemecatan Anwar dari kabinet dan UMNO. Dr Mahathir sangat bimbang dengan arus yang akan dicetuskan oleh Anwar. Ia mungkin lebih hebat daripada air terjun Niagara di Amerika dan gelombang El-Nino dijangka melanda Oktober ini. Jadi sebelum arus itu meletus, baik kalau ia mengambil risiko membentengnya terlebih dahulu.

Ketakutan Dr Mahathir itu pula ditambahkan lagi oleh aduan-aduan oleh orang-orang di kelilingnya yang berkepentingan. Orang-orang inilah yang menghasut dan menakut-nakutkan Dr Mahathir apabila Anwar naik kelak.

Orang-orang ini tidak lain dan tidak bukan para korporat yang banyak hutang, dan juga individu politik yang bermasalah.

Diantara mereka menjadi penghasut ialah Daim Zainuddin. Daim cukup takut kalau Anwar naik, kerana Anwar akan membongkar kekayaan beliau. Pernah Daim mengatakan masa depannya akan gelap kalau Anwar menjadi PM. Tidak dapat tidak sekiranya Anwar berkuasa beliau akan membongkar segala bentuk kekayaan luar biasa Daim itu dan juga mendedahkan bagaimana cara memperolehinya. Kekayaan misteri Daim ini sudah lama diidamkan oleh Anwar untuk mengetahuinya dan dilambakkan kepada rakyat.

Selain Daim, beberapa orang tokoh yang mempunyai cita-cita untuk naik juga turut menghantu-hantukan Mahathir. Orang-orang seperti Sanusi Junid, Megat Junid ini selalu memomok-momokan Dr Mahathir. Merekalah yang menjadi tukang cucuk Dr Mahathir untuk tidak senang dengan Anwar. Ini ditambah pula dengan sokongan moral yang kuat diberikan oleh para 'desperado politik' seperti Tengku Razaleigh Hamzah, Ghafar Baba, Rahim Tamby Chik, Ibrahim Ali dan lain-lain.

Sanusi dan Megat Junid tidak bimbang sangat mengenai kekayaan mereka, tetapi apa yang mereka takuti apabila Anwar naik kelak, harapan mereka akan musnah. Mereka ini lebih menjaga *survival* politik diri mereka daripada berjuang untuk rakyat.

Dari senario itu dapat kita membuat kata putus, motif Mahathir memecat Anwar ialah kerana beliau bimbang dengan sikap dan tindakan Anwar yang kontras dengan kehendaknya itu. Beliau dikejar oleh bayangan kesalahan

yang beliau buat sendiri. Dalam erti kata lain, nasib malang yang ditanggungi Anwar hari ini wujud di atas rasa takut Mahathir. Mahathir benar-benar dikejar bayangan maut. Dan bayangan itulah yang mendorong beliau untuk mengambil tindakan ke atas Anwar. Mahathir bertindak kerana diganggu oleh syaitan yang beliau sendiri pelihara sejak lama dulu. Pemecatan tokoh reformasi itu bukan disebabkan skandal seksnya, tetapi kerana takut kepada gelombang yang sedang dibangkitkan. Kerana gelombang itu boleh menenggelamkan sesiapa yang melakukan kerja mungkar dan bersifat munafik . Itu yang sebenarnya!

Anwar sedang menyampaikan cenderahati terakhir kepada Mahathir sewaktu PM merasmikan Wisma UMNO Pulau Pinang. Apakah cenderahati itu juga sebagai tanda perpisahan? Kerana tidak sampai seminggu selepas majlis itu Anwar dikatakan bergasak dengan Dr Mahathir yang mahukan beliau meletak jawatan!



Inilah kemesraan terakhir Anwar dengan Dr Mahathir. Gelagat seperti ini tidak akan muncul lagi dalam perhimpunan Agung UMNO. Duhai ahli-ahli UMNO tataplah gambar ini sepuas hati. Perbezaan dan langkah perjuangan diantara Anwar dan Dr Mahathir sudah jauh dan semakin jauh.

BAB 8

SIAPA KHALID JAFRI ?



APAPUN tanggapan, buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Dapat Menjadi PM?" telah mencatat rekod dan sejarah tersendiri. Walaupun usaha untuk menjatuh dan menyingkirkan Anwar dilakukan dengan berbagai cara oleh musuh-musuhnya hampir 10 tahun lalu, tetapi buku "50 Dalil" menjadi '*momentum*' kejatuhan Anwar pada 2 September lepas.

Tentu penulisnya, Abdul Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah, merasa bangga dan gembira kerana bukunya itu bukan sahaja menggemparkan Perhimpunan Agung UMNO 18 Julai lalu, tetapi menggelombangkan seluruh negara dan mungkin juga dunia. Mungkin media masa '*international*' akan mengaitkan rentetan kejatuhan Anwar ialah kerana buku berkenaan.

Apa yang hebatnya, itulah buku politik Khalid yang pertama diterbitkan, dan ianya terus mencipta sejarah.

Kemunculan Khalid mengalahkan para penulis yang sudah menulis berpuluhan buah buku sebelum ini.

Sekurang-kurangnya bagi saya yang mengenali Khalid dan pernah menjadi boss saya, ada dua sejarah yang telah dicipta oleh Khalid setakat ini. Pertama beliau juga wartawan yang menjadi penerbit akhbar Tabloid Mingguan Perdana dan kedua penulis buku politik pertama yang bukunya disorot dan dipergunakan seoptimanya oleh musuh-musuh tokoh yang *diattack* oleh buku itu (Anwar Ibrahim), termasuk oleh Perdana Menteri yang terkenal sebagai seorang moralis.

Kenapa buku itu dikira hebat kerana sebelum ini sudah ada buku yang mengkritik Anwar tetapi ianya tidak dilihat dan ditangani serta digeruni seperti buku itu. Kalau hendak dikira, saya sendiri merupakan penulis buku politik pertama yang mengkritik Anwar pada tahun 1990. Selain itu Yahaya Ismail juga turut membela Anwar kemudian diikuti oleh Ahmad Lufti Othman secara berterusan. Tetapi buku-buku kami tidak diperkatakan sehebat buku Khalid. Buku saya hanya dibahas di dalam Perhimpunan Agung, dan tidak pun sampai dibawa ke mahkamah.

Apakah istimewanya buku Khalid itu? Sebenarnya dari segi isi dan kandungan tidak banyak beza dengan buku-buku politik picisan lain. Dari segi akademik buku itu tidak layak berada di atas rak mana-mana buku. Kenapa ia menjadi hebat ialah kerana ia digunakan oleh golongan tertentu untuk kepentingan politik mereka. Dari 50 dalil yang dikemukakan satu pun tidak mempunyai perawi yang sah.

Banyak perkara yang aneh berlaku ke atas buku itu. Walaupun ia ditahan oleh mahkamah daripada diedar dan

diterbitkan, tetapi larangan itu tidak di pedulikan. Paling menghairankan. Jabatan Agama Islam sendiri turut sama mengedarkan buku tersebut yang difotostatkan dan dikirimkan kepada Imam-Imam masjid. Semua Imam masjid di dalam Wilayah Persekutuan menerima salinan fotostat buku berkenaan. Dan paling memeranjatkan lebai-lebai di kampung juga dihidangkan dengan buku berkenaan.

Saya bukan dengki kerana buku itu menjadi *the best seller* dengan meluas. Tetapi apa yang memusingkan kepala ialah kenapa buku itu turut sama disebarluaskan kepada Imam masjid. Bagi mereka yang sempat membaca buku itu, ia bukan sahaja tidak sesuai, tetapi amat jijik untuk di bawa masuk ke dalam rumah Allah. Jelas apabila buku itu turut sama disebarluaskan kepada Imam, mereka yang bertanggungjawab menerbit dan mengedarkan buku berkenaan sanggup melakukan apa sahaja asalkan maksud mereka tercapai. Mungkin orang-orang inilah juga yang tergamak melemparkan perut babi ke dalam masjid seperti mana yang berlaku di Kedah tidak lama dulu.

Adapun kenapa buku itu menjadi panas dan perhatian umum ialah kerana kesilapan di pihak Anwar sendiri apabila beliau memohon perintah mahkamah untuk menahan buku berkenaan dari diedar. Tindakan itu dikira silap besar, kerana injuksi itulah menyebabkan orang ramai jadi lebih tertarik untuk membaca buku berkenaan. Sekiranya injuksi itu tidak dilakukan, mungkin ianya mati begitu sahaja, seperti puluhan buku politik lain.

Dalam hal ini para penasihat Anwar kurang bijak. Niat baik mereka hendak melindungi Anwar daripada fitnah, tidak kena dan menguntungkan Anwar. Anwar tentu tahu, penyebaran buku itu atas alasan politik bertujuan hendak

menjatuhkannya. Kalau sudah tahu ianya dibuat atas maksud politik, beliau tidak sepatutnya mengambil tindakan undang-undang. Undang-undang tidak boleh menyelesaikan apa jua masalah politik di negara ini. Politik hendaklah dilayan secara politik yang penuh profesional. Seharusnya Anwar berhati-hati dalam keadaan sekarang, di mana ketika kejernihan dan kesucian *jurisdiction* di negara ini dipertikaikan oleh banyak pihak.

Kita yakin kalau Anwar tidak tergesa-gesa mengambil tindakan mahkamah, kehangatan buku itu akan hanyut begitu sahaja. Minat orang untuk mendapatkannya juga akan mati dengan sendirinya. Apa lagi keseluruhan isi buku berkenaan merupakan surat layang yang sebelum ini sudah pun tersebar dengan luas. Sebahagian besar *politician* sudah maklum mengenainya, dan pihak berkuasa polis sendiri pernah menutup siasatan ke atas buku berkenaan.

Apapun buku itu sudah menjadi sejarah - sebagai alat yang digunakan oleh para musuh Anwar untuk menjatuhkannya. Buku itu juga telah menjadi asas penyiasataan polis ke atas beberapa pertuduhan ke atas Anwar. Rasional yang digunakan oleh polis terhadap buku itu sungguh meragu dan mengelirukan. Kerana apa yang ditekankan ialah mengenai surat layang, yang sebelum ini sudah ditutup dan tidak perlu dibangkitkan lagi, tetapi ia tiba-tiba dibangkit kembali.

Bukan itu sahaja, buku berkenaan juga bukan setakat mencatat sejarah tapi menimbulkan keganjilan kerana diberi keistimewaan oleh pihak kerajaan sendiri? Itulah buku yang seumpamanya yang dibiarkan oleh pihak polis tanpa apa-apa tindakan. Walaupun ia mengandungi fitnah yang amat berat, namun pihak polis membiarkannya. Pun begitu juga

dengan Dr Mahathir tiba-tiba menjadi baik dengan Khalid. Dulu Dr Mahathir pernah menempeleh penulis politik sebagai pelacur dan hidup di atas penderitaan orang lain. Tapi kenapa bila Khalid jadi *popular* dengan kehinaan yang ditanggung oleh Anwar beliau diam membisu. Bertuahlah Khalid Jafri. Disebabkan keistimewaan itulah yang menguatkan lagi kepercayaan umum bahawa memang wujud konspirasi untuk menjatuhkan Anwar seperti mana yang didakwakan Anwar.

Saya sendiri merasa hairan kenapa buku Kahlid boleh dilepaskan begitu sahaja. Kalau hendak dibandingkan buku beliau itu lebih teruk daripada buku-buku saya. Tetapi yang jelasnya buku saya dilarang pengedarannya dan ada yang diwartakan sebagai haram. Apakah pihak berkuasa bersikap *double standard* dalam perkara ini?

Buku itu juga membawa erti yang cukup besar kepada Datuk Nallakaruppan dan keluarganya. Gara-gara buku itulah rumah Datuk Nalla di geledah dan akhirnya polis menemui 125 butir peluru hidup. Akhirnya Datuk Nalla didakwa di mahkamah mengikut Seksyen 57(1) - (6) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang boleh dihukum gantung mandatori.

Betapalah Khalid telah menyebabkan terheretnya seorang insan ke mahkmah dan terhinanya seorang pemimpin dihalayak dunia. Dengan kejayaan itu Khalid Jafri layak menerima hadiah novel di akhir abad ini dan adalah sesuai kalau hadiah itu disampaikan sendiri oleh Dr Mahathir Mohamad dalam satu majlis yang gilang gemilang!

Khalid boleh berbangga dengan kejayaanya itu. Tetapi beliau harus ingat jika apa yang dibangkitkan itu tidak

benar, menjadi pensubahat dengan penfitnah, beliau akan menerima hukumannya. Mungkin di Malaysia hari ini beliau terlepas dan selamat kerana ada orang membantunya, tetapi di hadapan Rabul Jalil beliau akan berhadapan dengan dirinya sendiri. Pada masa itu tidak ada manusia agung dan kebal mana boleh membantunya lagi.

Apa yang didakwa Khalid sudah terjawab bahawa itu fitnah semata-mata. Anak tidak berdosa bernama Afifa yang diseret dalam fitnah itu sah bukan anak Anwar. Ujian darah (DNA) yang dilakukan ke atas kedua ibu bapanya, Azmin dan Shamsidar menunjukkan Afifa anak kedua pasangan suami isteri itu. Jelas dalam hal ini tuduhan Afifa adalah anak haram Anwar dengan Shamsidar adalah fitnah semata-mata. Semua mereka yang terlibat dengan fitnah itu, baik Khalid, Ummi Aflida dan lain-lain harus bertaubat. Mereka wajib meminta maaf kepada Anwar, Shamsidar, Afifa dan juga Azmin. Dan kalau mengikut kaedah Islam penabur fitnah ini harus dihukum.

Sesuai dengan hebatnya buku 50 Dalil, adalah elok kalau kita berkenalan dengan penulisnya. Ramai yang tidak mengenali Khalid Jafri. Kebetulan saya adalah kawannya dan pernah berkerja di bawahnya sewaktu menjadi Wartawan Mingguan Perdana tahun 1983. Jadi sedikit sebanyak saya mengenali dan tahu serba sedikit latar belakangnya.

Kira-kira sebulan setengah sebelum menjelangnya Perhimpunan Agung UMNO, saya ada bercakap menerusi telefon dengan Khalid mengenai aktiviti semasanya. Dalam percakapan itu dia menceritakan yang beliau sedang menulis satu buku menghentam Anwar. Buku itu berjudul "*50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana*

Menteri?". Mengikut kawan sebidang saya Ahmad Lutfi Othman, beberapa hari sebelum itu, cover buku itu sudah pun diiklankan di dalam surat khabar tabloid Tempo kepunyaan Tan Sri Rahim Tamby Chik yang berpejabat di Taman Kosas Selangor.

Kebetulan pada masa itu saya sedang menyiapkan buku; *Siapa Pencabar Anwar*. Secara berseloroh saya meminta Khalid terbitkan buku itu dan sama-sama jual di Perhimpunan Agung UMNO kelak.

Waktu itu beliau hanya ada lima dalil sahaja dan sedang mencari dalil-dalil seterusnya. Maknanya beliau baru diperingkat menyiapkan draf untuk buku berkenaan pada masa bercakap dengan saya.

Sebenarnya kata Khalid, dia mereka-reka segala dalil-dalil itu untuk melengkap penulisannya sebagai sebuah buku. Di sini bolehlah dimengertikan bahawa Khalid sendiri tidak yakin dengan dalil-dalil yang dikemukakan itu. Barang kali ketika mencari dalil-dalil inilah beliau berjumpa dengan orang yang memberi idea agar menjadikan surat layang yang kononnya ditulis oleh Ummi Aflida itu sebagai dalil-dalil seterusnya yang lebih mantap dan merangsangkan pembaca.

Manakala ketika beliau bertandang ke rumah saya pada 8 Julai, selama kira-kira dua jam mulai pukul 11.55 hingga 2.30, selepas seminggu Perhimpunan Agung UMNO, beliau menceritakan bagaimana dia memproseskan buku berkenaan.

Khalid mengakui dia tidak mempunyai wang dan kemudahan untuk menerbitkan buku berkenaan. Seminggu menjelang Perhimpunan Agung UMNO beliau masih lagi

tercari-cari orang yang boleh mensponsor buku itu. Dalam keadaan itulah beliau berjumpa dengan Khairuddin Hassan. Menurut Khalid, Khairuddin Hassanlah yang menguruskan penerbitan buku berkenaan termasuk mengedarkannya. Buku itu dicetak oleh syarikat percetakan milik Bumiputera yang beralamat di Shah Alam Selangor. Sesuatu yang mendukacitakan juga kenapa pencetak itu yang dikatakan penyokong sebuah parti Islam, tergamak mencetak buku berkenaan yang isinya sungguh meloyakan. Kalau pun kerja percetakan tidak ada disebabkan ekonomi merudum, cetaklah benda-benda lain. Ianya dicetak sebanyak 15,000 naskah, tetapi cuma 2,000 sahaja yang sempat diedar manakala yang bakinya dimusnahkan oleh pihak polis.

Buku itu siap dicetak pada 16 Julai, 1998 dan Khairuddin telah menyerahkan senaskah kepada Datuk Aziz Shamsuddin, Setiausaha Politik Dr. Mahathir Mohamad yang kemudian menyerahkan kepada Perdana Menteri. Menurut Khalid, apabila PM baca buku itu beliau memberitahu Aziz agar disebarluaskan.

Saya ada juga menimbulkan kepada Khalid dalam perjumpaan itu apakah buku itu boleh dipertanggung-jawabkan. Katanya, semua orang-orang terlibat di dalam buku itu bersedia untuk tampil ke hadapan menjadi saksi. Aziz dan Ummi Aflida, dakwa Khalid ada membuat surat sumpah menyatakan kesediaan untuk hadir menjadi saksi di mahkamah. Khalid juga ada membayangkan kemungkinan tindakan ke atasnya tidak akan diambil kerana penyebaran buku itu di atas restui seseorang. Mengenai berapa banyak upah yang beliau terima, Khalid menyatakan kepada saya, tidak ada sesiapa mengupahnya, cuma Khairuddin ada memberi sedikit wang untuk beliau bergerak.

Sepanjang perhimpunan Agung UMNO dimana soal buku itu hangat diperkatakan, Khalid menceritakan yang beliau melarikan diri ke Terengganu, balik ke Kampung isterinya di Dungun. Orang-orang Anwar telah 'bertindak' ala mafia ke atasnya, mengganggu rumah tangganya. Manakala Ummi Aflida pula ketika itu dihantar bercuti di London di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh pihak tertentu.

Khalid Jafri sebenarnya bukan seorang aktivis parti. Dia lebih dikenali sebagai seorang wartawan. Bidang yang menjadi profesinya ialah sukan. Beliau pernah berkerja di Utusan Melayu. Di Utusan beliau mencipta sejarah tersendiri apabila bertumbuk dengan Pegawai Perhubungan Utusan, FD Mansor kerana soal tuntutan elau. Sampai patah gigi kawan itu dibahamnya. Semasa di Utusan beliau terkenal sebagai kaki gaduh.

Dan banyak juga skandal yang dilakukan di Utusan manakala *affairnya* dengan seorang wartawan kanan wanita bukan menjadi rahsia lagi. Teman-teman yang pernah berkerja di Utusan seperti Kamal Amir, Abu Hassan Yusuf, Fauziah Raof, Omar Manan dan Ahmad Alimoon cukup tahu kisah jelek Khalid ini.

Selepas dipecat dari Utusan, Kahlid mula hidup baru dengan menjalankan berbagai aktiviti, termasuk berniaga tayar di Johor Bharu. Perniagaan itu mengalami keruntuhan dan akhirnya membawa beliau ke alam bankrup. Selepas itu beliau kembali menerjunkan diri dalam lapangan penerbitan dengan menerbitkan suratkhabar Mingguan Perdana.

Khalid memang terkenal sebagai seorang yang kaya dengan idea, kreatif serta berpandangan jauh dalam dunia penerbitan. Mingguan Perdana, surat khabar yang

mendedahkan soal skandal seks, menyiaran cerita karut marut dan misteri, mendapat sambutan luar biasa di kalangan masyarakat. Kehidupan Khalid ketika ini sudah mula berubah. Wang juga sudah banyak.

Kemewahan, kesenangan yang Allah berikan kepada Khalid menyebabkan beliau lupa daratan. Beliau berbelanja wangnya dengan semewah yang boleh. Satu hal yang nyata, mana-mana pekerja wanita yang cun dan cantik, akan dinaikan gaji berlipat ganda. Bayaran yang diberikan tidak setimpal dengan kelulusan seseorang. Satu segi cara Khalid itu bagus kerana ia menaikan imej dan martabat wartawan. Tetapi apabila pemberian itu ada udang di sebalik batu, maka ramai yang tidak senang. Khalid juga berkahwin dengan dua orang *staffnya*, termasuk isterinya sekarang.

Moral Khalid boleh tahan juga. Semua pekerja Mingguan Perdana tahu akan latar belakang Khalid dan juga 'feel' perangainya. Khalid memang pantang melihat wanita dahi licin akan disapunya, tanpa mempedulikan isteri orang atau anak dara. Satu kejadian aib di pejabat Mingguan Perdana di Jalan Genting Kelang di antara beliau dengan seorang artis, menjadi sebutan umum. Hancurnya empayar Mingguan Perdana ialah disebabkan kerakusan dan kejelekkan perangai Khalid serta maksiat yang dilakukannya.

Saya tidak bermaksud hendak menukilkan keburukan "sahabat" saya itu. Jika dikira keberanian beliau mendedahkan surat layang Anwar, sepatutnya semua kisahnya ditelanjangkan di sini baru ada keadilan, tetapi sebagai orang Islam kita tidak tergamak dan takutkan Allah.

Kegahan Mingguan Perdana hanya dapat bertahan beberapa tahun saja. Selepas itu, ia ranap dan ini

menyebabkan kehidupan Khalid menjadi fakir lagi sekali. Rumah tangganya terumbang-ambing. Ini amat terasa apabila segala wang simpanannya habis. Kehancuran Mingguan Perdana membawa petaka buruk kepada seluruh karyawannya. Segala janji yang dilafazkan tidak ditunaikan. Kekayaan menjadi beliau telah hilang pedoman.

Selepas bertapa di Terengganu beberapa tahun, akhirnya Khalid muncul sekali lagi dalam arena penerbitan dan media massa. Untuk menjalankan perniagaannya beliau telah meminta bantuan Asaari Muhammad, bekas pemimpin nombor satu Arqam itu. Sayalah orang yang menjadi '*mediator*' untuk memohon bantuan daripada Asaari. Beliau minta RM100,000.00 dari Asaari. Tetapi disebabkan hal-hal tertentu, khasnya mengenai moral Khalid yang teruk, wang itu tidak jadi disalurkan. Khalid benar-benar kecewa dengan tindakan Asaari itu dan telah menuduh saya, telah mengambil wang berkenaan.

Selepas mengalami kegagalan, Khalid merubah gaya hidupnya, dari ala *cowboy* kepada hidup secara beriman. Beliau membaca buku-buku agama dan saya sendiri meminjamkan beberapa buah buku yang sampai sekarang tidak dipulangkan. Perubahanlah yang menarik perhatian saya untuk membantunya mendapatkan RM100,000.00 daripada Asaari.

Namun itu hanya sandiwara sahaja. Dalam berpura-pura baik beliau terus dengan perangainya. Sekali lagi ramai sahabat yang simpati tertipu dengannya!

Walaupun beliau bukan aktivis politik, tetapi Khalid mempunyai *god fathernya* sendiri. Semasa Tan Sri Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri tahun 1982, beliau merupakan '*hard-core*' Musa. Apabila Musa kalah,

beliau terumbang-ambing dan mencari pengkalan penghidupan baru.

Untuk seketika beliau berdagu di bawah dagu Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib. Bekas MB Selangor itu katanya telah memberi peruntukan yang bukan sedikit untuk Khalid memulakan semula perniagaan. Hasil wang itu beliau membuka pejabat yang menerbitkan beberapa majalah hiburan di Seksyen 1 Wangsa Maju. Khabarnya rumah kedainya yang disewakan juga ditinggalkan begitu sahaja tanpa menjelaskan sewaan.

Perniagaan itu tidak juga menjadi. Ekoran itu menyebabkan beliau berhijrah ke Langkawi. Di Pulau Lagenda itu beliau berlutut pula kepada Sanusi Junid. Atas ikhsan Sanusilah tertubuhnya Syarikat Pulau Lagenda yang menerbitkan Buletin Langkawi dan buku '50 Dalil'. Buletin ini digunakan sepenuhnya semasa pertandingan di antara Sanusi dengan Datuk Bakar Taib dalam mesyuarat UMNO Bahagian tahun 1996 yang menyaksikan Sanusi Junid jatuh tersungkur.

Nasib Khalid juga tidak begitu menyinar di Pulau Lagenda itu. Buletin yang diterbitkan tidak laku dan Sanusi dikatakan hanya sanggup membayai kos penerbitan untuk satu isu sahaja. Selepas gagal di Langkawi beliau akhirnya kembali semula ke Kuala Lumpur berkerja dengan Rahim Tamby Chik dengan menjadi Editor Tempo yang kemudian terkubur kerana tidak laku. Mungkin kerana terdesak selepas Tempo ditutup, Khalid terpaksa memikirkan bagaimana untuk mendapatkan wang segera. Satu-satu caranya ialah dengan menulis buku menghentam Anwar kerana isu itu sudah dijangka akan mendapat perhatian umum.

Begitulah liku-liku hidup Khalid Jafri. Ianya penuh variasi. Dari seorang jutawan akhirnya menjadi seorang kuli yang bankrup dan sanggup menjadi si Kitol dan Patih Karma Wijaya moden. Jika kita mengenalinya, maka tidak hairanlah kalau Khalid bersedia bersubahat dengan mereka yang berniat jahat ke atas pemimpin negara ini.

Sebagai seorang hamba Allah yang saya kenali, saya memohon kepada Khalid kembalilah ke jalan kebenaran. Bertaubatlah kepada Allah sebelum matahari naik di sebelah Timur. Sedarlah fitnah itu lebih bahaya daripada pembunuhan.

Firman Allah: "*Sesungguhnya orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik yang lengah (tidak pernah terlintas untuk melakukan perbuatan yang keji) lagi beriman (dengan tuduhan zina), mereka terkena laksana di dunia dan di akhirat dan bagi mereka azab yang besar. Pada hari (ketika) lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi atas mereka terhadap apa yang dahulu mereka kerja. Di hari itu, Allah akan memberi mereka balasan yang setimpal menurut kemestianya, dan tahulah mereka bahawa Allahlah yang Benar, lagi yang menjelaskan (segala sesuatu menurut hakikat yang sebenarnya)"*" - Surah An-Nur 24 : 23-25).



Khalid Jafri - Kalau menurut hukum syarak (Hudud) sekiranya Khalid tidak dapat mengemukakan empat orang saksi yang adil untuk membuktikan tuduhan fitnahnya ke atas Anwar Ibrahim, beliau boleh dikenakan hukuman sebat sebanyak 80 kali, dan dihalau dari negeri (Malaysia) dan apa-apa kesaksianya tidak boleh diterima lagi.



JABATAN PEMEGANG HARTA, MALAYSIA,
BAHAGIAN KEBANKRAPAN IBU PEJARAT,
TINGKAT 10, BANGUNAN BANK RAKYAT,
JALAN TANGLI, 50116 KUALA LUMPUR.

JPH/BK-2

Tel : 03-2942670 Samb. 113
Fax : 03-2982436
E-mail : jphm@po.juring.my

Tarikh : 23/07/1998
SSR

Sila gunakan no. rujukan untuk urusan
semakai carian dengan Jabatan ini.

Tuan,

PER: Khalid JAFRI BAKAR SHAH - 7990935

Mesyukur kepada pertanyaan tuan, mengikut rekod jabatan ini, dimaklumkan bahawa berdasarkan rujuan nama dan nombor had pengesalan yang tuan beri, pesanan yang tersebut di atas-

- bukanlah seorang bankrap mengikut rekod yang berakhir pada
 adalah seorang bankrap/tiberhatang mengikut rekod yang berakhir pada 18/06/1998
 dan butir-butir kebankrapannya adalah seperti berikut :-
 tidak dapat disahkan bankrap/tiberhatang (walaupun terdapat kris kebankrapan seperti berikut),
 sila lihat * di bawah.

- i) Nama bankrap : KHALID JAFRI BIN BAKAR SHAH
ii) Alamat Pejabat : C/D UTAMA MELAYU [8] BHD]
46 JLN LIMA OFF JLN CHAN SOW
LIM,
KUALA LUMPUR
iii) No. K.P. : 7990935
iv) Tarikh P.Penceraian : 27/09/1980
v) Tarikh P.Penghukuman : 27/09/1980
vi) No. Kes : 43-58-1979 (03) (PPS(WP) 1098/89/D)
vii) Pempelaiyan : PUBLIC BANK BERHAD [K/S: H.H. LONG & CO]

Bagi maklumat selanjutnya, sila berhubung dengan:-

Pensyarah Pegawai Pemegang Harta,

Jabatan Pemegang Harta,

CABANAS, WILAYAH PERSEKUTUAN
TKT 19, V. NAKAR-SWOBONG HING,
NO 1, LEBOR AMPANG,
50100 KUALA LUMPUR.

Bayaran carian berjumlah RM 5.00 adalah diakui terima pada 17/07/1998 dan nombor rujukannya ialah 0807528/98

Sekian terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

Up-Pegawai Pemegang Harta,
Malaysia

*1 - No K/P bankrap tiada

*2 - Nama sama tetapi no K/P berlainan sedikit

*3 - No K/P sama tetapi nama berbeza

PERHATIAN: PEGAWAI PEMEGANG HARTA TIDAK BERTANGGUNG JAWAB BAGI SEBIRANG KESALAHAN ATAU MAMLUKAT TERTINGGI DALAM KERANA SEGALA USAHA TELAH DIAMBIL UNTUK MEMPASTIKAN MAKLUMAT BETUL DAN KEMASKIN

Khalid Jafri sebenarnya tidak mempunyai hak dan kredibiliti untuk mempertikaikan soal moral orang lain, beliau sudah bankrap sejak tahun 1980. Inilah surat dari Jabatan Pemegang Harta Malaysia, yang merekodkan butir-butir bankrapsi Khalid.



Kebahagiaan keluarga ini tergugat dan bertaburan kerana perbuatan orang yang irihati dengan mereka. Tidak mengapa kehidupan selepas peperangan biasanya lebih aman, tenteram dan lebih bererti lagi.

BAB 9

SIAPA DAIM ZAINUDDIN ?

BANYAK buku telah ditulis mengenai Tun Daim Zainuddin, tetapi tidak ramai yang mengenali siapakah Daim sebenarnya. Semua orang tahu bahawa Daim seorang yang pendiam; sangat pendiam sehingga mangsa-mangsanya musnah tanpa pernah mengetahui apakah yang menjatuhkan mereka. Di dalam diam, Daim telah berjaya di dalam kariernya menjatuhkan kawan dan rakan dari belakang. Tangannya tidak pernah kelihatan, tetapi kesan perbuatannya ada di mana-mana. Yang sebenarnya, beliau merupakan sebab kebanyakan masalah negara, tetapi namanya tidak pernah tercemar kerana hartanya yang melimpah-ruah dan hubungan baiknya dengan Dr. Mahathir.

Kebanyakan generasi baru UMNO menyedari bahawa Daim seorang jutawan yang suka mengaut keuntungan dan seorang lelaki *macho* yang mempunyai citarasa tinggi terhadap gadis-gadis, tetapi mereka tidak mempedulikan

kelemahan-kelemahan ini kerana mereka melihat beliau sebagai seorang yang bersih dan mampu menjalankan dengan baik tugas-tugasnya sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan. Tetapi bagi generasi lama seperti Harun Idris, Musa Hitam dan Manan Othman merupakan antara mereka yang harus ditanya untuk mengetahui siapakah Daim sebenarnya. Datuk Harun merupakan orang yang menyelamatkan Daim apabila perniagaan garamnya mengalami kegagalan. Isteri Daim, Mahani dan isteri Harun, Salmah merupakan rakan karib dan merupakan dua orang yang memainkan peranan penting pada awal tahun 1970an. Kuasa dan peranan isteri menyebabkan Harun menyerahkan seluas 160 ekar kawasan utama Kampung Pandan kepada Daim. Maka, lahirlah Syarikat Maluri.

Tidak ada gunanya menjangka berapakah yang dibayar oleh Daim kepada Harun. Apatah lagi berdua mereka merupakan rakan baik. Semuanya diketahui oleh Low Kiok Bow atau Tamby Chik. Mereka boleh menceritakan bagaimana Daim menipu seorang broker tanah, membayar seorang Exco Negeri Selangor yang juga merupakan adik ipar Mahathir, Ahmad Razali untuk mendapatkan tanah tersebut. Sudah semestinya Daim membayar harga tanah tersebut. Pada masa itu, agak sukar untuk mendapatkan pinjaman bank. Sebab itulah Daim terpaksa meruntuhkan Bank Bumiputera. Lorraine Osman dan Rais Saniman tahu sebanyak mana yang telah digunakan oleh Daim. Manan Othman tentunya tahu jumlah sebenarnya yang diambil dari Bank Bumiputera oleh Daim kerana mereka sangat rapat sehingga pernah berkongsi kekasih. Manan selalu menggunakan bilik tidur Daim di pejabatnya di Taman Maluri.

Perlantikan Daim sebagai seorang Senator dan seterusnya Menteri Kewangan merupakan pelan strategik Mahathir. Pilihan Mahathir itu memang telah diduga kerana mereka merupakan rakan karib yang berasal dari kampung yang sama di Seberang Perak, Alor Setar. Setelah menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, perkara utama dalam minda Mahathir ialah bagaimana untuk menjatuhkan musuhnya, Tengku Razaleigh Hamzah. Daim memberitahu semua orang bahawa beliau tidak meminati politik tetapi pada masa yang sama, penuh berkeyakinan bahawa beliau akan dilantik sebagai Menteri Kewangan setelah dilantik menganggotai senat. Beberapa bulan setelah menganggotai senat, Daim menjadi orang ketiga penting dalam Kabinet selepas Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri, mulanya tidak menyedari hubungan rapat Mahathir dan Daim. Ini menyebabkan Musa menyatakan rasa bimbang beliau kepada Mahathir tentang cara Daim mengendalikan kerjayanya, terutama dalam memberikan projek Kerajaan kepada rakan dan pengikutnya sendiri. Sudah tentu Musa merasa hairan kerana teguran beliau tidak diendahkan oleh Perdana Menteri. Walaupun beliau Timbalan Perdana Menteri, Musa tidak mempunyai sebarang kuasa berkenaan hal-hal ekonomi, terutamanya hal penswastaan dan pemberian projek ekonomi kepada pengikut-pengikut Daim. Musa tentunya merasa hampa kerana usaha untuk mendapatkan beberapa projek kepada rakan-rakannya sendiri gagal dan tidak diendahkan oleh Daim. Daim berjaya melahirkan jutawan di kalangan kroninya sendiri seperti Wan Azmi, Halim Saad, Tajudin Ramli, Shamsuddin Hassan, Razali Rahman dan Tan Sri Basir, sebaliknya Musa telah diketepikan dari jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Musa pernah memaklumkan Mahathir bahawa Daim telah mencuri banyak proposal projek kroninya, tetapi sekali lagi Mahathir tidak memperdulikan aduan Musa. Perkara-perkara ini merupakan titik permulaan perselisihan dan seterusnya perbalahan dalam perkongsian Mahathir-Musa. Apabila kepentingan Daim, Mahathir dan Razaleigh semakin kukuh, Musa dipinggirkan.

Ramai ahli UMNO menyangkakan Razaleigh merupakan musuh utama Musa. Sebenarnya, perpecahan UMNO pada 1986 adalah disebabkan oleh Daim. Daim menyepit Musa sehingga Musa tiada pilihan kecuali meletakkan jawatannya. Sekali lagi, perwatakan Daim yang sedemikian telah menyelamatkannya. Dahulu tidak ramai yang mengetahui peranan di sebalik tabir yang dimainkan oleh Daim sehingga menyebabkan perpecahan UMNO, dan tidak ramai yang mengetahuinya sehingga kini. Jadi tidaklah menjadi satu yang pelik apabila Musa dan Razaleigh bersatu di dalam pertandingan pada 1987, pertandingan yang akhirnya menyebabkan UMNO diisyiharkan sebagai tidak sah. Pada masa itu, Daim seperti tidak boleh disentuh, apalagi dengan sokongan yang diberikan oleh orang kuat seperti Sanusi Junid dan Anwar Ibrahim. Kerjasama mereka bertiga amat kukuh dan menyebabkan kem Musa-Razaleigh tidak dapat berbuat apa-apa kecuali dipermainkan dengan diberikan nama timbangan sebagai AIDS.

Bagi membolehkan pewujudan UMNO baru, Daim dan Mahathir terpaksa terlebih dahulu menyingkirkan Hakim Besar, Tun Salleh Abas. Sekali lagi, dikatakan Daim memainkan peranan utama dalam penyingkiran Tun Salleh yang arif, kuat berpegang pada agama dan dihormati dan

digantikan dengan Tun Hamed Omar, seorang *playboy* dan kaki judi yang kronik, yang juga merupakan rakan sekolah Mahathir dan Daim. Perlantikan Hamed menandakan kejatuhan integriti dan kebebasan perundangan.

Sebagai Menteri Kewangan, Daim berjaya memujuk Mahathir memberikan kuasa penuh kepada Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan untuk mengimplementasikan polisi penswastaan. Projek-projek ini diberikan terus kepada syarikat-syarikat yang disukai. Dan bermulalah era pengumpulan harta oleh Daim dan kohot-kohotnya. Syarikat United Engineering yang dibeli dengan harga RM2, bertukar kepada perbadanan yang berharga berbilion ringgit. Sebagai Menteri Kewangan, Daim telah secara halus mengarahkan agar semua bank memberikan pinjaman kepada syarikat-syarikat kepunyaannya. Dan tidak ada kroni Daim yang pernah mengadu tentang kesukaran dalam mendapatkan pinjaman bank. Sebaliknya, semua pengusaha bank hidup dalam ketakutan kepada Daim. Setelah melantik Wan Azmi dan Basir untuk mengetuai Malayan Banking dan Bank Bumiputera, Daim boleh memberikan sebarang projek kepada kroninya kerana pinjaman bukanlah merupakan satu masalah.

Tidak cukup keuntungan daripada projek-projek fizikal tersebut, Daim juga mengambil setiap kesempatan untuk menambahkan keuntungan daripada pasaran saham. Setiap kali Kementerian Kewangan meluluskan sesbuah syarikat untuk disenaraikan di Bursa Saham, kroni Daim menerima sebahagian besar saham. Begitulah bagaimana saham-saham di Southern Bank, Resort World, Sports Toto, Berjaya, Tanjung dan banyak lagi saham syarikat utama (*blue chip*) jatuh ke tangan Daim dan syarikatnya. Suatu

ketika semasa harga pasaran melonjak naik, Daim dengan megah memberitahu rakan-rakannya bahawa harta fizikal beliau sahaja bernilai RM65 bilion. Untuk menutup mulut pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional, Daim memberikan projek-projek mega kepada Samy Vellu dan Ling Liang Sik supaya anak-anak mereka boleh menikmati kekayaan negara!

Mengapa beliau meletakkan jawatan ?

Daim berjaya mengabui ahli-ahli UMNO sehingga percaya bahawa Mahathir tidak melepaskan beliau walaupun telah berulangkali meminta supaya dibenarkan melepaskan jawatan Kabinetnya. Dengan ketiadaan Musa dan Razaleigh, Daim boleh mengaut sebanyak mana keuntungan tanpa boleh dihalang oleh sesiapa walaupun Mahathir. Lagipun, beliau merupakan Bendahari UMNO dan turut berjaya menyakinkan bahawa syarikat-syarikat yang dikontrolnya merupakan yang mana UMNO mempunyai kepentingan.

Perbuatan Daim bukan sahaja menjatuhkan imejnya sendiri sebagai Menteri Kewangan, tetapi juga imej Mahathir dan reputasi Malaysia di mata dunia. Dikatakan beliau selalu meminta yuran yang amat tinggi untuk dirinya sendiri di dalam perbincangan kontrak melibatkan orang asing. Penggerusi dua buah bank terbesar Jepun iaitu Bank of Tokyo dan Sanwa Bank pernah membuat komen kepada Mahathir bahawa Menteri Kewangannya meminta komisen yang tinggi semasa perundingan pinjaman yen. Margaret Thatcher juga pernah menyuarakan rasa tidak puas hati dengan peranan Daim sebagai agen berkomisen. Daim pernah dikatakan mempunyai, atau masih ada akaun di Zurich, London, Hong Kong, Tokyo, Singapura, Kepulauan

Caymen, Pulau Channel dan Pulau Virgin. Sesungguhnya, daripada menyimpan hartanya yang berbilion ringgit di Malaysia, Daim menyimpan di luar negara. Dengan hartanya yang sebegini banyak dan pengaruhnya yang besar, Daim kemudiannya menjadi liabiliti berat kepada Mahathir yang tidak lagi boleh dibiarkan. Dalam setiap transaksi perniagaan, mesti ada bahagian Daim. Beliau juga tergamak untuk bekerjasama dengan Lee Kuan Yew untuk 'mencuri' tanah KTM di Tanjung Pagar, Singapura. Kabinet Malaysia juga tidak dimaklumkan mengenai perkara ini. Tetapi isu Malaysia ditipu oleh Lee Kuan Yew dan Daim masih belum berkahir.

Mahathir akhirnya sedar bahawa perlantikan Daim harus ditamatkan. Maka, Mahathir meminta Daim berhenti. Mahathir bimbang sekiranya Daim terus menjadi Menteri Kewangan, aduan bukan sahaja diterima dari Vincent Tan, Ananda Krishnan, Arumugam dan lain-lain mereka di kalangan peniaga elit Malaysia, tetapi juga dari pemimpin luar. Cerita mengenai skandal berkaitan Daim telah merebak dan boleh meletup bila-bila masa sahaja di Jepun atau Britain. Sebab itu, Daim harus berundur. Pengunduran beliau diatur sehingga ia tidak kelihatan seperti Daim dibuang. Sesungguhnya, tidak masuk akal seorang Menteri Kewangan yang berkuasa, kaya raya dan mempunyai pengaruh di dalam banyak syarikat awam tiba-tiba mengatakan bahawa beliau tidak lagi berminat di dalam tugsanya. Yang sebenarnya ialah beliau telah diarahkan meletakkan jawatan. Komen pertama Mahathir mengenai perkara ini ialah "Beliau telah berulangkali meminta kebenaran untuk meletakkan jawatan, dan kali ini saya membencarkannya. Saya harap Daim tidak akan meninggalkan Malaysia selepas meletakkan jawatan". Kata-kata

Mahathir itu penuh bermakna. Mahathir tahu bahawa Daim sedang merajuk. Begitu juga dengan Anwar dan Sanusi. Mahathir membiarkan Daim menjadi Bendahari UMNO atas sebab-sebab yang baik; beliau hendak memastikan keselamatan duit UMNO, yang kebanyakannya di dalam pegangan Daim.

Tetapi Daim, yang banyak menyimpan rahsia Mahathir, merupakan seorang yang sangat licik. Selepas meletakkan jawatan, beliau telah mlarikan diri dan tinggal di San Francisco. Daim memberitahu masyarakat umum di Malaysia bahawa beliau hendak menyambung pelajaran di Harvard. Beliau sebenarnya tidak mahu tinggal di Malaysia. Mahathir yang sudah biasa dengan perangai Daim, merayu Daim pulang dengan mengatakan bahawa beliau memerlukan bantuan dan nasihat berkaitan dengan ekonomi. Daim pulang dan mengisyiharkan dirinya sebagai Penasihat Ekonomi Kepada Kerajaan. Rafidah pernah meminta Mahathir mengesahkan perkara ini tetapi Mahathir hanya mendiamkan diri. Daim tidak pernah secara rasmi dilantik sebagai Penasihat Ekonomi, jawatan yang dahulunya dipegang oleh Tun Raja Mohar. Perlantikan ke jawatan ini merupakan di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Daim memberikan jawatan tersebut kepada dirinya sendiri. Untuk memastikan Daim berpuas hati, Mahathir membenarkan beliau membuka pejabat di Unit Perancang Ekonomi dan ini menguatkan pandangan umum bahawa Daim masih berkuasa di dalam bidang ekonomi negara.

Apabila Daim diminta berhenti sebagai Menteri Kewangan, Daim meminta Mahathir melantik Anwar Ibrahim mengantikannya. Tentunya Daim berharap agar

perlantikan ini akan dapat memastikan semua perbuatannya terus dirahsiakan. Daim memberi amaran tentang bahaya yang mungkin menimpa mereka berdua sekiranya semua rahsia itu diketahui Rafidah. Daim juga memujuk Mahathir melantik Mustapa Mohamad sebagai pembantu Anwar kerana mereka berdua ini boleh diharap untuk menutup lubang yang ditinggalkan oleh Daim. Anwar bukanlah seorang yang bodoh, tetapi idealismenya telah dikorbankan untuk menjaga nama baik taukehnya. (Perlantikan Mustapa Mohamad sebagai Menteri Kewangan Kedua juga dipercayai atas nasihat dan idea Daim. Dengan adanya Mustapa senanglah Daim pergunakan untuk kepentingan kroninya - penulis)

Sepanjang pengetahuan kita, tidak ada Menteri Kewangan yang bersara sebagai seorang *billionaire*, kecuali Daim. Di dalam buku Daim Yang Diam: Sebuah Biographi, Daim mengatakan "Saya gembira bersara. Jawatan itu satu tanggungjawab besar. Sebenarnya, saya suka dunia perniagaan. Perniagaan merupakan darah daging saya. Saya suka membuat duit. Saya tahu bagaimana untuk mendapatkannya. Saya boleh melakukannya dengan hanya duduk di sini. Di hari-hari tertentu, saya bermasib baik dan dapat duit berbilion ringgit".

Kawan Soros

Mengikut analisis dalaman bank, disertai dengan maklumat komuniti korporat, dan maklumat daripada kroni Daim iaitu Amin Shah,kekayaan Daim dalam ringgit dan matawang asing yang disimpan di luar negara sekarang bernilai RM20 bilion. Dengan wang yang sebegitu banyak, Daim boleh 'bermain' di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Beliau menunjukkan pengaruh beliau pada 1991 untuk

membuktikan kuasa yang dimilikinya. Selepas menjual stoknya, Daim membuat kenyataan bahawa pasaran saham akan lemah. Dan pasaran saham memang jatuh merudum. Seperti yang kita dapat lihat, Mahathir juga membuat komen sinis apabila Daim mengatakan bahawa beliau hanya melabur di BSKL untuk duit poket. Tetapi kepada rakan karibnya, Daim mengatakan bahawa beliau mendapat keuntungan RM90 milion sehari apabila pasaran saham aktif. Apabila pasaran jatuh pada Oktober 1991, Daim membeli balik saham dengan harga yang murah. Bila pasaran saham menjadi aktif semula pada 1995 dan 1996, Daim dapat keuntungan berbilion ringgit. Inikah kerja penasihat ekonomi?

Jadi, bukanlah Soros seorang sahaja pengkianat pasaran dan pedagang matawang. Daim berjumpa Soros dua kali di London apabila ringgit didagangkan dengan aktif. Ringgit jatuh RM4 berbanding Dollar Amerika. Mahathir meminta Daim membantu, dan mengikut maklumat dari Singapura, Daim kerugian RM1 bilion apabila cuba untuk menaikkan nilai ringgit. Untuk mengalami kerugian sebanyak itu dalam perniagaan matawang, bayangkanlah jumlah wang yang ada ditangan Daim.

Kejatuhan matawang dan nilai saham meletakkan Mahathir dalam keadaan panik yang amat sangat. Beliau tahu semua polisi dan perangainya sendiri sedikit sebanyak mempengaruhi keadaan. Melihat Mahathir dalam keadaan yang sedemikian, Daim mengesyorkan agar diisytiharkan darurat bagi memulihkan ekonomi dan pada masa yang sama melenyapkan cerita-cerita buruk mengenai mereka berdua yang semakin banyak kedengaran. Kita harus menyantung Ketua Setiausaha Negara dan Pendakwaraya

(*Solicitor General*) yang menentang cadangan ini. Jika rancangan Daim diikuti, ekonomi Malaysia akan hancur. Setelah gagal mengisyiharkan darurat, Mahathir mewujudkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (NEAC) yang diketuai oleh Daim dengan Unit Perancang Ekonomi sebagai Sekretariat. Rancangan asal ialah untuk memberikan NEAC kuasa penuh tetapi ia ditentang oleh Menteri-menteri Kabinet kerana takut mereka akan kehilangan kuasa tidak seberapa yang ada di tangan mereka. Akhirnya, majlis itu hanya menjadi badan penasihat dengan kuasa penuh di tangan Kabinet untuk meluluskan cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Penubuhan Majlis ini merupakan pemangkin permuhan antara Anwar dan Daim. Dengan penubuhan itu, dua rakan lama yang bersama-sama berdiri di belakang Mahathir menentang Musa kini berperang sesama mereka. Semua cadangan yang dikemukakan oleh NEAC ditolak oleh Kabinet dan Bank Negara. Daim secara terbuka mengkritik Bank Negara yang menolak semua cadangan yang dikemukakan seperti yang berkaitan dengan kadar faedah dan pengawalan kredit. Kita menyanjung Gabenor Bank Negara yang terus mengekalkan polisi kewangan yang ketat walaupun dibuli dan dicerca oleh Daim. Tidak seperti Daim dan kumpulannya, para pegawai Bank Negara bukan bertugas untuk kepentingan peribadi. Sesungguhnya perlantikan Daim sebagai Pengerusi NEAC merupakan satu kesilapan besar.

Mengikut laporan akhbar mengenai perbincangan NEAC setakat ini, NEAC hanya menumpukan perhatian kepada usaha menyelamatkan syarikat-syarikat mega daripada bankrup. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa semua

syarikat ini merupakan syarikat kepunyaan Daim atau rakan-rakannya. Daim belum lagi menunjukkan minat kepada kenaikan harga cili, ikan atau bagaimana harga beras naik berlipat kali ganda. Beliau juga tidak pernah membincangkan mengenai perniagaan kecil-kecilan yang semakin tenat dan kontraktor Kelas F yang hampir bankrup juga projek-projek kampung yang terbengkalai. Di dalam kamus Daim, tidak ada ruang untuk peniaga-peniaga kecil, rumah-rumah kos rendah, krisis air atau tabung pinjaman pendidikan untuk anak-anak Melayu yang miskin. Semasa keadaan ekonomi negara semakin buruk, Daim tetap kekal jutawan, hidup dengan penuh glamour, berpeleseran dengan isteri barunya Naimah dan Josephine, gadis keturunan India yang membantunya menguruskan salah satu syarikatnya, International Malaysian Bank.

Kita selalu melabelkan mereka seperti Vincent Tan dan Ting Phek Khiing sebagai pembolot harta tanah, tetapi mungkin kita harus bertanyakan Menteri Besar Johor dan Menteri Besar Kedah seluas manakah tanah yang telah diambil oleh Daim. Tanyakan kepada Sanusi berapa banyakakah yang dibayar oleh Daim kepada Kerajaan Kedah untuk tanah seluas 12,000 ekar di Sungai Petani dan berapakah keuntungan Daim daripada tanah tersebut. Untuk tanah seluas 12,000 ekar itu, Osman Arof terpaksa dikorbankan.

Catatan: Rencana ini adalah sedutan daripada internet yang ditulis oleh orang yang mengaku dirinya sebagai (KAWANNYA) - Penulis

BAB 10

ANWAR SEORANG 'PEMBERANI'

RAMAI juga orang mempertikaikan kenapa Datuk Seri Anwar tidak meletak jawatan dan berundur dari Kerajaan sepetimana yang dilakukan oleh beberapa orang tokoh sebelum ini. Kenapa Anwar berkeras untuk tidak mahu meletak jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Bukankah keadaannya tidak menjadi seteruk hari ini kalau beliau akur dengan kehendak Presiden dan orang-orang tertentu dalam UMNO yang mengharapkan beliau berundur secara terhormat?

Alangkah baik dan manisnya, kalau beliau mengambil jalan selamat meletakkan jawatan sepetimana yang dilakukan oleh Rahim Tamby Chik atau Muhammad Haji Mohd Taib yang melepaskan jawatan Ketua Menteri Melaka dan Menteri Besar Selangor. Bukankah cara itu lebih aman dan tidak menimbulkan ketegangan? Ia juga tidak memungkinkan UMNO akan berpecah dan perpaduan

Melayu pun dapat dijamin! Kenapa Anwar tidak bertindak begitu. Kenapa beliau mencari jalan penyelesaian yang susah dan boleh membahayakan dirinya - memilih jalan penuh duri dan berliku!

Ramai juga ahli UMNO beranggapan jika Anwar memilih jalan dengan melepaskan jawatan, beliau tidak menerima nasib seburuk hari ini. Mungkin kedudukannya di dalam UMNO tidak terjejas. Paling-paling beliau hanya diminta berehat sepetimana Rahim dan Muhammad Taib. Jawatan Timbalan Presiden UMNO dan juga keahliannya sebagai anggota UMNO mungkin dapat diselamatkan. Anwar boleh melakukan '*come back*' dalam UMNO kalau beliau tidak agresif dan emosional sangat. Beliau mungkin berpeluang mendapat semula jawatannya itu apabila segala tuduhan ke atasnya ditolak oleh mahkamah. Dan waktu itu kewiraannya juga akan lebih meningkat lagi. Beliau akan disanjung sebagai seorang pemimpin yang berhemah dan sabar. Kenapa Anwar tidak berbuat begitu?

Begitulah perhitungan banyak pihak. Perkiraan-perkiraan itu sebenarnya lebih rasional dan lunak serta mengandungi rasa sayang kepadanya. Tentulah mereka yang membuat andaian begitu masih mengharapkan kepada Anwar untuk menjadi pemimpin negara ini. Mereka yang sayang dan merasakan satu kerugian besar di atas kehilangan Anwar.

Tetapi apabila beliau berkeras enggan melepaskan jawatan, maka berlakulah seperti yang sudah berlaku hari ini. Kini Anwar tidak bersama UMNO lagi. Hubungannya dengan UMNO sudah tidak ada apa-apa lagi.

Kedudukannya sama seperti sebelum beliau menyertai UMNO pada tahun 1982 lalu. Malahan kedudukan beliau

kini lebih asing, kerana sebelum 1982 walaupun beliau tidak aktif, katanya beliau sudah menjadi ahli UMNO sejak di bangku sekolah lagi.

Sesetengah orang merasakan cara Anwar itu salah dan tidak bijaksana. Tetapi hakikatnya apa yang beliau buat itu adalah merupakan cara terbaik. Anwar mesti tahu apakah tindakannya dan juga natijah daripada tindakan itu. Sebagai orang yang berkecimpung dalam politik hampir 30 tahun, Anwar tentu dapat memilih mana penyelesaian yang terbaik untuk dirinya. Tidak ada manusia yang memandukan dirinya untuk jatuh ke dalam laut.

Ada beberapa maksud ataupun makna yang boleh diterjemahkan kenapa Anwar sampai bertindak begitu, merelakan beliau dipecat dari Kabinet dan UMNO dan tidak bersedia mengundur walaupun disuruh. Tentunya ini bukan bertujuan untuk menunjukkan sikap degil atau keras kepala, tetapi ada maknawi dan muslihat politik di sebalik tindakannya itu.

Sebelum ini Dr Mahathir sudah beberapa kali menyuruh Anwar meletak jawatan tetapi tidak dihiraukan olehnya. Desakan itu berlaku hingga ke saat-saat terakhir kurang daripada enam jam sebelum beliau dipecat, jam 5.30 petang 2 September 1998. Dalam mesyuarat kabinet pada paginya, Dr Mahathir telah memberi kata dua kepada Anwar; samada meletak jawatan ataupun dipecat? Ternyata kata dua itu tidak juga dihiraukan. Anwar langsung tidak mengambil kira kata dua tersebut meskipun beliau sudah tahu akan natijahnya. Dalam ertikata lain beliau sudah tidak menghormati kata-kata Presiden parti dan Perdana Menteri.

Ada dua sebab yang dapat kita selidiki kenapa Anwar memilih jalan berliku dan penuh duri itu. Pertama ialah kerana beliau hendak mempertahankan kebenaran yang didokongnya. Untuk apa beliau meletakkan jawatan, kalau disuruh atas alasan kerana beliau dituduh bersalah, sedangkan beliau tidak bersalah. Tindakan itu tentulah sangat bodoh dan hanya boleh dilakukan oleh orang tidak berprinsip dan bacul saja.

Anwar cukup arif dan mengerti, kalau beliau melepaskan jawatan atas desakan itu, jelas menunjukkan beliau bersalah. Secara automatik orang akan membuat persepsi bahawa beliau bersalah. Tentunya imej itu tidak diingini oleh Anwar, apalagi beliau yakin beliau tidak bersalah. Setidak-tidaknya bila orang melihat beliau mengambil keputusan dipecat, orang akan beranggapan bahawa Anwar benar, dan yang bertindak memecatnya itulah sebaliknya bersalah. Orang boleh berfikir bahawa, kerana beliau benar maka beliau berkeras untuk tidak mengundurkan diri.

Kedua sebagai seorang politik, Anwar tahu kalau dia berundur dengan sukarela setelah dipaksa, dia tidak akan popular. Para penyokongnya akan menganggap beliau alah kepada tekanan. Keadaan ini boleh menyebabkan para penyokongnya merasakan beliau bacul dan tidak mempunyai prinsip. Dan apa yang penting, beliau rela dipecat kerana dengan pemecatan itu beliau akan mendapat simpati.

Tentunya sebagai seorang pejuang yang tidak mudah merasa mati akal ataupun patah semangat, Anwar memerlukan sokongan penyokong. Beliau mahukan pembelaan. Jadi apabila beliau dipecat maka akan timbulah rasa simpati penyokong. Lebih-lebih lagi alasan dan

kemunasabahan kenapa beliau dipecat kurang jelas kesalahannya kepada penyokong.

Sejarah telah merakamkan bagaimana seorang Menteri Besar yang enggan meletak jawatan walaupun didesak oleh partinya akhirnya muncul sebagai wira. Dalam krisis politik Kelantan 1978 di antara PAS dengan Allahyarham Datuk Haji Muhammad Nasir, PAS telah mendesak Muhammad Nasir meletak jawatan. PAS susah habis berikhtiar agar Muhammad Nasir letak jawatan tetapi sia-sia. Akhirnya PAS memecat Datuk Haji Muhammad Nasir. Pemecatan itu ternyata mengundang simpati rakyat. Muhammad Nasir yang sebelum ini tidak terkenal dipuja dan didokong sebagai pejuang.

Hasil dari sokongan rakyat, Muhammad Nasir telah menubuhkan sebuah parti baru bernama Berjasa. Berjasa bergabung dengan UMNO dan akhirnya dalam pilihanraya dalam tahun yang sama, kerajaan PAS Kelantan kalah. Muhammad Nasir dijulang sebagai pahlawan.

Itu sejarah dan semua orang ingat. Mungkin mengambil teladan di atas sejarah itulah maka Anwar turut bertindak demikian. Anwar merasakan dengan mengambil tindakan demikian beliau akan menjadi wira rakyat!

Dan ternyata hari ini, strategi Anwar itu menang kena dan betul. Hari ini beribu orang penyokong dan simpati mengunjungi rumahnya. Mereka hadir menyatakan rasa kesal dan marah kepada Dr Mahathir yang memecatnya. Siang malam orang mengunjungi rumahnya. Ke mana sahaja beliau pergi, pengikutnya akan berduyun-duyun menuruti belakangnya.

Bertolak dari sokongan itu pula menyebabkan terbuka

ilham kepada Anwar untuk menubuhkan gerakan reformasi bagi terus menyemarakkan api perjuangan yang diasapkan sejak 28 tahun lalu. Dan gerakan itu kini sudahpun bermula. Gerakan yang cambah dan membesar di halaman rumahnya di No 8, Jalan Setiamurni 1, Damansara, kini sudah menular ke Bangi, kemudian ke Ceruk Tok Kun, kemudian ke Nerang Bukit Pinang, Kedah dan ke Melaka dan sedikit masa lagi ke seluruh negara.

Itulah dua faktor ataupun muslihat yang kita rasa kenapa Anwar rela dipecat daripada mengundurkan diri. Tindakannya itu mempunyai motif politik yang begitu teratur dan bijak. Yang dibuat setelah lama berfikir dan merancangnya.

Dari sudut lain pula, kesanggupan Anwar untuk dipecat menyerlahkan keberanian sejati yang ada kepadanya. Disebabkan beliau yakin bahawa beliau tidak bersalah - semua tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepadanya adalah fitnah semata, maka tidak perlu baginya mengikut kehendak orang yang memaksanya. Sesungguhnya keberanian Anwar itu juga sudah boleh dijadikan bukti, bahawa beliau tidak bersalah. Amat payah bagi seseorang yang melakukan kesalahan untuk menegakkan benang basah.

Inilah bezanya di antara Anwar dengan orang lain. Beliau tidak mudah akur kepada tekanan dan bersedia untuk menegakkannya. Beliau rela berdepan dengan sesiapa saja walaupun penentangan itu boleh mendatangkan risiko yang besar dan menyusahkan hidupnya. Dalam hubungan ini juga Anwar bukan seorang yang mementingkan jawatan sehingga sanggup menjadi alat dan mengorbankan prinsip perjuangan.

Anwar tidak bersedia menjadi '*yes man*' kepada '*boss*'nya. Khabarnya sudah acap kali Anwar bergasak dengan Dr. Mahathir. Pergaduhan paling besar ialah beberapa hari selepas Dr Mahathir merasmikan Wisma UMNO Pulau Pinang. Pergaduhan berlaku kerana Dr Mahathir masih belum menarik serangan ke atas Anwar walaupun Anwar sudah berhemah dengan membuat pengisytiharan seluruh UMNO Pulau Pinang untuk menyokong Dr. Mahathir. Katanya dalam pertengkaran itu sampai hempas-menghempas fail dan menumbuk meja.

Kita tidak tahu apakah butir-butir ataupun sebab kenapa mereka bergaduh. Tetapi yang jelasnya tentu ada sesuatu yang tidak kena. Apapun dalam hal ini ia menyerlahkan keberanian Anwar. Beliau tidak peduli akan kedudukan dirinya. Di sini membuktikan beliau bersedia melakukan apa saja kalau tidak betul dan benar. Dan kemuncak kepada keberanian itu akhirnya membawa kepada penyingkiran dan penghambatan beliau dari Kabinet dan UMNO.

Keberanian dan sikap tanggungjawab yang ada pada Anwar bukan sehari dua ini saja. Keberanian itu bukan sahaja menjelma apabila beliau tidak tahan dengan tindak tanduk Dr Mahathir setelah melihat sendiri berbagai bentuk penyelewengan, salahguna kuasa di dalam Kerajaan dan sebagainya. Tetapi ia wujud sejak lama dulu. Semenjak beliau menjadi pemimpin mahasiswa lagi.

Keberanian Anwar juga bukan dengan orang-orang tertentu saja. Beliau akan terus menegakkan kebenaran tidak kira siapa. Beliau akan menegur sesiapa saja, dari rakyat biasa sampailah kepada Perdana Menteri.

Sikap penentangan dan tidak peduli beliau kepada

Mahathir sudah lama. Satu ketika Mirzan hadir ke pejabat Anwar untuk minta luluskan satu projek tetapi permintaan itu tidak dilayan. Akibatnya Mirzan mengadu kepada emaknya dan emaknya mengadu kepada ayahnya, Mahathir. Dr Mahathir tersinggung dengan Anwar mengenai perkara ini. Namun beliau tidak peduli, apa yang beliau lakukan adalah kerana menegakkan keadilan dan tidak sanggup berleluasanya elemen kronisme dan nepotisme.

Begitu juga dengan Daim. Banyak kehendak Daim terutamanya berkaitan dengan perniagaannya tidak diluluskan oleh Anwar. Salah satu ialah permohonan Daim untuk memiliki Bank Bumiputra menerusi projek penswastaan tidak dilayan oleh Anwar. Anwar langsung tidak peduli meskipun Daim kawan baik Mahathir dan seorang korporat yang boleh menggoncangkan ekonomi negara. Bagi Anwar amanah rakyat perlu dijaga sebaik mungkin tidak kira beliau terpaksa berhadapan dengan siapa.

Sejarah keberanian Anwar ini bukan bermula semasa beliau berada di bawah dagu Mahathir. Tetapi ia bermula sejak tahun 1971 lagi. Sewaktu menjadi pemimpin pelajar beliau telah turun ke padang memperjuangkan nasib rakyat. Beliau tidak gentar kepada apa juu ugutan dan halangan. Sepanjang tahun 1971 hingga ditangkap di bawah ISA beliau telah mengepalai atau terlibat dengan beberapa tunjuk perasaan.

Bayangkan, sebagai seorang remaja, mahasiswa... beliau sudah boleh menjadi kepala, menentang larangan polis dan menuntut hak. Menjadi pembela rakyat. Bukan calang-calang orang boleh berbuat begitu. Jika di dalam jiwynya tidak ada api perjuangan, tidak mungkin beliau

boleh bertindak begitu. Tahun 1974 dulu ketika tercetusnya demostrasi pelajar, lahir ramai pemimpin. Tetapi berapa kerat yang dapat terus hidup. Ada setengah pemimpin pelajar yang lantang dulu kini sudah hilang taring dan menjadi lembek apabila sudah dewasa. Lebih teruk lagi ada di kalangan mereka menjadi seperti kera atau monyet, melompat ke sana, melompat ke sini dan hilang prinsip perjuangan.

Di samping memiliki sekeping jiwa yang berani, Anwar juga bertanggungjawab ke atas apa yang beliau lakukan. Beliau tidak bersikap melempar batu sembunyi tangan, sebaliknya akan mendada mempertahankan apa yang diucapkannya. Sewaktu berlaku tunjuk perasaan menentang PM Thailand, Tun Thanom Kittikachorn tahun 1972, di mana polis telah menggugat para pelajar, Anwar tampil memberitahu polis agar jangan ugut pelajar, sebaliknya kalau hendak tahan, tahanlah dirinya.

Hari ini apabila heboh mengatakan dia akan ditangkap di bawah Akta Rahsia Rasmi dan Akta Keselamatan Negeri dan dituduh sebagai pengecut kerana membenarkan pengikutnya mengerumuninya, beliau mencabar pihak Kerajaan, agar jangan mengganggu pengikut dan keluarganya. "*Kalau hendak tangkap, tangkaplah saya, saya bersedia. Jangan ganggu keluarga dan pengikut saya*", katanya.

Itulah jatidiri Anwar yang dapat dikenali. Bangsa merasa bertuah mendapat seorang tokoh seperti Anwar yang mempunyai keberanian dan rasa tanggungjawab sosial yang tinggi. Seorang pemberani seperti inilah yang diharapkan untuk membawa perubahan kepada negara. Pemberani sejati sebeginilah yang boleh merubah nasib anak bangsanya.

Hanya pemimpin yang berani dan bertanggungjawab saja dapat membawa kemajuan kepada negara. Jika berani sahaja, tetapi tidak bertanggungjawab ia tidak akan ke mana. Berani seperti itu hanya dalam keadaan tertentu saja dan lebih untuk tembolok sendiri.

Tetapi apa yang mengilangkan kita sedikit ialah kemunculan pemberani itu pada zaman negara sedang di perintah oleh seorang ketua yang pemarah (*The angry man*). Biar bagaimanapun berani pemuda itu, namun disebabkan pemarah mempunyai kuasa penuh, api keberaniannya tetap terbatas dan dikawal dan perubahan kepada negara agak lambat untuk berjaya.

Perlucutan jawatan Anwar dari Kerajaan dan parti itu adalah manifestasi sebuah keberanian sejati dan juga satu lambang kepada sikap tanggungjawabnya yang tidak terhingga kepada bangsa dan negara. Anwar telah meruntuhkan mahligainya demi rakyat! Jika dunia menganggap Dr Mahathir seorang pemimpin negara ketiga yang lantang dan berani, tetapi Anwar lebih berani lagi kerana menentang orang yang berani.



Dr Chandra Muzaffar dan Tokoh Wartawan Negara A. Samad Ismail juga turut mengunjungi Anwar untuk menyatakan simpati dan bertanya khabar. Mungkin mereka juga terkejut dan tidak percaya atas apa yang berlaku.



"Para konspirator yang menjatuhkan saya bukan calang-calang orang. Mereka terdiri daripada orang yang rapat dengan PM. Saya tidak gilukan jawatan, tapi cara tindakan yang saya pertikaikan..." Itulah agaknya yang diucapkan oleh Anwar kepada penyokongnya.



BAB 11

REFORMASI! REFORMASI! REFORMASI!



KALAU sudah ada bara perjuangan di dalam diri dan jiwa seseorang, dia tetap terus akan berjuang walaupun di mana ia berada. Dia akan terus nekad dengan perjuangannya bagaimana susah dan payah sekali pun. Seorang pejuang sejati tidak akan mudah putus akal dan merasa lemah terhadap apa juga tindakan dan halangan ke atasnya. Pejuang sejati akan sanggup dan rela merempuh segala cabaran yang mendatang. Rasa takut, gentar dan kecut perut tidak ada dalam perkamusnan seorang pejuang. Tidak ada!

Mara! Mara! dan terus Mara!, hingga sampai ke sempadan kemenangan! Selagi darah masih mengalir, nadi masih berdenyut perjuangan mesti diteruskan. Itulah slogan seorang pejuang tulen. Ia tidak mudah tunduk kepada tekanan dan cabaran. Bagi pejuang sejati, cabaran dan halangan adalah umpama baja yang akan menyuburhijaukan

jiwa perjuangannya. Akan membesarakan nyalaan obor perjuangannya.

Apa lagi kalau pejuang itu memperjuangkan kebenaran (*haq*); - menegakkan keadilan dan menentang kebatilan dan kemungkaran, dia akan disokong dan didokong. Ia akan disokong dengan penuh jiwa dan semangat. Perjuangan begitu juga tidak perlu dibayar dengan wang ringgit atau janji-janji projek. Perjuangan begitu adalah amat kudus dan suci untuk diimbalkan dengan apa-apa bentuk konsesi.

Dan orang yang menggerakkan perjuangan itu juga (*mujahid*), akan menjadi berani dan rela mengorbankan apa saja; harta, masa, hatta nyawanya sekali pun. Pejuang seperti itu telah mempersiapkan diri untuk mati kerana Allah. Hanya satu sahaja yang mereka takuti, iaitu tidak syahid di jalan Allah.

Pejuang yang demikian juga mempunyai segunung keyakinan dan tidak mudah merasa kecewa. Mereka penuh *confident* kerana apa yang mereka lakukan telah diakui benar oleh Allah. "Sesiapa yang berjuang di jalan Aku, dengan penuh keimanan dan ketakwaan akan mendapat balasan Syurga". Itulah janji Allah Rabuljalil. Jadi tidak ada apa yang mereka takut, tidak ada apa yang mereka bimbang? Tidak ada apa-apa lagi, kerana mereka sendiri tahu bahawa mereka yang disyariatkan oleh Allah ke bumi ini adalah untuk menjadi khalifahNya. "*Sesungguhnya Aku jadikan manusia itu untuk menjadi khalifah di muka bumi ini*".

Begitulah apa yang dapat dilihat pada Anwar Ibrahim pada masa ini. Meskipun beliau sudah tidak bersama UMNO lagi, tetapi perjuangannya masih diteruskan.

Kompas perjuangannya masih belum mati dan menunjukkan arah yang benar. Hayunan langkah jihadnya masih belum tamat. Beliau bertekad meneruskan perjuangannya. Api akalnya tidak mudah untuk padam, bagi menghentikan langkah yang telah dimulai sejak hampir 30 tahun lalu.

Jika ada orang beranggapan dengan pemecatan jawatan yang disandangnya itu dan juga penyingkirannya dari UMNO, ia telah mematikan langkahnya dan menumpulkan nafsu juangnya, itulah ada silap. Tanggapan itu naif dan sangat lemah yang boleh diterima oleh mereka yang tidak mempunyai waja juang sejati. Pejuang yang pintar tidak mudah untuk berundur. Ia mempunyai seribu taktik dan strategi. Ia diberikan Hidayah dan Taufik oleh Allah untuk terus meluncurkan bahtera perjuangannya.

UMNO adalah sebagai satu wadah untuk menggerakkan perjuangan. Masih banyak lagi wadah yang boleh digunakan. Tidak semestinya apabila beliau telah dipecat dari UMNO, dilucutkan jawatan dalam kerajaan, maka langkahnya mati dan perjuangannya terhenti. Tidak. UMNO bukan gelanggang terakhir buatnya. Sekali beliau dipecat di dalam UMNO, seribu kali beliau berfikir bagaimana hendak menyambungkan arus perjuangannya. Lagipun UMNO bukan satu wadah mutlak yang dibenar dan dijanjikan Allah, bukan!

Kita yakin Anwar akan terus hidup dan api perjuangannya terus bernyala. Kelantangannya yang diwarisi sejak dibangku sekolah lagi, yang membela rakyat bawahan dan merasai denyut nadi rakyat miskin, menjadikan beliau tidak akan mudah merasa lemah. Cita-cita sedari kecilnya untuk membela keadilan, menentang kezaliman masih berkobar-kobar. Keazaman dan iltizam itu

sesungguhnya tidak pernah hilang dari sanubarinya, bagaikan tidak pernah jemunya mentari terbit diufuk Timur.

Dakwaan dan tuduhan yang mengaibkan itu, yang belum lagi dibenarkan oleh mahkamah, tidak mudah menggoyahkan semangat dan prinsip anak lelaki Permatang Pauh itu. Beliau tidak akan menjadi lemah semangat dengan segala tuduhan itu. Tuduhan dan dakwaan serta apa yang berlaku itu adalah satu permulaan kepada langkah baru yang panjang. Begitu juga dengan para penyokongnya, fitnah dan dakwaan itu tidak sedikit pun mengurangkan nilai sokongan dan menjelaskan sokongan mereka. Sebaliknya fitnah itu menjadi Anwar semakin berani untuk bertindak. Membuatkan beliau lebih tekad dan nekad untuk mara. Para penyokongnya juga jadi lebih taksub dan simpati kepadanya, kerana kesal dan dukacita di atas segala dakwaan itu.

Sesungguhnya bukan sahaja Anwar yang menjadi sasaran tuduhan itu, para penyokongnya juga merasakan tidak munasabah untuk menerimanya. Lantaran itulah rasa simpati yang dalam telah diberikan kepada Anwar. Mereka sedikitpun tidak bergajak daripada terus mengeliling Anwar untuk mempertahankannya!

Hakikat ini terbukti jelas. Sejak Anwar dilucutkan jawatan dan disingkir daripada UMNO, beliau menerima kunjungan demi kunjungan daripada orang ramai. Beliau mendapat simpati dari semua golongan dan lapisan masyarakat. Tokoh-tokoh akademik, ahli politik dan sebagainya. Orang-orang seperti Chandra Muszaffar, Syed Naquid Alattas, adalah diantara pemuka yang memberi sokongan melahirkan simpati kepada Anwar. Bukan saja golongan profesional tetapi NGO dan pertubuhan awam

juga menyatakan sokongan. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Kelantan juga turut melahirkan simpati kepada Anwar.

Dalam pada itu ribuan orang yang datang ke rumahnya sejak 2 September lalu hingga ke hari ini. Selepas waktu pejabat, orang ramai akan tertumpu ke rumahnya, yang terletak di Jalan Setiamurni, Bukit Damansara. Adalah dianggarkan seramai 3,000 hingga 5,000 orang yang bertandang ke rumahnya setiap malam. Mereka datang dengan membawa satu semangat, membawa satu harapan kepada Anwar. Kehadiran itu tidak dapat ditahan. Di halaman rumah Anwar kini tidak ubah sebuah bendang padi yang becak, rumput yang dulunya hijau, hari ini sudah 'lepek' dan mati. Halaman *internet* beliau pula dilawati oleh pelbagai umat manusia dari seluruh dunia sejak beliau disingkirkan hingga 12 September. Seramai 180,000 pelawat yang mengunjungi *internet*nya. Semuanya mengatakan sokongan dan melahirkan rasa kecewa yang amat sangat kepada YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Angka itu tidak ditambah lagi dengan surat-surat yang sampai di meja pengarang akhbar-akhbar utama yang tidak disiarkan. Khabarnya surat protes datang mencurah-curah ke meja pengarang, tapi tidak dipedulikan.

Untuk apa mereka hadir? Mereka hadir bukan diupah ataupun diberi jamuan makan seperti majlis-majlis yang dihadiri oleh Perdana Menteri. Mereka hadir menyatakan simpati dan melahirkan sokongan kepada Anwar. Mereka bersimpati di atas apa yang berlaku. Mereka hadir memberi semangat agar perjuangan suci yang dilaksanakan sebelum ini diteruskan tanpa diganggu gugat. Tanpa ada sekatan dan perberhentian meskipun sementara.

Mereka hadir dari segenap penjuru. Mereka yang hadir bukan sahaja anak-anak penoreh getah dari Baling yang pernah dibela oleh Anwar tahun 1974 yang kini sudah menjadi orang besar dan berpangkat. Mereka yang hadir bukan sahaja anak-anak penduduk Telok Gong yang lapar tanah, tahun 1969. Mereka yang hadir bukan sahaja rakyat Kelantan yang ditekan dan didiskriminasikan oleh kerajaan BN. Juga mereka yang hadir bukan sahaja di kalangan penduduk kampung baru yang terdesak kerana bumi mereka hendak dirompak oleh korporat. Mereka yang hadir bukan saja pemandu teksi, penjaja, buruh tapi semua golongan profesional, doktor, peguam, arkitek dan sebagainya.

Mereka datang dari semua pejuru dan ceruk kampung. Dari Perlis hingga ke Sabah. Mereka yang lahir dari rahim berbagai status dan kedudukan. Semuanya datang bukan kerana semata-mata mereka terbela oleh Anwar sebelum ini, tetapi datang kerana merasakan terpanggil untuk melakukan perjuangan.

Bukan sahaja mereka yang berada dalam Malaysia memberi sokongan dan simpati, tetapi nun yang berada di seberang laut juga turut memberi sokongan dan melahirkan rasa dukacita dan simpati di atas apa yang terjadi. Sejak dipecat dari UMNO, Anwar tidak habis-habis menerima panggilan telefon daripada tokoh-tokoh Islam antarabangsa, tokoh pejuang gerakan Islam dan juga pertubuhan sosial.

Ulama dan reformis terkenal dunia, Yusof al-Qardhawi telah menelefon dan bercakap sendiri dengan Anwar. Ulama terkenal itu telah meminta Anwar bersabar dalam menghadapi dugaan Allah itu. Yusuff yakin, jika Anwar berada di pihak benar, beliau akan memperolehi kemenangan. "Ya akhi Anwar, sabarlah, anda akan

dimenangkan oleh Allah, banyaklah berdoa dan beristikhah kepada Allah.", begitulah pesan Yusof.

Selain Yusof beberapa orang lagi tokoh gerakan Islam, yang juga merupakan kenalan dan sahabat Anwar turut menghubungi Anwar dan menyatakan perkara yang sama. Begitu juga dengan gerakan dan pertubuhan Islam peringkat antarabangsa, baik di Eropah, Amerika, dan Timur Tengah, semuanya menyatakan simpati dan sokongan kepada Anwar. Yusof al-Qardhawi dengan jelas menyatakan bahawa pemecatan Anwar dari kerajaan dan parti, tidak mengikut syariat. Manakala fitnah yang dilemparkan itu dikecam hebat.

Perjuangan yang hak itu memang menghadapi berbagai dugaan. Ia seperti menjadi sunnahullah. Justeru ia memerlukan kesabaran dan kekuahan jiwa. Jika kita menoleh kepada perjuangan para nabi dan sahabat terdahulu, ia lebih dasyat lagi daripada apa yang sedang dilalui oleh Anwar dan pejuang Islam lain di abad ini.

Anwar sendiri pun faham mengenai perkara ini. Sudah berapa ramai tokoh gerakan Islam, telah diseksa dan dipenjarakan. Bukan itu sahaja, ada juga diantara terpaksa syahid di tali gantung.

Apa yang dilalui Anwar dan pejuang di sini, belum sampai sehujung kuku para pejuang itu. Sebenarnya cabaran ini baru bermula. Sekiranya dengan cabaran sedikit ini Anwar dan pengikutnya sudah kecut perut dan gentar, macam mana untuk menghadapi cabaran yang lebih besar dan kuat lagi.

Baik Anwar dan sesiapa sahaja yang memilih untuk menegakkan kebenaran dan keadilan yang disarankan oleh

Islam, maka mereka harus mempersiapkan diri untuk menghadapi kesusahan. Apabila kita telah meletakkan kaki di atas titian "sira talmustaqim", maka bersedia lah kita untuk menghadapi ujian Allah. "*Sesungguhnya seorang itu tidak boleh mengakui dia telah beriman, selagi Allah belum mengujinya.*" Dan ujian ini bukan saja dalam satu bentuk, malah dalam berbagai bentuk dan variasi. Bukan saja sekejap, tapi mungkin selama-lamanya.

Sokongan dan luahan simpati dari pelbagai pihak dari seluruh pelusuk negara itu menggambarkan bahawa perjuangan Anwar selama ini memang menjadi perhatian umum. Secara tidak langsung juga dokongan itu membuktikan kehebatan Anwar. Perjuangannya telah diterima oleh masyarakat Islam antarabangsa. Jika tidak, bukan semudah itu untuk orang memberi sokongan, apa lagi bersusah payah untuk mengunjungi rumahnya siang dan malam.

Berdasarkan kepada hakikat itu jugalah kita menyakini Anwar tidak akan duduk diam. Beliau akan terus melangkah dan melangkah membawa obor perjuangan. Beliau akan meneruskan agenda dan misinya yang telah lama dimulakan itu. Sesiapapun tidak dapat menahan dan menyekatnya. Arus dan api yang ada didalam dadanya kini seperti ombak di lautan musim tengkujuh, ia tidak boleh ditahan atau dibenteng dengan sebiji batu ataupun sepotong batang kayu.

Adalah tidak mungkin kalau beliau akan menamatkan perjuangannya begitu sahaja kerana '*fed-up*' ataupun berkecil hati ke atas nasib yang diterimanya. Mana mungkin perjuangan yang dinyalakan selama hampir 30 tahun bisa terkutik oleh secebis fitnah ke atasnya. Mana mungkin wawasan yang diwarwarkan selama ini akan diam membisu

kerana tuduhan yang jahat itu. Tidak. Iya tidak akan mati dan Anwar tidak akan tunduk dan akur kepada fitnah dan tohmah itu. Kalau pun Anwar ditakdirkan dipenjara semangatnya akan terus menyala membakar jiwa rakyat yang mempunyai prinsip dan matlamat jihad yang sama dengannya. Dan sekiranya beliau "mangkat" di dalam penjara, jenazahnya akan menjadi unggul api yang menyemarakkan belantara jihad.

Betapa hukuman yang dibayangkan kepadanya juga tidak sedikit pun menakutkannya. Beliau sedikit pun tidak gentar. Keberaniannya mencabar supaya kerajaan menangkapnya, menunjukkan bahawa beliau memiliki berbilah keris yang ditatah dengan besi kursani yang terpaksi di sudut hatinya. Segala kemungkinan itu tidak dipedulikan malah beliau menanti dengan penuh siap sedia. "*Kalau saya ditangkap lepaskan saya pergi sebagai seorang pahlawan. Jangan ganggu penangkapan itu dan perjuangan hendaklah diteruskan seperti biasa,*" begitulah pesannya selepas dua jam jawatannya dilucutkan. Kata-kata amanahnya itu disambut dengan deraian airmata oleh mereka yang berada di rumahnya ketika itu.

Anwar mungkin tidak merasa gentar kalau ia terpaksa ditahan dan meringkuk dalam penjara. Kerana sebelum ini beliau pernah ditahan selama dua tahun di bawah ISA kerana membela rakyat. Penahanan itu merupakan azimat dan pengalaman cukup baik kepadanya. Dan tahulah bahawa orang seperti Anwar tidak akan memilih jalan sunyi dan selamat, hanya semata-mata untuk menyelamatkan dirinya. Dia tetap memilih jalan berduri.... yang sedang dirempuhi kini. Jika ada orang mengharap Anwar akan memilih jalan sunyi dan selamat, demi untuk menjaga hati

pihak tertentu, sebenarnya harapan itu silap. Harapan itu bukan layak ditagih oleh orang pemberani seperti Anwar!

Persoalan kini bagaimanakah Anwar akan menggerakkan perjuangannya. Dengan bahtera apakah beliau akan melayarkan perjuangannya? Perkara ini masih menjadi persoalan dan teka teki. Sehingga kini Anwar belum membuat apa-apa tindakan. Sebelum ini ada orang membayangkan beliau akan menubuhkan parti baru. Ada juga yang mengatakan beliau kemungkinan akan menyertai PAS. Ramalan ini kerana PAS dilihat parti yang sesuai dengannya. Lagipun beliau sebelum ini pernah diundang untuk "dikahwinkan" dengan PAS, semasa ia dibawah pimpinan Allahyarham Datuk Asri, tetapi tidak kesampaian kerana "perawan" bernama UMNO lebih jambu dan menggoda beliau.

Persoalanya sekarang perlukah Anwar menyertai PAS? Beliau harus faham pengikutnya kini terdiri daripada mereka mempunyai dua mazhab. Satu yang bersemangat nasionalisme terdiri daripada orang-orang UMNO yang sempat disemaibiakkan semangat Islam olehnya. Dan satu lagi yang mirip kepada Islam terdiri daripada ABIM dan mereka yang mempunyai jiwa untuk menegakkan hukum Allah. Senario ini beliau harus fikir sebaik mungkin. Jika beliau tidak bijak dan peka, kemungkinan kepaduan sokongan ini boleh pecah.

Harus diingat para penyokongnya di kalangan UMNO tidak mudah untuk meninggalkan parti sekular itu. Pada mereka hidup dan mati dalam perjuangan biarlah dalam UMNO. Kepada mereka UMNOlah satu-satu wadah perjuangan yang suci bagi orang Melayu. Atas hakikat itu mereka tidak akan sanggup untuk keluar UMNO bagi

menyertai bahtera perjuangan lain, terutamanya mereka yang di sebelah Pantai Barat dan Selatan.

Begitu juga sekiranya Anwar menubuhkan parti baru, sokongan terhadapnya mungkin berkurangan. Orang tidak yakin parti baru akan datang mampu menandingi kekuasaan UMNO. Lagipun pengalaman yang dilalui oleh Tengku Razaleigh Hamzah sebelum ini memberi satu iktibar kepada mereka. Lambat laun parti baru itu akan terkubur juga.

Psikologi ini Anwar harus faham. Banyak lagi orang Melayu yang berfikir setiap perjuangan mesti menang dan mendapat kuasa dan kedudukanya. Walaupun tanggapan itu silap, tetapi Anwar perlu akui akan hakikatnya. Dalam kepala orang Melayu perjuangan mestilah menerusi wadah yang jelas. Mereka rata-rata meletakkan kemenangan dalam sesuatu perjuangan itu ialah apabila mendapat kuasa dan kedudukan. Pangkat adalah matlamat utama.

Persepsi itu sebenarnya silap dan ia perlu diperbetulkan. Dalam konteks Islam, kemenangan bukan bermakna dapat berkuasa. Kemenangan ialah apabila kita mampu menjalankan suruhan Allah dengan penuh istiqamah. Pangkat, kedudukan dan harta kekayaan itu persoalan nombor akhir, dan sedikit pun tidak termasuk dalam kriteria kemenangan.

Itulah hakikatnya. Sekiranya Anwar boleh menanamkan fahaman ini kepada para penyokongnya, beliau tidak perlu risau. Beliau boleh membawa mereka melangkah bersama mengharungi lautan dan menuruni lembah untuk meneruskan perjuangan, dengan apa saja bentuk yang Anwar fikir. Tetapi jika tidak, Anwar akan tinggal terkutang kating keseorangan nanti.

Cita-cita dan azam untuk melakukan reformasi seperti mana yang diumumkan 5 September (Jumaat) lalu adalah sesuatu cadangan yang baik. Langkah itu dikira amat sesuai. Apa lagi Anwar sendiri sudah melakukan reformasi lama sebelum ini. Beliau memang layak untuk menjadi kepala menggerakkan pembaharuan di negara ini. Keberanian, kedegilan serta kepintaran berpidato, melayakkan beliau menjadi reformis bangsa.

Pada kita tindakan menentang Presiden parti sehingga beliau dipecat, adalah satu tindakan reformasi yang cukup berani. Masyarakat harus faham dan panadai membaca makna disebalik tindakan itu. Anwar menentang Presiden kerana ingin melakukan reformasi kepada UMNO dan perjuangan Melayu. Kenapa beliau melakukan demikian ialah kerana tidak mahu melihat kebenaran diinjak-injukkan dan kebatilan dijunjung-sanjung.

Kita cukup berkeyakinan sekiranya Anwar bertekad untuk melakukan reformasi ia akan mendapat sokongan ramai. Rakyat semua harus faham sistem yang ada hari juga memerlukan kepada reformasi. Pemimpin yang ada kini juga memerlukan perubahan sikap, dan jika perlu mereka juga hendaklah ditukar. Tekad yang ada sebelum ini juga perlu dirombak. Dari bersikap menyerah, menerima apa sahaja yang dilakukan oleh pucuk pimpinan, kepada sikap agresif dan bertanggungjawab. Bangsa yang ingin maju adalah bangsa yang sanggup melakukan reformasi. "*Nasib sesuatu kaum itu tidak akan berubah selagi kaum itu sendiri tidak merubah dirinya.*"

Rakyat India dapat membebaskan negara mereka apabila mereka bersedia menerima reformasi yang dibentangkan oleh Ghandi. Begitu juga dengan rakyat

negara-negara lain. Tanpa keberanian untuk berubah dan merubah, kemungkinan rakyat India masih berada seperti 50 abad terdahulu. Rakyat Perancis mungkin masih mundur jika tidak berlaku revolusi perusahaan di negara mereka. Apabila mereka tekad melakukan reformasi dalam ekonomi sudah tentu mereka menjadi satu masyarakat yang maju dan berjaya.

Bercakap pasal reformasi banyak perkara yang perlu dibuat. Banyak kepincangan yang wujud didalam negara kita hari ini. Perkara ini berlaku kerana terlalu lama sangat sesuatu kelompok (parti) itu memerintah. Ini menyebabkan kuasa itu dimonopoli sepenuhnya. Apabila sudah terlalu lama maka semakin banyaklah kesilapan dan kemungkaran. Rakyat seharusnya tidak mudah tergoda dengan nyanyian-nyanyian malenkolit pemerintah. Nyanyian itu sebenarnya untuk melenakan rakyat bagi membolehkan mereka melakukan apa saja yang mereka suka dengan bertopengkan wawasan untuk rakyat dan negara.

Dan hari ini adalah satu saat dan ketika paling baik. Kalau dulu bangsa Melayu tidak ada tokoh untuk menjadi kepala bagi menggerakkan reformasi, nah hari ini dengan adanya Anwar bin Ibrahim, mereka sudah dapat jeneral untuk bertindak. Rahsia Allah melepaskan Anwar daripada UMNO hendaklah difahami. Rakyat sepatutnya menggunakan takdir itu untuk membaiki diri dan masa depan. Disebalik tindakan Dr Mahathir ke atas Anwar itu sesungguhnya mempunyai hikmah-hikmah yang tersembunyi.

Reformasi seperti mana yang dicanangkan oleh Anwar hari ini sebenarnya sedang ditunggui oleh rakyat kesekian lama. Justeru rakyat hendaklah pandai mengambil

kesempatan di atas apa yang wujud hari ini. Untuk itu, rakyat juga harus mengubah sikap mereka. Mereka perlu banyak berkorban untuk menggerakkan reformasi itu. Sekiranya kesempatan ini tidak diguna sepenuhnya oleh Anwar dan rakyat, laungan reformasi yang berkumandang pada setiap malam di rumah Anwar itu, hanya akan tinggal kenang-kenangan sahaja. Janganlah hendaknya semangat reformasi itu menjadi lemah dan akhirnya layu begitu sahaja. Jangan biarkan Mahathir terus mentertawakan segala gelagat itu. Reformasi itu akan menjadi kenyataan sekiranya rakyat rela berkorban dan tidak mudah mengaku kalah.

Ingin juga kita ingatkan jangan pula api reformasi yang sudah menyala itu disalahgunakan. Jangan sesekali Anwar menggunakan reformasi itu untuk menerangi diri sendiri. Jangan menjadikan reformasi itu sebagai satu perjuangan untuk mengembalikan semula beliau di dalam UMNO. Sekiranya Anwar benar-benar ikhlas hendak menggerakkan reformasi, beliau seharusnya tidak ingat kepada UMNO lagi. Reformasi bukan digerakkan menerusi sistem demokrasi, tetapi ia mempunyai jalan dan *approach* tersendiri yang berpaksikan kebenaran.

Adalah terlalu malang sekiranya Anwar menjadikan kebangkitan rakyat itu sebagai satu alat untuk mempopularkan dirinya. Menggunakan perkataan reformasi untuk memenuhi kehendak peribadinya dan juga puak-puaknya tidak mendapat keberkatan daripada Allah. Beliau juga kena ingat bahawa mereka yang berbai'ah untuk menggerakkan reformasi itu bukan kerana mengharapkan kekayaan, projek, pangkat dan apa-apa, tetapi semata-mata hendak melakukan perubahan dan pembaharuan dalam

sistem kehidupan usang dilaksanakan oleh pemimpin yang telah rosak fikrahnya. Ingat!

Sekiranya Anwar sekali lagi lari dan melencung daripada ril dan kiblat perjuangan ini, tidak ada perkataan yang paling sesuai untuk diucapkan selain daripada Anwar sudah bacul dan munafik kepada agama, bangsa dan negaranya. Untuk menyakinkan rakyat, Anwar harus bersumpah atas airmata rakyat untuk melaksanakan apa yang dirancangkan itu. Kesalahan pertama Anwar mungkin boleh dilupakan tetapi bukan untuk kali keduanya.

Dr Wan Azizah - Ibu Reformasi sedang menyampaikan ucapan di rumahnya. Isteri setia itu sudah bangkit bersama suaminya. Di belakangnya terpampang sepanduk bertuliskan "Reformasi Bermula Di Sini" - di rumahnya No 8, Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara.

"GERAKAN REFORM BERKULA DARS"





Orang ramai berbondong-bondong mengerumuni rumah Anwar. Mereka datang dari segenap penjuru dan lapisan masyarakat. Pelajar, buruh, wartawan, pemandu taxi, penganggur dan tidak kurang juga Special Branch (SB). Mereka menggunakan apa saja helah untuk menerobos masuk ke dalam rumah Anwar.



Selama lima tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri Anwar tidak mempunyai apa-apa. Hanya potret cenderahati inilah yang menjadi milik abadinya. Potret ini dibawa oleh penyokongnya sewaktu Anwar berpindah ke rumahnya di Damansara pada 3 September 1998.

Penutup

APAKAH API REFORMASI AKAN PADAM ?



AKHIRNYA cabaran dan permintaan Anwar Ibrahim agar ianya ditangkap menjadi kenyataan. Kira-kira jam 10:00 malam 20 September 1998, beliau telah disumbat ke dalam sebuah van berwarna putih dan dibawa ke Bukit Aman. Penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) itu menamatkan penantian Anwar selama 18 hari untuk beliau menjelaki semula ke tempat sial yang ditinggalkan kira-kira 24 tahun lalu. Anwar pernah ditahan di bawah akta yang sama pada 7 Disember 1974, juga kerana menggerakkan semangat untuk membela rakyat.

Bezanya penahanan kali ini tidak memeranjatkannya. Kerana beliau sendiri sudah menduga yang akhirnya beliau akan ditahan. Sebaik sahaja beliau dipecat dari kerajaan dan parti, Anwar sudah membayangkan apakah tindakan seterus

ke atasnya. "Saya akan ditangkap bila-bila masa saja, mungkin malam ini ataupun esok," begitulah kata Anwar dalam ucapan sulung selepas pemecatannya pada 2 September 1998.

Justeru kerana sudah mengetahui apa yang bakal berlaku itulah, dalam tempoh dua minggu beliau berusaha keras untuk menjelajah ke seluruh negara bagi menjelaskan kedudukan sebenar apa yang berlaku ke atasnya. Anwar merasa bertanggungjawab untuk berbuat demikian bagi mempertahankan dirinya. Tindakan itu dilihat bukan kerana beliau enggan patuh kepada keputusan Perdana Menteri dan Presiden partinya, tetapi demi untuk menegakkan keadilan dan melakukan pembelaan diatas penganiayaan dan fitnah terhadapnya. Tindakan Anwar itu adalah haknya dan ia dibenarkan oleh agama dan amalan budaya bangsanya.

Pembelaan itu dilakukan serentak dengan pelancaran jihadnya atas platform yang dinamakan Gerakan Reformasi. Anwar memulakan langkah dan agenda perjuangannya pada 10 September 1998 dengan mengunjungi ke Darul Syifa' di Bangi Selangor. Sebelum ini beliau telah menjelaskan maksudnya untuk menujuhkan satu gerakan reformasi. Tetapi penjelasan itu terbatas di halaman rumahnya sahaja.

Kehadiran beliau di Bangi malam itu sebenarnya memang dinanti-nantikan. Lebih 30,000 hadir untuk mendengar penjelasan beliau. Keadaan di sekitar jalan ke Darul Syifa' menjadi penuh sesak dengan kereta dan motorsikal. Polis juga didapati berkawal di segenap jalan ke Darul Syifa' untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak baik berlaku. Sesuatu yang mengagumkan yang hadir kebanyakannya para belia dan mereka berumur di bawah 40 tahun.

Tetapi sayang orang ramai tidak dapat mendengar apa-apa penjelasan dari Anwar kerana majlis malam itu tidak mendapat simpati polis. Anwar dilarang daripada memberi sebarang ucapan. Apa yang sempat dilakukan di situ malam itu hanyalah sembahyang hajat.

Selepas di Bangi, keesokannya beliau berangkat balik ke kampung halamannya, di Ceruk Tok Kun, Pulau Pinang. Di Ceruk Tok Kun beliau disambut oleh sanak saudaranya, para pengundi dan juga sahabat handai yang datang dari jauh dan dekat bagi mezahirkan simpati dan sokongan terhadap perjuangannya. Puluhan ribu orang juga datang memberi semangat dan menziarahinya.

Dari Ceruk Tok Kun beliau bergerak ke Derang, Kedah. Sedia menanti di Derang puluhan ribu manusia, khasnya para ulama. Kesediaan ulama menerima kunjungannya itu menjadikan Anwar tambah bersemangat. Beliau yakin gerakan pembaharuan yang hendak dijalankan itu mendapat restu semua golongan termasuk ulama. Sekiranya ulama meragui mengenai kesucian dirinya dan ketulusan nawaitu perjuangannya, tidak mungkin Persatuan Ulama Kedah (PUK) membuka pentas dan membentangkan sejадah untuk Anwar. Sanusi Junid khabarnya sudah lama ingin berbaik dengan ulama tetapi masih belum berjaya.

Sekembali dari Kedah 12 September 1998 beliau terus turun pula ke Air Keruh Melaka. Tetapi nasibnya di sini sama dengan di Bangi. Beliau tidak dibenarkan berucap. Dewan orang ramai yang sudah ditempah, tidak dibuka dan pagarnya dikunci rapat. Elektrik ke dewan itu juga diputuskan. Namun halangan itu tidak melemahkan Anwar, bertemankan lampu picit dan *loud hellar*, beliau terus berucap di atas Pajero dengan ditemani Azizah sebelum

dihentikan polis.

Gangguan dan sekatan di Air Keruh sedikit pun tidak mematahkan semangat beliau dan teman-temannya. Pada malam 14 September, beliau turun pula ke Nilai, Negeri Sembilan dan pada 15 September berkongsi pentas dengan DAP di Kajang Selangor atas nada sama iaitu membela keadilan. Banyak orang mempertikaikan tindakan Anwar ini, ada yang menuduh beliau sudah bersekongkol dengan DAP. Musuh-musuhnya mengambil kesempatan untuk menempelak Anwar. Tuduhan Anwar mengkhianati perjuangan berkumandang disegenap penjuru. Penuduh itu sebenarnya jahil bahawa perjuangan keadilan, kebebasan adalah hak semua umat manusia di atas muka bumi ini. Penggunaan pentas DAP itu juga tidak patut dipersoalkan kerana Perdana Menteri yang mereka sayangi itu juga pernah berucap di atas pentas PAS apabila beliau ditendang oleh UMNO pada tahun 1969. Lagipun DAP ketika ini sedang memperjuangkan keadilan ke atas ahli Parlimennya, Lim Guan Eng.

Selepas di Kajang Anwar terus menggerakkan reformasinya menemui masyarakat petani dan nelayan di Tanjung Karang pada 16 September. Puluhan ribu orang berhimpun menyambut kedatangan Anwar di atas bendang padi kerana Kerajaan Selangor tidak membenarkan menggunakan mana-mana dewan orang ramai di negeri itu.

Gerakan reformasi digerakkan lebih jauh lagi menuju ke Pantai Timur. Pada 17 September beliau ke Tanjung Lumpur, Pahang. Kemudian terus ke Pasir Panjang, Terengganu dan pada malam 18 September berada di Kota Bharu.

Di Kelantan sambutan luar dugaan telah diberikan

kepadanya. Walaupun pada siangnya hujan turun dengan lebat dan pelbagai propaganda dan berita angin bertujuan mensebotaj majlis di Stadium itu ditabur, tetapi rakyat Kelantan khususnya penyokong reformasi tidak mudah tersihir. Hujan dan sekatan tidak menghalang kobaran semangat reformasi, stadium Sultan Muhamad Ke IV yang boleh memuatkan penonton seramai 60,000 telah melimpah ke luar menjadi kehadiran lebih 100,000 orang.

Kehadiran itu diluar jangkaan pihak keselamatan. Kira-kira 20 minit Anwar bercakap, polis datang meminta Anwar berhenti. Tetapi kerana desakan orang ramai yang mahu Anwar meneruskan pidatonya, polis akhirnya beredar dan memberi peluang untuk Anwar meneruskan ucapannya. Isterinya Azizah dan anak sulungnya Nurul Izzah hadir sama memberi semangat kepada ayahnya dan ini menjadikan orang ramai terus terpaku di atas padang stadium.

Ucapan di Kota Bharu adalah dikira paling panas dan berani. Dalam stadium itulah Anwar mendedahkan tembelang Daim Zainuddin yang membawa wang sebanyak RM 1 billion di dalam empat *briefcase* dan diletakkan di hadapan tempat duduk *business class* di atas kapal terbang. Wang itu untuk disimpan di dalam bank di Zurich. Mengingati cara Daim membawa wang sebanyak itu tak ubah seperti kegiatan taukeh garam menyeludup garam ke negara jiran.

"Saya telah beritahu kepada Mahathir, tetapi dia katakan tak apa, saya akan *handle..* dua kali saya khabarkan kepada Dr Mahathir, namun tidakannya tidak ada", kata Anwar.

"Inilah diantara sebab kenapa kita kecewa. Yang kita

rasakan tidak adil... yang kita rasakan sudah tidak ada tempat untuk mengadu...". ujar Anwar disambut dengan tepukan gemuruh yang bergabung dengan laungan Allahuakbar.

Dr Mahathir memberi reaksi kepada pendedahan Anwar itu. Semasa sidang akhbar di PWTC dia menolak kata-kata Anwar itu dengan mengatakan tidak mungkin Daim membawa wang sebanyak itu di dalam guni. Menurut logik Mahathir kalau Daim hendak bawa wang beliau boleh gunakan jet esekutifnya sendiri dan dalam bentuk beberapa helai kertas sahaja. Sekali lagi Dr Mahathir tertipu dengan gaya dan kelicikan Daim.

Di stadium itu jugalah Anwar secara berterus terang dan tegas mengulangi apa yang diucapkan di Terengganu pada siangnya meminta Dr Mahathir meletak jawatan kerana sudah terlalu tua dan nyanyuk. Beliau bertanya sampai bila lagi Dr Mahathir mahu menongkat langit?

Sambutan hangat di Kota Bharu membakarkan lagi semangat reformasi. Keesokannya 19 September beliau turun pula ke Batu Pahat, Johor negeri yang melahirkan UMNO dan sangat sensitif dengan semangat nasionalis.

Di Batu Pahatlah pertama kali beliau memahatkan sumpah atas nama Allah di sanubari rakyat menafikan tuduhan jijik yang dilemparkan kepadanya. "*Demi Allah saya tidak terlibat dengan perbuatan terkutuk itu,*" demikian sumpah Anwar. Sumpah ini menyebabkan ramai yang menitiskan air mata kerana simpati kepadanya dan dapat merasai keikhlasan dan ketulusan hatinya. Jika Anwar benar-benar terlibat, tidak mungkin beliau sanggup melafazkan sumpah demikian.

Sesungguhnya sumpah itu bukan kerana beliau bongkak untuk mencabur beberapa tokoh UMNO, tetapi dibuat atas kesedaran dan keberanian, bahawa beliau benar-benar tidak terlibat. Bukan mudah untuk seseorang Islam membuat sumpah seperti itu kerana ia akan dilaknat Allah sehingga hari kiamat jika tidak benar.

Nah sekarang Anwar sudah bersumpah, dan diulangi sumpah itu di Masjid Negara, beliau mengakui tidak terlibat dengan perbuatan terkutuk itu. Bagaimana pula dengan tokoh-tokoh yang begitu ghairah dan bersungguh mau Anwar bersumpah sebelum ini. Kenapa Dr Mahathir masih diam untuk melafazkan sumpah bagi mempertahankan para saksinya? Dan kenapa Ibrahim Ali yang gila-gila membuat kenyataan menyatakan bersedia membela Anwar jika bekas TPM itu bersumpah atas nama Allah, sampai sekarang tidak terkutip dan diam membisu? Jelas kata-kata seperti itu tidak lebih dari satu provokasi Yahudi semata-mata.

Dr Mahathir juga nampaknya telah terjepit dengan sumpah Anwar itu dengan mengatakan; orang macam Anwar boleh buat apa sahaja. Ah, kenapa sejahil itu Perdana Menteri. Apakah dia tahu hukuman dan juga balasan orang yang bersumpah atas nama Allah? Sumpah sesuatu yang bukan boleh main-main. Mahfum Hadith: "*jangan sesekali kau mempermainkan sumpah atas nama Allah kerana ia boleh merosakkan akidah.*"

Allah akan melaknat para pesumpah yang tidak benar. Sebenarnya kita tidak merasa hairan dengan sikap Doktor perubatan itu. Sebelum ini pun beliau sudah banyak mempermainkan kata-kata dan ucapan yang boleh menyebabkan akidahnya sebagai seorang mukmin gugur dan rosak!

Singgungannya terhadap sunah Rasulullah mengenai janggut benar-benar menyayat hati umat Islam seluruh dunia. Begitu juga penghinaannya terhadap keadilan dan kebenaran yang Allah jamin dalam Hukum Hudud mengiluhibakan hati umat Islam. Beliau juga dilaporkan pernah memperli sekiranya Hukum Hudud dilaksanakan di negeri ini mungkin kerajaan tidak dapat membina jalanraya kerana batu-batu habis digunakan untuk merejam orang!

Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang sebelum ini bersetuju dengan fitnah terhadap Anwar itu juga sepatutnya tampil ke hadapan untuk bersumpah. Seorang demi seorang mereka patut muncul melafaz sumpah di atas nama Allah. Jika mereka ikhlas dan berani mereka boleh muncul dimana-mana sahaja baik secara perseorangan atau berkumpulan.

Kini rakyat sedang menunggu segala persumpahan itu. Rakyat mahu mengetahui siapa yang benar dan siapa yang salah. Rakyat sedang menanti siapa yang akan dilaknat Allah dengan sumpahnya. Kenapa ahli MT perlu gentar dan kecut perut. Kalau mereka yakin kepada kata-kata sang Mahathir, mereka perlu bertindak sekarang - bersumpah atas nama Allah.

Batu Pahat adalah destinasi terakhir, sebelum reformis berjiwa Jebat itu bergerak ke Masjid Negara 20 September sebelum ditangkap pada malamnya. Hanya Perak sahaja yang terlewat untuk mengundang Anwar bagi memberi penjelasan. Tetapi kita yakin dengan maklumat yang sudah bertaburan, rakyat Perak tidak akan kempungan untuk mendapat maklumat sebenarnya kerana masih ramai agen reformasi yang bergerak secara sukarela siang dan malam.

Kenapa Anwar begitu cepat diberkas sehingga beliau belum sempat turun ke semua negeri? Menurut isterinya seperti yang dijelaskan dalam sidang akhbar selepas Anwar ditangkap, penangkapan itu dibuat kerana Anwar berhajat untuk ke Kubang Pasu pada keesokan harinya.

Mungkin kerana bimbang dengan sambutan yang bakal diberikan kepada Anwar, maka kaki Anwar perlu ditambat segera. Tentu sekali Dr Mahathir tidak mahu Kubang Pasu menjadi kubang tempat meledaknya semangat reformasi. Itu sungguh memalukannya. Kalau rakyat Kubang Pasu sendiri yang merupakan anak buah Mahathir telah termakan dengan perjuangan pembaharuan, itu bermakna nyawa Mahathir dalam politik sudah tidak berapa panjang. Takdir inilah yang paling ditakuti Mahathir.

Khabar yang diterima pada siang itu, rakyat Kubang Pasu tidak kira ideologi parti dan warna kulit sudah menunggu untuk sama-sama mengerakkan semangat reformasi. Menurut cerita dari Alor Setar orang yang beriya benar mahu memastikan Anwar tidak ke Kubang Pasu ialah Sanusi Junid. Kalau benar begitu kenapa Sanusi harus gementar. Bukankah Sanusi seorang pahlawan! Sanusi pernah berkata dalam perhimpunan agung UMNO jika ada sesiapa hendak menjatuhkan Mahathir langkah dulu mayatnya. Sepatutnya kalau Sanusi tidak membentarkan Anwar hadir ke Kubang Pasu, beliau boleh mengundang berkunjung ke Pulau Langkawi? Kenapa Sanusi tiba-tiba menjadi penakut untuk berhadapan dengan kenyataan? Begitukah lagak pahlawan Aceh?

Biarpun Anwar ditahan orang ramai sedikit pun tidak merasa kesal kerana mereka sudah diingatkan sejak awal. Tetapi apa yang menjadi persoalan ialah cara beliau ditahan,

seolah-olah Anwar seorang penjenayah besar. Tindakan pasukan UTK menggeledah dan memecah pintu rumahnya itu sehingga pecah di bahagian tengah, memberi gambaran yang Anwar seorang penjenayah yang lebih hebat daripada Cheng Peng, Kalimuthu dan Botak Chin.

Sebelum ditangkap khabarnya polis sudah mengepung rumah Anwar sejak tengah hari lagi. Beratus anggota FRU telah mengelilingi rumah No 8 Jalan Setiamurni 1 itu. Jalan menuju ke rumahnya juga ditutup kepada semua lalu lintas. Melihat kepada persiapan itu seolah-olah mereka mahu membuat serangan hendap ke atas rumah Anwar.

Tidak sepatutnya mereka bertindak begitu kerana Anwar sudah berkali memberi ingatan yang beliau akan menyerah diri dengan baik. Beliau tidak akan menganggu dan meminta perlindungan jika beliau hendak ditahan. Ini terbukti, walaupun polis bertindak ala "gestapo", semasa hendak membawanya, Anwar masih memberi nasihat kepada pengikutnya, "beri laluan dan jangan ganggu mereka," itulah kata-kata Anwar apabila menyedari polis datang untuk mengambilnya. Padahal kalau hendak dikira Anwar boleh meneriakkan kepada penyokongnya supaya melindunginya kerana pada masa itu bukan puluhan, tetapi ribuan penyokongnya berada di halaman rumahnya.

Tetapi tidak begitu, Anwar tidak percaya kepada kekerasan. Baginya biarlah orang lain melakukan kekerasan, fitnah dan tindakan tidak syarie ke atasnya, tetapi beliau tetap yakin bahawa kebenaran itu adalah hak Allah. Anwar lebih banyak pasrah kepada Allah untuk membela dirinya. Beliau juga dikatakan sering menasihat kawannya, jangan lawan fitnah dengan fitnah. Apabila ada sahabatnya cuba hendak membela dan bertindak ke atas fitnah yang

ditaburkan ke atasnya, beliau mlarang keras. Itulah 'sahsiyyah' seorang pemimpin yang berjiwa Islam.

Peristiwa di Masjid Negara yang kemudian melarat ke Dataran Merdeka itu bukan sahaja telah mengunci langkah Anwar untuk meneruskan jihadnya di jalan Allah. Tetapi peristiwa itu juga turut menguji kesabaran dan ketabahan 13 orang pejuang lain. Gara-gara perhimpunan itulah juga, Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan, Roslan Kasim turut sama diseret ke Bukit Aman dan ditahan di bawah ISA. Turut sama ditahan ialah Presiden ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman, Timbalannya, Mokhtar Ridhuan, Setiausaha ABIM, Sharuddin Ismail, serta dua Exco, Abdul Halim Ismail dan Amidi Abdul Manan. Dua sahabat baik Anwar, Kamaruddin Mohd Nor dan Kamaruddin Jaafar turut sama diseret ke dalam penjara.

Selain itu Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar Luar Universiti Islam Antarabangsa, Dr Sidek Baba, Pengarah Celdes, Dr Zamberi Abdul Kadir, Asmoun Ismail Adun Panti, Johor, dan Ketua Pemuda UMNO Malaysia Ahmad Zahid Hamidi, terheret sama.

Kalau hendak dikira tidak wajar mereka itu ditahan. Mereka tidak bersalah dan bukti menunjukkan mereka menimbulkan ancaman kepada negara tidak dinyatakan. Nampaknya kerajaan telah menggunakan akta zalim itu seenaknya mengikut kehendak hawa nafsu amarahnya. Tetapi kita tahu akan niat dan tujuannya ialah untuk melumpuhkan gerakan reformasi yang digagaskan oleh Anwar. Harapan musuh-musuh Anwar apabila mereka menahan para mujahid itu, semangat reformasi tidak lagi berkembang dan mengarus di negara ini. Itulah yang mereka fikir.

Tetapi perhitungan mereka itu silap. Mereka boleh menahan jasad para reformis itu. Namun semangat dan api jihadnya tidak bisa disekat. Semangat itu akan tetap mengalir dan bergelombang ke dalam diri sesiapa sahaja yang insaf dan sedar akan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negaranya. Reformasi akan terus bergerak. Sekiranya mereka dirantai, doa-doa mereka akan tetap berterbangan menemui Tuhan mereka. Dan jika perjuangan itu benar Allah akan mengabulkan kerana itulah janji Allah SWT. Biasanya doa orang teraniyu itu akan dimakhbulkan.

Harapan Anwar, seorang "Anwar" jatuh akan bangkit 1000 Anwar lain tidak sia-sia. Hari ini kita sudah dapat melihat dengan jelas, "Anwar" bangkit dan berada di mana-mana sahaja. Orang menyebut tentang kezaliman dan ketidak-adilan yang wujud di mana-mana. Semuanya menuntut agar segala unsur-unsur *syaitanisme* itu di bersihkan. Seribu Anwar sudah bergelewanan di serata alam. Mereka meneriak dan melaungkan keadilan dilakukan ke atas wira mereka. Mereka juga akan menunggu pembebasan Anwar mereka walaupun seribu tahun lagi. Iya, walaupun seribu tahun lagi.

Pada mereka Anwar hanya hilang daripada pandangan mata, tetapi semangat, prinsip serta ketulusan Anwar sudah menjiwai dan menyelinap ke dalam seluruh urat dan nadi mereka. Orang-orang ini tidak mungkin bisa ditahan dan disekat lagi. Mereka muncul bagaikan gelombang dan taufan. Mereka bergerak bagaikan air, makin dibenteng mereka akan terus mengamuk selagi keadilan dan kebenaran tidak dijelmakan di hadapan mereka.

Kita percaya penangkapan itu tidak akan berakhir diangkat 13 itu sahaja. Kita sudah cukup arif, sekali ISA

bangkit dari tidurnya ia akan mengaum dan membaharui banyak orang. Kita tidak tahu berapa ramai lagi nama-nama yang disenarai-merahkan. Begitu pun jelas, para penggerak reformasi tindak gentar dan mudah berundur. Mereka juga mungkin senada dengan rintihan Ketua Pemuda UMNO Zahid Hamidi sebelum ini; "*Betapa hinanya saya kalau Anwar diseret ke penjara sedangkan saya masih di luar.*" Api reformasi tidak akan padam selagi kemungkaran, kezaliman dan ketidakadilan tidak dihapuskan.

Stop Press:

Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, 30 September, 1998 - (Jam 6: 30 Petang) Tiga lagi ditangkap dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipercayai terbabit dalam gerakan reformasi dan menyokong Anwar. Mereka ialah Zulkefli Nordin, Abdul Malik Hussein dan seorang (tidak ingat nama).

Zulkefli ialah peguam muda yang sentiasa mengikuti road show Anwar selepas bekas TPM itu dipecat.

Sementara kira-kir jam 10:00 pagi ini, Anwar telah didakwa di Mahkamah Sesyen Jalan Raja atas lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan melakukan seks luar tabii. Satu lagi tuduhan melakukan seks luar tabii akan dikemukakan di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya esok.

Sembilan orang Peguam telah dilantik untuk membela Anwar yang diketuai oleh Raja Aziz Addruse. Mereka yang lain ialah, Christopher Fernando, Gurbachan Singh, Sulaiman Abdullah, Zainur Zakaria, Pawancheek Marican, Kamar Aniah Kamaruzaman, SN Nair dan Faiz Abdullah.

Manakala pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwaraya, Datuk Abdul Ghani Patail, dibantu oleh Azhar Mohamed, Mohd Yusuff Zainal Abiden dan Timbalan Pendakwa Raya, Stanley Augustin.

Berita paling akhir - kira-kira jam 10.00 pagi ini Anwar telah pun didakwa di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya atas tuduhan melakukan seks diluar tabii. Jam: 12:56 pagi.

Kuala Lumpur,
30 September 1998.



Orang ramai tanpa dikerah dan diupah datang ke Dataran Merdeka untuk menggabungkan diri menggerakkan reformasi, Mereka datang dari berbagai sudut dan kedudukan. Walaupun mereka tahu bahaya menanti, kemungkinan ditangkap, namun kerana semangat untuk melakukan reformasi mereka hadir juga.



Para pendokong reformasi terpaksa memanjat atas bumbung Masjid Kampung Baru pada 11 September 1998 untuk mendengar penjelasan dan amanat pemimpin mereka, Anwar Ibrahim. Mereka menggadai nyawa untuk menggerakkan reformasi.



Pasukan Polis Simpanan Persekutuan (FRU) bersiap sedia untuk menghalang penunjuk perasaan di Dataran Merdeka. Belantan dan pancutan air menjadi senjata FRU mempertahankan diri. Dalam kejadian pada 21 September 1998 ini seramai 100 orang awam diberkas.



Saat-saat cemas ketika Unik Tindakan Khas (UTK) menyerbu ke rumah Anwar untuk menangkapnya. Para penyokong Anwar hanya bertahan dengan tangan sedangkan Polis lengkap bersenjata. Dan akhirnya kira-kira jam 10.00 malam 20 September 1998, Anwar diseret ke Bukit Aman.



Inilah wajah terakhir Anwar sebelum ditangkap dan dibawa ke Bukit Aman pada 20 September 1998. Penyokongnya cuba menghalang tapi apakan daya, mereka tidak memiliki kuasa dan kekuatan!



Gambar Anwar paling terbaru yang dirakam di Bukit Aman. Sebelum dihantar ke Penjara Sungai Buloh Anwar dijamu. Dr Wan Azizah menyifatkan - jamuan itu adalah jamuan hipokrit.....

Lampiran 1

UCAPAN SELEPAS 2 JAM DIPECAT DARI KABINET PADA 2 SEPTEMBER 1998 DI KEDIAMAN RASMI TPM DI 47, JALAN DAMANSARA, KUALA LUMPUR.



ALHAMDULILAH, kita aturkan syukur setinggi-tingginya kepada Allah SWT kerana dapat berhimpun pada malam ini dan saya sebagai sahabat kepada rakan-rakan ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan ke atas semangat serta kasih sayang yang ditunjukkan ke atas persahabatan yang tulen ini. Saya telah menerima surat daripada Perdana Menteri menyatakan semua jawatan saya dalam kerajaan telah digugurkan berkuatkuasa jam 5.30 petang ini (2 September 1998). Ini bermakna saya telah dipecat dari semua jawatan kerajaan. Alhamdulilah, saya, Azizah dan anak-anak menerima keputusan ini sebagai satu perkara biasa. Jawatan itu merupakan satu amanah tetapi

cara tindakan itu saya pertikaikan. Saya mendapat maklumat bahawa persiapan dan tindakan yang dirancangkan agak lama.

Sejak surat layang mula diedarkan tahun lalu, ia telah berkembang dengan begitu meluas kerana ia didalangi oleh tokoh-tokoh penting dalam kerajaan termasuk satu dua orang tokoh yang cukup dekat dengan Perdana Menteri. Tetapi saya mengambil sikap baik sangka serta tidak menuduh sesiapa selain daripada yang terbukti. Pada masa itu, Peguam Negara menggesa saya mengambil tindakan tegas kepada orang-orang yang terlibat. Perdana Menteri menasihati saya supaya kes itu ditutup. Nyata sekali, di antara lain ia adalah kerana nama-nama yang dikaitkan itu melibatkan VVIP dan wang yang dikeluarkan juga banyak. Saya juga menerima surat pengakuan daripada orang-orang yang dikatakan menandatangani surat tersebut menafikan sekeras-kerasnya dan bersumpah dengan nama Allah mengatakan bahawa mereka tidak terlibat dengan surat layang ini. Tetapi pada masa itu, laporan polis mengesahkan tindakan yang diambil mempunyai kaitan politik yang cukup hebat. Mereka juga memberi ingatan kepada saya, tahun lalu, bahawa kalau orang berkenaan sanggup melakukan tindakan seperti ini, mereka tidak berhentikan mudah langkah-langkah berikutnya.

Dan pada masa itu saya terkejut apabila dimaklumkan bahawa mereka sedang mencari dua orang pelacur atau GRO yang akan diminta mengaku mengadakan hubungan seks dengan saya semata-mata untuk mengaibkan saya. Kemudian, sebagai mana saudara pun tahu perkembangan politik negara kita di mana saya menghadapi masalah dengan beberapa keputusan yang melibatkan korporat besar

dan keluarga tertentu dan saya terpaksa bertegas dalam beberapa perkara. Namun begitu saya masih menunjukkan sikap yang cukup bertanggungjawab sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Saya tidak melepaskan kemarahan saya di luar saluran terutamanya bila berdepan dengan Perdana Menteri.

Rupa-rupanya, ahli-ahli korporat dan politik ini terus menerus merencanakan konspirasi politik untuk mendapat sokongan Perdana Menteri untuk menjatuhkan saya. Sebab itu apabila buku 50 Dalil dikeluarkan, saya sudah menjangkakan dari awal lagi ia merupakan satu perencanaan politik yang cukup besar untuk mengaibkan dan menjatuhkan saya. Saudara bayangkan belum ada dalam sejarah kita, satu buku fitnah yang disebarluaskan dengan begitu meluas sekali. Ia diedarkan di majlis-majlis rasmi dan jabatan rasmi kerajaan. Jadi saya tiada pilihan melainkan membawa kes ini ke mahkamah dan mengambil tindakan injuksi.

Peguam saya minta saya membuat laporan polis termasuk Setiausaha Sulit saya, Sdr. Azmin Ali. Bila laporan dibuat, ada pihak-pihak menggunakan kesempatan ini bukan untuk menyiasat kandungan dan orang-orang yang merencanakan fitnah itu tetapi digunakannya untuk menyinggung dan mengaibkan saya dan ahli keluarga serta rakan-rakan. Sdr Azmin dipanggil dan disiasat sehingga tujuh kali sedangkan penjenayah fitnah ini tidak mendapat tindakan yang sama. Tetapi pada masa itu saya masih bersabar, dan berbincang dengan Peguam Negara dan Ketua Polis Negara serta merayu kepada pertimbangan dan perikemanusiaan serta keadilan Perdana Menteri. Bila anggota keluarga saya diganggu saya dirayu oleh ibu bapa

saya supaya memaklumkan kepada Perdana Menteri. Tetapi jika saya sebagai Timbalan Perdana Menteri diperlakukan sebegitu rupa, apa lagi nasib rakyat. Telefon rumah saya dirakamkan atas alasan keselamatan dan saya menerima alasan itu dengan hati yang terbuka.

Bila Dato' Nalla ditahan, saya rasa aneh, Dia hanyalah rakan saya bermain tenis bersama-sama Datuk Ghazi dan Allahyarham Datuk Wan Adli. Saya bertanya kepada pihak bertanggungjawab dan saya tahu bahawa saya tak bersalah kerana dengan siapa saya keluar dan pukul berapa saya pulang ke rumah semuanya dalam pengetahuan polis. Tiap kali saya bermain tenbis, ada polis yang mengawal di luar gelanggang. Ada kes yang dilibatkan dengan saya kononnya ketika saya memangku jawatan Perdana Menteri. Saudara fikir saya boleh bebas ke mana-mana sebagai Pemangku Perdana Menteri tanpa ada kawalan polis? Tapi ini semua dipadamkan dan mereka melibatkan saya dengan soal wanita dan moral kerana mereka tidak boleh menuduh saya mengambil rasuah kerana berapakekayaan yang saya ada. Esok apabila kereta rasmi saya ditarik balik, saya hanya memiliki sebuah kereta lama berusia 10 tahun dan sebuah pajero. Rumah saya hanya sebuah di Bukit Damansara.

Jadi akhirnya ada pihak-pihak tertentu mengupah pelacur dan GRO untuk membuat pengakuan mengadakan hubungan dengan saya. Saya ingin tegaskan bahawa saya adalah orang perjuangan. Kita ada prinsip, akhlak dan moral yang selama ini kita pertahan dan tegakkan. Dan kejadian seperti ini boleh dilakukan menunjukkan betapa bankrapnya politik mereka yang merencanakannya. Dari situ saya cukup yakin bahawa telah wujud konspirasi politik untuk menjatuhkan saya. Saya merayu kepada Perdana Menteri

kerana saya anggap beliau sebagai bapa dan sentiasa menyakini diri saya bahawa tidak mungkin dia juga turut merestui konspirasi yang hina lagi mengaibkan ini. Rupanya rancangan untuk menjatuhkan saya dah lama diatur oleh orang-orang tertentu. Apa yang berlaku di Indonesia cukup menghantui beberapa tokoh politik di negara ini. Jadi apabila Zahid (Datuk Ahmad Zahid Hamidi) membangkitkan soal nepotisme itu sudah cukup luas biasa bagi mereka. Itu pun kerana hendak menjaga hati pemimpin saya minta Zahid segera meminta maaf dan patuhlah dengan apa yang disarankan oleh pemimpin kita.

Malangnya ia tidak terhenti di situ sahaja walaupun selepas Zahid Hamidi meminta maaf pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Apabila editor-editor Utusan Melayu, Berita Harian dan TV3 "disingkir" secara halus baru-baru ini, rupa-rupanya itu juga satu perencanaan awal konspirasi mempersiapkan diri bagi mengambil tindakan ke atas saya. Itupun saya panggil mereka dan minta bersabar serta menerima dengan baik. Bila Dato' Nalla mengemukakan afidavit, itu pun menggemparkan saya kerana disitu dia terus terang menyata dia dipaksa oleh polis menandatangani tiga fail yang tidak ada hubungan dengan keselamatan ataupun peluru tetapi semata-mata untuk mengaibkan keluarga dan sahabat-sahabatnya yang berkaitan dengan wanita atau wang ringgit dan lain-lain. Dia enggan menandatangani dokumen itu dan mencabar polis dalam mahkamah atas tindakan tersebut. Allah Maha Besar, orang boleh merancang tetapi Allah jua yang menentukannya. Saya juga masih terus teliti tetapi bila siasatan dibuat nyata siasatan itu boleh menjurus ke arah mengaibkan saya dan tidak ada kena mengena dengan buku sama sekali.

Saya katakan Allah Maha Besar dan saya ada perisyiharan dan sumpah dengan saksi oleh Persuruhjaya-Pesuruhjaya Sumpah yang ditandatangani secara peribadi dengan disaksikan oleh peguam oleh Umi Haflida dan Azizan. Dan bila diperolehi di tangan saya, saya berkata masyaAllah. Ini orang-orang yang dikaitkan dan digunakan untuk mengaibkan saya tetapi mereka dengan sendiri pergi dan membuat pengakuan bersumpah menafikan tuduhan-tuduhan jahat ini. Sebab itu siasatan tersebut tidak lagi menjurus kepada buku tetapi kepada yang lain.

Oleh itu saya tidak hairan kalau 100 orang dipanggil dan mungkin sebahagiannya dibayar dan diupah untuk membuat pengakuan mempunyai hubungan dengan saya. Saya beritahu Perdana Menteri, orang-orang ini boleh atur 100 pelacur dan saya akan katakan yang saya tidak bersalah. Bahkan ini adalah rancangan politik yang cukup jahat. Jadi perbuatan ini agak melampau, saya ada puluhan bukti lain tentang kenyataan ini, puluhan tentang orang-orang dipanggil dan cara dan tindakan dibuat.

Saya tidak menjelaskan dan ramai teman sama sekali tidak tahu sebab saya fikir kita harus pertahankan kerajaan dan parti. Kita harus sabar dan biar saya yang bertanggungjawab sendiri dan biar yang lain itu kita hadapi kemudian. Selepas itu, bangkitlah soal-soal lain ditanya umpamanya hubungan jenis. Dipanggil seorang dan digertak kalau saudara tidak mengaku kami akan buka fail dan caj saudara atas kesalahan saudara yang saudara lakukan tahun lalu. Ini mungkin. Bahkan Azizan itu sendiri pun pemandu saya tujuh lapan tahun yang lalu, dan boleh bayangkan bagaimana konspirasi ini berlaku.

Kemudian masalah lainlah, masalah ada perbezaan

pendapat dalam isu ekonomi, saya ini agen negara asing. Dulu masa saya Presiden ABIM saya dituduh agen Libya. Sekarang TPM sudah jadi agen Amerika Syarikat. Kerana orang cemburu cara saya disambut di AS. Nak cemburu apa, kalau nak permaidani merah ambillah permaidani itu atur dari atas rumah sampai ke bawah. Tidurlah dengan permaidani merah, nak hairan apa. Akhirnya yang ada hanya kain putih untuk selimut.

Cubalah istigfar sama. Takkanlah itu pun jadi satu cemburu kerana kebetulan Setiausaha Pertahanan AS, teman lama saya semasa dia menjadi Senator. Jadi bila sampai ke Pentagon kawan dia, dia rasa sebagai sahabat dia nak bagi penghormatan. Ohh! Dibaca ini sebagai bukti saya agen asing. Ingat kita ni politik murahan begitu sekali. Dan saudara tahu bagaimana saya dihina dan dicerca oleh media seolah-olah saya ini tidak ada maruah dan memang terlibat dengan jenayah seks ala Clinton. Ini yang berlaku yang khabarnya saya akan didakwa nanti. Kalau tak malam ini diambil mungkin esok atas dakwaan membocor rahsia kerajaan, akta rahsia kerajaan kerana kononnya fail kontrek diperolehi di tangan orang lain. Mana tahu saya berikan! Mana tahu fail itu dicuri dan dijadikan alasan dan mana tahu orang lain yang terlibat. Mengapa saya? Apakah kerana tidak ada kes lain yang boleh digunakan ke atas saya. Dan kita tuntut untuk menegakkan keadilan dan ehsan. Saya bersyukur kehadrat Allah lebih-lebih lagi saya ada Aizah yang nampaknya tidak sedikitpun merasa gusar, takut hilang jawatan atau rasa besok nanti tidak ada lagi motor pengiring dan mercedes pun hilang, rumah pun saya mesti pindah.

Saya tidak ada masalah untuk pindah kerana saya tidak rasa terlalu hebat nak mahligai ratusan juta untuk saya duduk.

Sebab itu di Putra Jaya walaupun diserang oleh Pembangkang bahawa saya ada mempunyai rumah rasmi, saya nak maklumkan kepada saudara sampai hari ini saya belum sahkan rumah rasmi saya di Putra Jaya. Belum ada. Begitu juga senarai yang diberikan kononnya keluarga saya terlibat. Saya tidak pernah sahkan satu kelulusan pun untuk ahli keluarga saya. Itu saudara semua boleh semak. Sepanjang saya menjadi Menteri Kewangan, tidak ada satu saham saya luluskan kepada ahli keluarga saya. Tidak. Yang dikeluarkan atas nama ayah saya, Encik Ibrahim, itu projek IOI.

Dia terlibat dalam projek IOI sebelum saya menjadi menteri dan saya tidak terlibat dalam kelulusan satu projek kecil entah Hospital Tampoi entah apa. Itu nak disamakan dengan projek berbillion ringgit yang diberikan kepada orang-orang lain dan orang-orang tertentu. Kita beristigfar kepada Allah SWT. Kita beristigfar kita pohon ampun kerana kita sebagai manusia kita ada kelemahan tetapi kita harus ada semangat untuk berjuang menegakkan kebenaran dan keadilan.

Saya yakin ahli-ahli UMNO dan rakyat Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan akan tahu sebenarnya apa sebab Suharto jatuh maka oleh kerana diganti oleh Habibie maka di sini orang nombor seperti Habibie harus "dibunuh" sebelum jatuh yang lain. Apakah ini muslihatnya. Apakah kita katakan kita tidak ada persamaan dengan politik Indonesia? Terserah kepada saudara-saudara untuk menjawabnya. Saya ambil keputusan bahawa saya tidak akan tunduk kepada tekanan ini dan tidak akan meletak jawatan kerana saya tahu dari awal ini konspirasi politik. Politik yang jahat terhadap saya.

Dan sebab itu saya disingkir dari jawatan. Alhamdulilah disingkir atau tidak saya menerima dengan cukup tenang dan baik dan saya cukup bersyukur kerana Azizah dalam sepanjang masa tuduhan itu dan dengan kes ini nampak tenang dan bila saya kata mungkin you kena kerja balik dengan hospital, dia kata masa dia kahwin dengan saya dulu pun macam tulah juga. Jadi sekarang saya meminta saudara-saudara guna kebijaksanaan. Orang menunggu kita lakukan kesilapan, langgar undang-undang, gopoh dalam tindakan dan ini yang ditunggu dan dinantikan oleh mereka.

Kita jangan lakukan apa-apa kesilapan. Kalau saya mahu diambil malam ini, jangan halang kerana saya akan pergi sebagai seorang pahlawan,. Jangan halang, jangan ganggu. Pasukan keselamatan dan pasukan polis itu orang yang menjalankan kerja secara teratur dan profesional. Saya juga dituduh menggunakan Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat Unit Perancang Ekonomi (EPU), menyiasat Ketua Polis negara dan menyiasat Peguam Negara.

Saya tidak mengarah BPR untuk menyiasat tapi kalau BPR betul-betul mempunyai prinsip yang tegas dan kalau ada bukti silakan. Tetapi nyata khabar-khabar ini disebarluaskan supaya menimbulkan kemarahan dan prejUDIS dari kalangan cabang-cabang dan instrumen Kerajaan termasuk Polis, Jabatan Peguam Negara dan Badan Kehakiman terhadap saya. Saudara-saudara, saya tidak mengarahkan BPR berbuat demikian. Ada yang minta saya menyebut siapa dalang-dalang yang terlibat ini. Dalang-dalang ini dalang kaya punya jawatan tinggi dan saya tidak bermaksud untuk berbuat demikian sekarang.

Saya mempunyai dokumen, saya punya tape dan

sampai masanya kita akan dedahkan. Kalau benar mempunyai simpati kepada saya dan sokong saya, saya minta pertahankan prinsip perjuangan tapi patuh pada peraturan supaya jangan dijadikan alasan. Namun berjuang mesti terus berjuang, patuh pada peraturan, tidak bermakna menjadi bacul dalam perjuangan. Ada orang bacul kerana takut hilang jawatan.

Saya enggan kompromi tentang perkara itu dan saya dihukum dan dipecat walaupun jawatan cukup tinggi. Tunggu saat dan ketika menggantikan Perdana Menteri yang kekal lama itu. Jadi saya ingin sekali menyatakan prinsip perjuangan.... ada bedanya diantara orang yang kena langkah dalam perjuangan dan kalau ditanya apa hikmahnya dengan semua ujian bukan untuk kita bebal, bukan untuk kita marah bukan untuk kita gunda gulana... tetapi untuk kita istigraf dan kalau tanya saya, saya sendiri banyak beristigfar dan saya lebih banyak insaf dan saya banyak belajar bahawa sebenarnya dalam perjuangan ini yang paling dekat dengan kita ialah orang-orang yang masih berpaut pada cita-cita dan idelisma perjuangan.

Dan yang pertama lari dari kita ialah orang-orang yang berpaut pada pangkat-pangkat besar. Jadi saya ucapkan sekali lagi terima kasih saudara-saudari doakanlah pada Allah supaya memberi kekuatan kepada kita untuk menghadapi ujian dan cabaran dan percayalah kalau kita di landasan yang benar Allah akan merestui perjuangan kita.

Lampiran 2

KENYATAAN AKHBAR ANWAR IBRAHIM, 3 SEPTEMBER 1998



MALAYSIA sedang bergelut dengan cabaran yang amat getir. Ketakjuban ekonomi yang amat dibanggakan selama ini lebih merupakan fatamorgana, bagai satu impian yang indah. Kini kita dikejutkan oleh gigitan kenyataan yang pahit.

Rakyat akan menderita akibat kegawatan ekonomi. Ramai yang akan mengganggur. Jumlah yang miskin akan meningkat. Maka kita perlu menggembung kekuatan dan daya tahan rakyat untuk menangani kegawatan.

Tetapi percayalah kemelut ekonomi hanyalah satu daripada segugusan cabaran yang kita hadapi. Kita berhadapan dengan masalah politik, masalah sosial, masalah budaya, masalah akhlak. Setiap masalah ini kalau dibiarkan

akan menjadi busuk. Kesemuanya menuntut pemerhatian dan perlu diselesaikan dengan bijaksana dan mengikut keutamaan.

Kita juga berhadapan dengan sekumpulan masalah yang terbit dari lahirnya zaman baru. Kegawatan ekonomi bukanlah punca kepada penderitaan sekarang, tetapi akibat kegagalan kita membuat penyesuaian terhadap dunia baru. Kita sudah memasuki zaman baru. Zaman globalisasi. Era ledakan maklumat. Kita tidak mungkin menangani cabaran ini tanpa membuat perubahan.

Masa untuk melancarkan reformasi sudah tiba. Kita perlu ada agenda yang jelas. Kita juga yang akan menentukan cara, kaedah, rentak dan kelajuan reformasi. Reformasi adalah cetusan tuntutan al-Quran seperti yang terungkap dalam surah Hud : ... ‘Tidaklah apa yang aku mahu melainkan untuk menjayakan islah sedaya upayaku.’

Justeru itu jangan ada golongan yang cuba untuk melemparkan tuduhan bahawa ia merupakan satu konspirasi dari luar. Kita menentang sebarang konspirasi. Kita adalah patriot Malaysia. Kita menentang konspirasi dari luar. Kita juga akan memerangi konspirasi dari dalam. Kita memerangi kezaliman dari luar. Persoalannya bukanlah Timur atau Barat, Utara atau Selatan. Persoalannya ialah keadilan. Kita perlu menentang kezaliman, apakah ia datang dari Timur mahupun ia datang dari Barat.

Rakyat menuntut reformasi. Suara reformasi adalah suara rakyat. Jeritan nurani umat. Tetapi ada segelintir yang cemas dengan gelombang reformasi. Mereka ialah golongan rasuah yang takut jenayah mereka didedahkan. Golongan yang menyalahgunakan kuasa dan kedudukan gementar,

Golongan saudagar mewah yang rakus melonggok kekayaan melalui amalan nepotisme dan kronisme seperti cacing kepanasan.

Janganlah tertipu dan terpedaya dengan golongan yang takut dengan gelombang reformasi. Mereka ini ketandusan idea, asyik mendendangkan lagu lama. Mereka takut dengan zaman baru. Justeru itu, mereka mencipta momok untuk menakut-nakutkan rakyat. Hanya kanak-kanak boleh ditakutkan dengan momok. Kita sudah 41 tahun merdeka. Sebagai bangsa merdeka kita sudah dewasa.

Rakyat perlu bersatu untuk menghadapi zaman baru. Tetapi perpaduan rakyat mengalir dari perpaduan pemimpin. Rakyat berdiri di belakang pemimpin. Mereka tidak akan berpecah kalau pemimpin tidak bercakaran sesama sendiri. Perpaduan yang perkasa tidak akan diperolehi jika pemimpin sentiasa berkhutbah tentang perpaduan tetapi membiarkan anasir yang melaga-lagakan pemimpin bertindak sesuka hati di depan matanya.

Sejak saya dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO saya sentiasa mengulangi kesetiaan saya kepada Presiden parti. Saya yakin dengan kebijaksanaan ahli-ahli UMNO. Bila mereka diminta untuk membuat keputusan, terutamanya di saat-saat penting, mereka akan membuat keputusan yang bijaksana. Mereka mahukan kestabilan dan perpaduan dalam parti. Mereka mahukan parti sentiasa diperkuuhkan dan diberi kekuatan baru dengan menyusun peralihan pemimpin dari yang lama kepada yang baru.

Bagi saya kestabilan dan perpaduan parti tidak boleh diganggu gugat. Maka sejak saya dipilih sebagai Timbalan Presiden saya sentiasa mengulangi kesetiaan saya kepada

Presiden. Ini saya lakukan di dalam Majlis Tertinggi dan di dalam perhimpunan. Ada rakan-rakan yang menegur dan berpendapat pengulangan tersebut jika dibuat terlalu kerap ia akan kehilangan makna. Tetapi pendirian saya ialah saya akan lakukan apa saja untuk perpaduan parti.

Tetapi perpaduan itu untuk apa? Ia sudah tentu untuk memberikan kekuatan untuk menjayakan agenda mengangkat darjat dan martabat umat. Kita berdepan dengan dunia baru, suasana baru. Kita bakal memasuki alaf baru. Cabaran baru datang dan kita tidak akan dapat menanganinya dengan cara lama. Kita perlu berubah. Kita perlu mengadakan reformasi. Islah itu satu tuntutan. Sebab itu semasa memberi ucapan penggulungan di tahun saya dipilih sebagai Timbalan Presiden saya tegaskan bahawa saya bersama rakan-rakan yang lain teguh menyokong Presiden, maka lakukanlah perubahan untuk meningkatkan martabat umat.

Tetapi golongan jumud dan mereka yang terancam oleh reformasi tidak pernah berhenti berusaha untuk menghalang usaha reformasi. Justeru kerana mereka ketiadaan idea untuk memberikan jawapan kepada tuntutan reformasi, mereka mencipta helah dan 'diversion' untuk mengalihkan perhatian rakyat dan berusaha menimbulkan kekeliruan terhadap persoalan sebenar yang memerlukan pemerhatian dan pertimbangan. Pada mereka tuntutan reformasi boleh dicemarkan dengan mencemarkan kewibawaan peribadi pendokongnya. Apabila gelombang reformasi tidak boleh mereka tahan lagi, maka bermulalah taktik kotor untuk mencemarkan kewibawaan peribadi pendokong reformasi.

Serangan fitnah terhadap peribadi saya adalah satu

konspirasi politik. Mereka sedar bahawa saya tidak boleh ditewaskan secara terhormat di gelanggang politik yang demokratis. Maka mereka menggunakan taktik hina agar kelayakan saya untuk memasuki gelanggang dilucutkan. Saya menyedari wujudnya konspirasi ini lebih setahun yang lalu. Bermula dengan berita palsu dari kilang khabar angin, kemudian dengan surat layang, kemudian dengan buku dengan tuduhan-tuduhan yang jijik. Buku dan surat layang yang disebarluaskan secara besar-besaran sehingga sampai ke cawangan-cawangan UMNO. Masjid-masjid juga turut dicemari dan tidak terlepas dari menjadi sasaran surat layang fitnah tersebut. Saya tidak punya pilihan kecuali ke mahkamah untuk mendapatkan injuksi untuk melarang pengedarannya. Berbeza dengan surat layang, buku tersebut ada pengarang dan penerbit yang seolah-olah berani bertanggungjawab tehadap semua tuduhan yang dibuat. Seandainya tindakan sebegitu tidak diambil pasti ia akan memberi tanggapan bahawa isi kandungannya adalah benar. Isu fitnah ini juga telah dibangkitkan di Dewan Rakyat.

Gerakan fitnah untuk mencemarkan kewibawaan peribadi saya ini didalangi oleh tokoh-tokoh kaya yang lemas dengan gelombang reformasi, melibatkan tokoh yang merasai terpinggir dan terpecat, bahkan melibatkan jawatan tinggi politik dan jentera pemerintahan.

Saya memasuki gelanggang politik hanya bermodalkan idealisme dan kewibawab peribadi. Akhlak dan peribadi adalah soal utama kerana tanpanya idealisme akan menjadi satu kepura-puraan. Justeru itu apabila peribadi saya diserang saya tidak melihatnya sebagai sekadar satu permainan politik. Maka saya membuat aduan polis tentang fitnah tersebut. Apabila penyiasatan bermula ternyata ia

mengheret beberapa tokoh politik. Perdana Menteri meminta saya tidak memanjangkan perkara tersebut. Demi untuk menjaga kestabilan parti saya akur dengan nasihat Perdana Menteri. Saya juga berterima kasih kepada beliau kerana membela saya pada tahap tersebut. Saya ingatkan dengan penjelasan Perdana Menteri perkara itu tamat. Saya terperanjat apabila fitnah tersebut muncul semula dengan lebih dahsyat dan berani. Surat layang dibukukan dan fitnah baru ditambah untuk disebarluaskan secara meluas di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Saya bukan sahaja dituduh melakukan kegiatan tidak berakhhlak, tetapi terlibat juga dalam pembunuhan dan menjadi agen asing. Saya tidak punya pilihan kecuali untuk membawa perkara ini ke mahkamah untuk mendapat pengadilan.

Dengan mengambil keputusan untuk tidak memanjangkan perkara tersebut, saya ingatkan perkara tersebut telah selesai. Saya terperanjat apabila mendapat maklumat beberapa hari sebelum Perhimpunan UMNO yang lalu bahawa seorang bernama Khalid Jafri telah menulis buku yang memuat segala kandungan fitnah dalam surat layang dan puluhan ribu buku tersebut akan ditabur di Perhimpunan.

Saya telah memaklumkan bahawa sejak daripada mula buku ini timbul kepada pihak Peguam Negara tentang perkembangannya. Peguam Negara nyata kurang puas hati terhadap tindakan saya mengambil injuksi dan tindakan sivil. Saya jelaskan bahawa berbeza dengan surat layang, buku tersebut ada pengarang dan penerbitnya. Bagaimanapun saya berpuas hati dengan jaminan Peguam Negara bahawa pihaknya akan memastikan supaya siasatan rapi akan dilakukan untuk mendakwa penulis di bawah

jenayah fitnah.

Saya juga memberi jaminan akan bekerjasama dengan pihak polis. Ketua Polis Negara pula menugaskan seorang pegawai kanan untuk mengetuai pasukan siasatan dan beliau mengulangi kenyataan bahawa kandungan buku adalah 'hambar' dan 'rubbish'.

Saya akui bahawa setengah pihak tidak cenderung dengan tindakan-tindakan yang saya ambil dengan membuat laporan polis dan tindakan mahkamah. Mereka menganggap buku tersebut sewajarnya ditolak sebagai tidak munasabah, tapi saya merasakan perlu mengambil tindakan kerana buku tersebut bukan sahaja mengulangi fitnah yang terkandung dalam surat layang tetapi juga mengaitkan saya dengan pembunuhan, agen negara asing dan konspirasi untuk menjatuhkan Perdana Menteri. Bahkan penulis dan pengedar buku tersebut membuat kenyataan terbuka dengan mengatakan sekiranya segala tuduhan mereka tidak benar mengapa saya tidak mengambil tindakan terhadap mereka. Mereka dengan lantang mengatakan bahawa saya tidak berani mengheret mereka ke mahkamah kerana kononnya takut segala rahsia saya didedahkan.

Peguam-peguam saya menegaskan bahawa siasatan terhadap laporan polis seharusnya mengikut prosedur biasa dan ia sepatutnya satu perkara yang tidak sukar kerana orang atau mereka yang disyaki adalah diketahui dan semua tuduhan mereka tercatat dalam sebuah buku.

Mereka sepatutnya yang terlebih dahulu patut disiasat. Mengikut undang-undang keterangan yang sedia pakai, adalah tanggungjawab mereka untuk membuktikan segala tuduhan mereka, membawa bukti-bukti sah yang boleh diterima oleh mahkamah, bukan sekadar khabar angin, kata

umpatan, laporan pihak ketiga, atau cerita rekaan yang diedarkan dari kilang khabar angin.

Tetapi setelah siasatan polis selama satu minggu, jelas kepada saya bahawa siasatan pihak polis bukan tertumpu kepada mencari bukti untuk pendakwaan mereka yang melakukan fitnah, tetapi tertumpu kepada menyelongkar peribadi saya. Saya seolah-olah orang yang disyakki. Peguam-peguam saya menasihati saya supaya mendapat penjelasan dari pihak KPN dan Peguam Negara. Saya bagaimanapun menegaskan kepada peguam-peguam saya bahawa saya mempunyai keyakinan penuh terhadap kewibawaan dan kesaksamaan KPN dan Peguam Negara.

Mungkin tidak wajar bagi saya mengharapkan simpati dari sesiapa. Tetapi saya berhak mendapat layanan yang adil dan saya yakin saya akan mendapat layanan adil sekiranya jentera kerajaan patuh pada etika profesyen masing-masing. Dari tindakan-tindakan mereka seolah-olah ada 'malice' terhadap saya. Siasatan dilakukan bukan lagi terhadap apa yang terkandung dalam buku, tetapi cerita-cerita yang mereka kutip dari kilang khabar angin yang diterajui oleh ahli-ahli politik dan orang-orang kaya yang ingin meracuni hubungan baik dan berusaha menumbangkan saya. Cerita-cerita dalam buku tiba-tiba tenggelam, cerita-cerita baru timbul. Pihak polis seolah-olah telah hilang pertimbangan. Saksi-saksi ditekan supaya membuat kenyataan yang akan mengaibkan saya di mata ramai.

Penjelasan lebih terperinci tentang beberapa fitnah telah saya buat dalam surat-surat saya kepada Perdana Menteri bertarikh 25 dan 28 Ogos. Saya sedar bahawa saat ini pun, pelbagai fitnah palsu yang baru mungkin sedang direka untuk dijaja ke merata negara.

Saya memperjuang masyarakat madani, pemerintahan undang-undang dan ketelusan peraturan. Justeru itu, saya mengikut segala prosedur dan tatacara. Saya tidak meminta sebarang keistimewaan bagi pihak saya. Tetapi saya menuntut keadilan, yakin kepada kemenangan jika jentera penguatkuasaan undang-undang dan institusi kehakiman tunduk dan patuh kepada etika dan profesionalisme institusi masing-masing dan tidak ditunggangi oleh mana-mana pihak, baik perniagaan mahupun politik.

Saya tidak pernah gentar degan tuduhan dan saya akan menghadapinya. Pernah saya dituduh rasuah. Maka saya mengundang Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat saya. Kalau saya tidak rasuah kenapa saya perlu takut dengan BPR? Terdengar desas desus bahawa saya menggunakan kedudukan sebagai Menteri Kewangan untuk memberi saham kepada keluarga saya. Maka saya mengeluarkan arahan kepada bahagian pengagihan saham bahawa jika ada anggota keluarga saya yang memohon peruntukan saham, permohonan tersebut hendaklah secara otomatik ditolak.

Saya akan berjuang. Lebih 30 puluh tahun saya berjuang, sebagai seorang pelajar sekolah, sebagai mahasiswa universti, sebagai belia dan ahli parti. Pelbagai cabaran saya hadapi, tidak ada yang mudah. Saya pernah memimpin pelajar memperjuangkan kemiskinan rakyat, mendaulatkan bahasa Melayu, menyemarakkan kesedaran Islam dan akhlak di kalangan belia. Saya pernah ditahan selama dua tahun tanpa bicara kerana membela nasib petani kebuluran di Baling. Saya tidak mahukan air mata. Saya mahu obor perjuangan terus menyala. Saya mahu adik-adik saya menjulang obor perjuangan dengan lebih tinggi. Saya

tidak mahu adik-adik saya hidup dalam ketakutan.

Suratan takdir di tangan Tuhan, tetapi usaha di tangan manusia. Tanggungjawab kita adalah untuk berjuang. Keadilan tidak akan datang kepada kita sebagai satu kurnia. Keadilan perlu diperjuangkan. Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu mengubah apa yang ada dalam dirinya. Kalau sanubari kita penuh dengan ketakutan, kita akan hidup dalam ketakutan. Kalau kita nyalakan api perjuangan dalam dada kita, kita akan miliki kekuatan untuk menegakkan keadilan, menghapus kezaliman. Kita perlu kekuatan untuk membanteras rasuah. Kita perlu kekuatan untuk menentang nepotisme. Kita perlu semangat juang dan nepotisme, rasuah, kezaliman dan penganiayaan.

Kita baru saja merayakan ulangtahun ke-41. Tetapi merdeka bukan sahaja perlu dirayakan, tetapi lebih penting ialah dihayati. Kita perlu merdeka dari segi politik, ekonomi dan budaya. Kita perlu merdeka dari penindasan dan kezaliman dari luar. Tetapi apakah makna kemerdekaan apabila penindasan dan kezaliman dari luar digantikan dengan penindasan dan kezaliman oleh anak bangsanya kepada bangsanya sendiri.

Merdeka bukan sahaja dari segi politik tetapi juga dari segi jiwa dan pemikiran minda. Kita semua adalah hamba kepada Allah SWT, justeru itu kita semestinya merdeka dari semua bentuk dominasi hamba ke atas hamba yang lain.

Kita perlu memerdekaan diri iaitu akhlak terkeji, dari nafsu rakus untuk membolotkekayaan untuk diri peribadi, keluarga dan suku sakat. Kita perlu merdeka dari sifat suka mengumpat, mengeji dan menabur fitnah.

Saya menyeru semua rakyat Malaysia dari UMNO dan parti-parti lain, generasi remaja, muda dan dewasa, pertubuhan-pertubuhan untuk menghayati dan menampilkan semangat ini. Hanya dengan semangat ini kita boleh menyerlah di abad ke-21 dan alaf baru.

Lampiran 3

TRANSKRIP PENUH WAWANCARA PERTAMA ANTARA DATO' SERI ANWAR IBRAHIM DENGAN PARA WARTAWAN SEHARI SELEPAS BELIAU DILUCUTKAN JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN PADA 3 SEP 1998



(Nota: Anda tidak akan memperolehi teks penuh ini dalam mana-mana media cetak).

SAYA akan buat kenyataan dulu. Saya memang sudah menduga ini akan berlaku. Semalam (Rabu 2 September) saya telah diberi kata dua oleh Perdana Menteri samada untuk memilih meletakkan jawatan atau dilucutkan atau disingkirkan dari jawatan. Saya tidak bersedia meletakkan jawatan kerana saya telah maklumkan berulang kali kepada beliau bahawa memang ada pakatan konspirasi politik yang digunakan diperingkat tertinggi untuk menjatuhkan saya,

dan tidak ada alasan yang munasabah, tidak ada kesediaan dan keberanian untuk menghadapi proses demokratik dalam pemilihan parti, maka dipilih cara yang paling kotor dan jijik menggunakan jentera Kerajaan dan instrumen Kerajaan untuk memfitnah, mengesahkan fitnah, mereka membuat tuduhan, memaksa saksi untuk membuat kenyataan palsu dan kemudian dengan sengaja mengaibkan saya dan keluarga saya. Saya ingin ucapkan terima kasih kerana isteri saya Azizah dan anak-anak yang sentiasa bersama saya dan tidak mudah diperdaya dengan tuduhan-tuduhan jahat dan palsu. Saya sudah bayangkan bahawa ini semua akan berlaku, sebab itulah rumah ini memang sengaja dikosongkan lebih 3 bulan yang lalu kerana saya menjangka saya akan pulang ke rumah ini. Sebab itu saya terima dengan baik dan saya tidak terlalu terkejut dengan keputusan ini. Saya juga melihat peranan media tempatan yang dimainkan oleh beberapa orang tertentu untuk sengaja memburukkan, mengaibkan saya, dari skandal seks kepada isu pembunuhan, menjadi agen negara asing, rasuah dan pengkhianat kepada negara. Saya yakin, Insya'allah, betapa pun muslihat dan perencanaan yang dibuat, kebenaran akan timbul akhirnya. Saya sebut kepada Perdana Menteri, dia boleh senaraikan dan bariskan 100 pelacur yang mengaku mengadakan hubungan seks, ini tidak akan merobah kenyataan bahawa ia adalah fitnah yang direka dan ada orang yang dibeli, diugut dan dipaksa melakukan kenyataan.

Walaupun begitu, sebelum saya meninggalkan pejabat semalam, saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad atas kerjasama yang beliau berikan selama ini tapi saya kata saya tidak boleh bersekongkol dengan kegiatan jahat seperti ini. Saya tidak

boleh mengalah dengan percubaan kotor begini dan saya berikan dokumen yang cukup, pengakuan bersumpah dan beberapa maklumat lain yang saya kepilkan yang membantu membuktikan bahawa memang ada konspirasi politik besar terhadap saya. Saya tahu percubaan mengaibkan sejumlah kes-kes yang berlaku di mahkamah hari ini bukan untuk mencari masalah keselamatan yang dituduh tetapi lebih banyak percubaan untuk mengaibkan saya.

Rakyat Malaysia tidak sebodoh itu. Saya yakin.

Saya juga telah menasihatkan orang-orang saya, sahabat-sahabat saya, yang berani depan atau kurang berani depan untuk bersabar, menghormati undang-undang. Kalau saya mahu diheret ke mahkamah, hari ini atau malam ini atau esok saya bersedia. Kalaupun saya ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) saya ada cukup pengalaman, jadi saya bersedia. Cuma saya nak lahirkan rasa dukacita kerana mustahil negara demokratik yang ada prinsip, yang pertahankan prinsip keadilan, yang menghormati undang-undang, yang ada jentera penguatkuasaan, yang ada badan kehakiman, boleh diperalatkan dengan begitu nakal sekali sehingga boleh diperalat dan digunakan untuk menjalankan kegiatan dan mengesahkan konspirasi politik ini. Badan-badan ini harus menjadi badan bebas. Saya pernah umpamanya dituduh di antara lain menggunakan Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk bertindak ke atas Unit Perancang Ekonomi, untuk menyiasat Ketua Polis Negara dan menyiasat Peguam Negara. Saya tidak pernah mengarahkan Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat mereka. Tapi nyata ini dihebahkan supaya menimbulkan kerenggangan dan masalah dengan institusi-institusi Kerajaan tersebut. Jadi setakat ini, saya

masih Timbalan Presiden Parti dan saya berharap saya tidak dihalang dari menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi pada malam ini. Saya juga berharap ada penyelesaian yang baik dalam parti dan di samping itu meminta supaya penyokong-penyokong dan rakyat bertenang sementara secara tegas menyuarakan pandangan mereka menentang penipuan dan penyelewengan.

(Dato' Seri Anwar kemudiannya menyampaikan kenyataannya dalam Bahasa Inggeris untuk wakil media asing)

Now.... I've been given an ultimatum yesterday by the Prime Minister either to resign or face the consequences...being sacked and possibly have charges levied against me. I've to... but of course I'll consult Azizah.... But made it clear in no uncertain terms that I'm not prepared to submit to this conspiracy, a political conspiracy to undermine my position and defeat me through nasty schemes. I've told him and challenged to use democratic means to unseat me and not to submit to pressures from some quarters close to him or otherwise, rich and influential or otherwise, to continue this scheme. The scurrilous allegations and campaign began last year. I regret the fact that the issue of sexual misconduct has been highlighted even in the foreign media, but mind you, this were scurrilous allegations...no basis... I have enough documentary evidence, I have tapes, I have documents, I have statutory declarations under oath that would certainly defend and establish my innocence. But all these were ignored, all were completely ignored except the portion that's been taken to incriminate, implicate me and embarrass me and certainly the intention is to undermine the confidence of Malaysian public in me. I'm the most corrupt,

I'm involved in the complicity of murder, I'm an agent of a foreign power... I think the only reason Probably because I was given the red carpet treatment by the Secretary of Defence, United States. This is petty, this is preposterous and I think stems from petty jealousy. I mean if the red carpet is wanted, you can always have the red carpet above your house and underneath your house. But to assume that you are paid by a foreign party, that you are working to leak government secrets, threatening me.... to charge me under the Internal Security Act, I've told the Prime Minister and many of my colleagues that I have had some experience of close to two years in the detention camp. So don't use that sort of threat. And to line up prostitutes or whomever to admit to having sex. I told them that I also could pay some money to get some prostitutes to admit having sex with some others. If that is the game you want to play. But it is really unfortunate for this country because you will have to establish confidence in the judicial process, in the enforcement by the police and not to call up witnesses, harrass them, force them to sign documents and ignore statutory declarations under oath. So, this is the position.

I am committed to reform this country, I'm committed to the struggle against corruption, abuse of power and cronyism and I will not concede nor compromise. The initial uneasiness stems from the reform and change in Indonesia. Somehow or other a lot of people here became rather nervous. I don't understand why because we have taken pride in suggesting that ours is a different system...more democratic, more transparent and more accountable. But to use the instruments of government to harrass, manipulate through the media and through enforcement by the police is to my mind outrageous, unacceptable, and I will have no

SUMPAH DAN AIRMATA REFORMIS BANGSA

choice but to protect, defend my credibility and innocence and to call for a reform of the system.

And I have also urged my friends and supporters to remain calm, respect the law even if they choose to arrest me and charge me over whatever crimes that I am alleged to have committed, or even to detain me under the Internal Security Act. We'll continue with our effort towards reform, we'll continue to call for UMNO in particular to respect the need for change and reform and I appeal to my friends in the party, in the opposition and the rakyat in general not to be duped by the scurrilous campaign and attack without any basis except to undermine my credibility and embarrassment.

I'm grateful, I'm proud to have Azizah by me. And the children. I'm certainly sorry for them to have to face this and I hope the Malaysian media which has been quite kind in the past will give at least an opportunity for me to explain and defend my case. I know you've been directed, I don't blame you journalists or photographers. I fully appreciate, OK? I don't want too many more dismissals but at least the least you can do is to explain to your children and your family that I'm not the type that they like to portray. I don't have.... I have not amassed wealth as Finance Minister by the billions or hundreds of millions and they can always conduct a fair, just investigation, not attempt to fabricate and frame because this is contrary to the very notion of justice.

In conclusion, I must say again this is part of a larger political conspiracy. There is no basis in the allegations. You can always print them, you can always put additional evidence to them. How is it that only when the question, or allegation, that I am now preparing myself to challenge the President of the Party arise that suddenly I become a threat

to the country, a foreign agent, the most corrupt person. If I continue to show my total loyalty, none of this questions would arise. And in this government, the issue of moral conduct - the fabrications - they have even shocked me personally. The extent that the instruments of government can be used to frame and fabricate.... Shocking to me, the Deputy Prime Minister, I'm still the Deputy President of the party. I hope I won't be barred from attending the meeting today or tonight. So if they decide to charge or arrest they could do it a bit later and I'll of course choose that forum to give my explanation and defence. Thank you and terima kasih.

Question and answer session

Q: It is curious that the timing of your dismissal linked to the Prime Minister... (inaudible). And what do you think the economic course Dr Mahathir has now set Malaysia (inaudible due to loud applause by the supporters).

A: I can't preclude that possibility. That this has been planned for some time, they were not prepared to move earlier because the economic system, it was not insulated, they have to wait until after the first (day of September). I thought they would have waited at least for a week but I think they have waited long enough and tolerated me long enough. And therefore even the timing confirms my belief that it is a well formed, well planned and well orchestrated move which is political. This is beyond normal action...through the Enforcement Division or the Attorney General's office. Yes.

Q: (Inaudible)

A: I don't know... by him personally or not.... But I think he will have to explain...there's no question. I am totally convinced. I've written to him about it, two letters last week or so, suggesting, giving evidence there's a clear case of abuse of power, using the instruments of government, including the Attorney General's office and the police, to fabricate and barrass and frame and fabricate charges.

Q: If you saw this day coming, why did you not take an initiative earlier ?

A: Well, I still had some hope that rationality would prevail. That the interest of the party and country should come first. Not the interest of a colleague or a few. And that was why I refrained. And you should have seen developments in the local media, both in the print and electronic media. There's a continuous attempt to insinuate, to embarrass me.... Accusations about sexual misconduct and working as a foreign agent have been continuing for weeks, but I have refrained from making any comment.

Q: What is your comment on the affidavit ?

A: You are making reference to Dato' Nalla, who happens to be one of my occasional tennis partner. But certainly, I have seen his affidavit .. last week ... which makes specific or clear reference of the fact that he has been barrassed and forced to sign three files admitting to things that he has not done or seen. And threatened.. if he fails to do so the answer will be the death penalty and the possibility of his wife being arrested. The case is before the court but it certainly takes a man of principles and guts to establish the truth and defend hi right.

Q: You advise your supporters to remain calm. What sort of support do you have from those who are close to you and to what extent do you think... (inaudible).

A: I'm not in the position to assess right now. That's why I'm appealing for calm and understanding, but I know for a fact that thousands have been denied entry to my residence. Well, I don't know... the police may think that it is an official residence too close to the Prime Minister's residence. Therefore I've decided to move to my residence as fast as possible. And I hope the police wouldn't deny ... there's no law against people coming to visit me unless they want to introduce a new law...which is possible.... which could be called an Anwar Residence Act.

Q: When you say that there is a political conspiracy against you, would you specifically say that it is by Mahathir ?

A: It is certainly a political conspiracy against me, to preclude any possibility ... or suspicion...that I may decide to challenge the President. I cannot establish whether for now Dato' Seri Dr Mahathir is personally directing it or involved. But I have pledged loyalty to him. I thank him and I told him that other than my real father I do regard him in all sincerity as a father, although not all fathers treat their children very fairly.

Q: Adakah di kalangan ahli Majlis Tertinggi sendiri yang terbabit dalam konspirasi politik untuk menjatuhkan Dato' Seri ?

A: Ada di Majlis Tertinggi, ada yang kaya, ada yang korporat, ada yang di luar yang saya ada bukti, saya ada dokumen, saya ada tape. I am not prepared to name them

now.

Q: Adakah mereka akan diheret ke mahkamah, Dato' Seri?

A: Ya. My next course of action is to attend the Majlis Tertinggi meeting.

Q: Do you expect to be charged ?

A: Yes, I know. The question is whether I expect to be charged. Yes. In fact I was told that there is a possibility I will be charged under the Official Secrets Act or some other act. There are a lot of acts .. they can always use some, even the Internal Security Act.

Q: Dato' Seri, one of the most serious charges is about the child mentioned. Would you submit yourself to a DNA test which will once and for all prove your innocence ?

A: Well my legal advisors strongly advised against a DNA test.. that there is no credibility in the allegation... in the sense that it is not a paternity suit, it is not a custodial battle. Somebody saw the girl in a car going somewhere. I wasn't seen. They didn't know where she went, and suddenly we have a child. Now let me put it this way. Although the legal advice is very clear, I then took a decision, having discussed it with Azizah, and both Azmin and his wife, and we then decided on our own that we will conduct the DNA test because apparently the AG was keen, the IGP was keen and the Prime Minister was supportive. So I thought... okay, why not ? Since they are all supporting me on this case, wanting to establish the truth, I told them,"Yes, I'm prepared" and, alhamdulillah, hopefully it is not tampered by now. I don't want to preclude the possibility of tampering. That is why we have done both with the police, and we have

done one overseas...both have established that Azmin and his wife are the biological parents. Can you imagine and appreciate : there's no legal basis whatsoever, but I got to go...was forced... through this exercise, What do I ask for ? Sympathy ? Understanding ? What do I ask for? I ask for justice, and I demand justice. If the number 2 man in this country cannot be satisfied that justice will prevail, I am sorry for Malaysia.

(The crowd shouts "Allahu Akbar" several times)

Q: Apakah situasi politik di Malaysia sekarang ini sedang mengarah kepada sama dengan Indonesia di zaman Suharto?

A: Kita harap sebelumnya jangan. Tapi mesej itu tidak diperolehi dengan baik, saya percaya rakyat akan memberikan mesej yang jelas. Kita perlu peka. Reformasi harus berlaku.

Q: Memandangkan fitnah ini datangnya daripada UMNO, adakah Dato' Seri merasa wajar untuk keluar daripada UMNO?

A: Fitnah ini tidak datang dari UMNO. UMNO tidak terlibat dengan kegiatan fitnah ini. Beberapa orang yang terlibat, kebetulan ahli UMNO, tidak boleh kita putuskan dan hukum UMNO sebagai parti yang terlibat.

Q: Adakah Dato' Seri diminta meletakkan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO?

A: Perdana Menteri ada beri bayangan kepada saya, tapi perlantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah budi bicara Perdana Menteri. Kedudukan sebagai Timbalan Presiden... itu budibicara

para perwakilan. Jadi saya harap jangan ambil alih tugas.

Q: Do you wish one day you'll be a Prime Minister.

A: I got to think about it.

Q: Adakah nama-nama dalam Majlis Tertinggi yang terbabit dalam konspirasi diberi kepada Polis ?

A: Dalam surat saya kepada Perdana Menteri, nama-nama ini disebut. Dan ini disahkan oleh laporan polis tahun lalu. Laporan Polis tahun lalu mengesahkan nama-nama orang terlibat tetapi tidak ada tindakan, bahkan nasihat pun tidak diberikan kepada mereka.

(The crowd shouts "Allahu Akbar").

Q: Adakah Dato' Seri bersedia mendedahkan nama-nama mereka yang terbabit ?

A: Saya belum bersedia berbuat sekarang.

Q: You have seen indirectly blamed for the contraction of the economy.

A: I've been indirectly blamed for the contraction of the economy.

Q: No one has blamed you, but they said the Bank Negara...

A: I thought Soros is being blamed, you know. So that's why I said there's a political ploy now: "Blame everybody else except me. Blame everyone else, foreign and local, except me."

Q: Do you accept being blamed for the mess of the economy ?

A: I was part of the government then, I share part of the

responsibility.

Q: Can I doublecheck with you Dato' Seri ? You have undergone 2 DNA tests and both proved that the biological parents are the same.

A: Yeah. It cannot be two with different results, except if this result done by the police is being tampered with. Then I don't know.

Q: Why do you scare Dr Mahathir so much ? Do you think you can challenge and win ?

A: I don't think..... Frankly if Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad takes a very rational view he should appreciate the fact that I am committed and continue to support him, not necessarily all his policies and decisions. I'm more liberal, more democratic and I believe in a civil society. I believe in a freer media but now things have changed somewhat. So I don't understand why he should feel so threatened.

Q: Well you said " If he took a rational view." Are you implying that he is not being very rational these days ?

A: That is for the media to interpret.

Q: Are you prepared to challenge him ?

A: The question is a bit premature.

Q: What the happenings now, do you feel your political career is over ?

A: We should know (soon). We leave it to God. People can plan, but God decides. In this context we should use our intelligence and be patient. I have advised my friends to follow the law and uphold party principles and save the

country.

Q: Do you expect people to line up behind you at UMNO, given the fact that Mahathir has not tolerated criticism or dissent ?

A: I appreciate the viewpoint. Unless the environment is free, it is going to be rather difficult. But we will have to trust.

Q: Is there a possibility you will move to an opposition party ?

A: I am committed to UMNO

Q: Dato' Seri akan mengadakan proses undang-undang ?

A: Am I using the legal process to defend myself ? Yes, of course.

Q: Have you started with it.

A: Ya, sudah.

Q: Ada tak dokumentasi atau kaset, surat mengatakan ada ahli Majlis Tertinggi terbabit dalam konspirasi politik ?

A: Ya. Kepada Perdana Menteri.

Q: Polis ?

A: Belum, sebab polis tak tanya saya apa pun. Sampai hari ini belum tanya lagi. Saya tidaklah minta dia tanya banyak-banyak. Tapi dia buat keputusan semua, hukum, charge, tuduhan berdasarkan maklumat-maklumat sampingan diperolehi. Saya... tak sepatah pun tak payah tanya.

Q: Berapa saat ?

A: The question is, have I talked to the police and

established this based on the facts, statutory declarations and documents that I possess. My reply is that the police did not ask me, they did not even interview me. They merely accepted the flying letters and some allegations by some quarters and they then form a conclusion and recommended for action through the AG. And the AG's Office also conveniently framed these charges, maximum possible. I mean, you name it... treason, OSA. Sexual misconduct of all types.

Q: Have you seen these charges ?

A: You see, I've not seen them, but then I was Deputy Prime Minister so I have some confidants around.

Q: Apakah ada pemimpin parti lain yang menjemput Dato' Seri menyertai parti mereka ?

A: Tidak. Pemimpin-pemimpin UMNO telefon saya, pemimpin komponen Barisan Nasional hubungi saya, pemimpin DAP, PAS menelefon menyatakan simpati, dan saya hormat sebagai kawan, sebagai sahabat, sebagai ahli parti.

Q: Do you think that, categorically, there is no truth in any of these allegations of sexual impropriety.

A: No. It is part of conspiracy. They were fabricated. I have documentary evidence to substantiate that. I have tapes to substantiate that. I have statutory declarations under oath to substantiate that. I have witnesses coming to tell me that they were harrassed, threatened. If they do not commit themselves (to being witnesses for the prosecution), they will be charged for other offences. You mean to say that this is the democratic process ? and this is a fair legal process ? This is unjust administration

of laws.

Q: Dato' Seri, what do you have to say about the legacy of Dr Mahathir ?

A: I must say he has done great things too, and I don't think I would deny that. I would still put on record my appreciation to all his services in the past. I don't think.... It really, really hurts me to see that one could use the instrument of the government to this extent. I am totally shocked, really. I am telling you this. I'm not naive politically, but I am shocked that they can go to this extent. Even when I was with the Youth (UMNO Youth movement), with ABIM in the past, I was harrassed but never have I seen this extent of abuse of power and harrassment. In the entire process, you know, they questioned virtually everybody. All my known friends, even members of the judiciary. If he is a man, he is transferred out. If a lady, she is asked whether she is with the Prime Minister or Deputy Prime Minister, or whether she has some private dealings with me.

Q: Adakah kes ini hendak disamakan dengan kes Bill Clinton ?

A: Yes, they try. I want to establish this. I've been around a long time and I am going to defend myself. So don't finish all the questions today. (laugh)

Q: Would you have challenged Mahathir in next year's (party) election ?

A: Premature question.

Q: Are your movements restricted currently ?

A: My movement is not restricted but... it is really

unfortunate... yesterday I got the notice, today my office is sealed. I can't even take my personal belongings. If you want to act against me, Anwar Ibrahim, why harrass all the other staff, clerks, office assistants and officers. They can't even look at their files and their personal records. Yesterday there was a personal letter, a copy of a personal letter to the Prime Minister that the police forced to be shredded. Apa ini? You know...

Q: Adakah orang ini juga akan mengalami nasib yang sama, Dato' Seri ?

A: Nasib apa ?

Q: Nasib yang sama, dipecat atau diminta mengundur diri ?

A: Bila ?

Q: Dalam Kabinet, any of your people ?

A: I don't know

Q: Any Cabinet Minister involved (in the conspiracy to bring him down) ?

A: Ya.

Q: You keep mentioning about things being unjust, undemocratic under Mahathir's administration. How come when you were Deputy Prime Minister you never brought it up ?

A: I brought it up. You read again The Asian Renaissance, And that probably was a mistake. To many, I said too much in that book on reform, the legal system of a civil society .. and people read between the lines and the free media, you see. So don't ever suggest that I have never said (all this) in very strong terms.

SUMPAH DAN AIRMATA REFORMIS BANGSA

Q: Dalam affidavit mahkamah dinyatakan Dato' Seri menerima RM60 juta untuk pilihanraya 1995. Boleh Dato' Seri jelaskan ?

A: Duitnya di mana ? Saya tak tahu.

Q: Dalam affidavitnya.

A: Ya, dalam affidavit dia. Dia dapat dokumen mana ? Dia terus buat tuduhan. Sebenarnya dia tahu tuduhan itu tidak boleh disahkan buktinya tetapi cukup sekadar mempertikaikan kewibawaan saya sebab itu saya katakan tuduhan itu jahat.

Q: Benarkah Dato' Nalla selalu mengikuti Dato' Seri keluar negara dan menjadi orang tengah untuk menyebarkan berita dan menjual berita untuk negara asing ?

A: Itu mereka yang kata. Dia frame charges itu. Saya tidak tahu. Yang saya tahu Dato' Nalla sekali-sekali ada ikut. Bukan dia sahaja, beratus orang ikut saya. Mengapa tak tangkap semua yang lain, tanya apa dia orang buat.

Q: Boleh Dato' Seri jelaskan hubungan Dato' Seri dengan Dato' Nalla ?

A: Ya, dia sekali-sekali main tenis dengan saya. Saya main tennis dengan dia, ataupun Dato' Ghazi atau Allahyarham Dato' Wan Adli. Dalam kunjungan ke luar negara, beratus orang ikut saya. Yang ikut Dato' Seri Mahathir lagi ramai.

Q: Did you support capital controls ? Did you argue this point ?

A: I am now Member of Parliament for Permatang Pauh.

Q: Sorry...

MOHD SAYUTI OMAR

A: I am now a normal MP from Permatang Pauh, Penang.

Q: But before, I mean when you were part of this, did you have any say over capital controls ?

A: We have expressed very strong views on many of these issues but when we finally decided, we have to decide as a team. And I am a team player.

Q: If you are detained under ISA, who's gonna clear your name ?

A: I believe that the rakyat will.

(The crowd shouts "Yes")

Lampiran 4

SEDUTAN AFIDAVIT POLIS TERHADAP DATUK NALLA

BERIKUT ialah sedutan utama afidavit Ketua Bahagian Pendakwaan Undang-Undang, Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, Penolong Kanan Pesuruhjaya II (PKP II) Musa Hassan berhubung siasatan buku “*50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*”.

Afidavit itu adalah salah satu daripada empat afidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam sebagai jawapan kepada afidavit Datuk S. Nallakaruppan di dalam permohonannya untuk dipindah tahanannya dari lokap Bukit Aman ke Penjara Sungai Buloh.

Musa menjelaskan siasatan kes ini dan soal-siasat yang dijalankan terhadap Nallakaruppan melibatkan kepentingan keselamatan serta kesejahteraan negara.

- **(Perenggan 9):** Di dalam menjalankan siasatan kes ini selain memperoleh keterangan-keterangan saksi-saksi, keterangan-keterangan dokumentar, keterangan-keterangan menyokong (*corroborative*) dan keterangan-keterangan forensik, di antara lain, seramai tujuh orang saksi telah memberi pernyataan (bertulis) kepada polis seperti berikut :
- Seorang saksi lelaki telah menyatakan bahawa dia telah diliwat oleh Datuk Seri Anwar sebanyak 15 kali. Kegiatan homoseksual ini telah dilakukan di beberapa tempat termasuk di sebuah apartmen Tivoli Villa di Bangsar. Apartmen ini dimiliki oleh sebuah syarikat yang mana Nallakaruppan adalah salah seorang pengarahnya yang mempunyai akses ke atas apartmen tersebut.
- Seorang saksi telah memberi kenyataan bahawa dia mengesyaki kakak iparnya menjalinkan hubungan seks dengan Datuk Seri Anwar dan perbuatan tersebut dilakukan di apartmen Tivoli Villa.
- Bekas pemandu peribadi Nallakaruppan dalam kenyataannya menyatakan bahawa dia pernah membawa Datuk Seri Anwar bersama Nallakaruppan pergi ke tempat tertentu untuk perkhidmatan seks haram. Dia pernah ditugaskan oleh Nallakaruppan untuk pergi mengambil perempuan-perempuan berbangsa Cina, Mexican, Eurasian dan lain-lain bangsa untuk kegiatan seks haram. Pernah pada satu ketika, selepas balik dari apartmen Tivoli Villa, saksi ini memandu kereta yang dinaiki oleh Datuk Seri Anwar bersama Nallakaruppan dan seorang wanita yang mana Datuk Seri Anwar dilihat memakai rambut palsu.
- Seorang saksi yang terlibat dalam pembekalan

perempuan-perempuan bagi maksud pelacuran menyatakan bahawa Nallakaruppan pernah menghubunginya untuk mendapatkan khidmat seks haram. Saksi ini menyatakan dia juga beberapa kali telah membekalkan kepada Nallakaruppan perempuan-perempuan tersebut.

- Seorang saksi wanita menyatakan bahawa Nallakaruppan telah memperkenalkannya kepada Datuk Seri Anwar semasa di dalam kereta. Kemudiannya mereka bertiga telah pergi ke apartmen Tivoli Villa. Di sebuah bilik di dalam apartmen tersebut saksi ini menyatakan dia telah dicabul kehormatannya dan dia juga menyatakan bahawa Datuk Seri Anwar telah merayu-rayu kepadanya untuk mengadakan hubungan seks tetapi dia telah menolaknya. Sewaktu kejadian ini berlaku, Nallakaruppan berada di apartmen tersebut.
- Seorang lagi saksi wanita menyatakan bahawa dia pernah dibawa oleh Nallakaruppan ke sebuah banglo dan diperkenalkan kepada Datuk Seri Anwar. Saksi ini menyatakan dia diminta masuk ke sebuah bilik dan kemudiannya Datuk Seri Anwar telah masuk ke bilik tersebut lalu mencium dan menghempasnya sambil memeluknya. Namun dia tidak menyerahkan dirinya untuk hubungan seks. Untuk mengelakkan dirinya daripada keadaan tersebut dia telah membuat helah yang dia di dalam keadaan haid.
- Seorang lagi saksi wanita yang bekerja di sebuah syarikat yang mana Nallakaruppan adalah salah seorang pengarah syarikat tersebut, menyatakan bahawa dia pernah dibawa oleh Nallakaruppan ke apartmen Tivoli Villa dengan kereta yang dipandu sendiri oleh Nallakaruppan. Di apartmen tersebut dia terperanjat apabila ditemukan

dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Mereka telah mengadakan hubungan seks. Setelah selesai mengadakan hubungan seks dengan Datuk Seri Anwar saksi ini menyatakan bahawa mereka telah berbincang tentang hal ehwal politik negara. Nallakaruppan telah memberi saksi ini RM350.00.

- Pihak polis juga mempunyai keterangan bahawa Nallakaruppan ada memberi wang tunai berjumlah RM60 juta kepada Datuk Seri Anwar semasa pilihan raya umum tahun 1995.
- Terdapat juga keterangan yang menunjukkan Nallakaruppan telah mengalihkan aktiviti-aktivitinya ke sebuah apartmen di Impiana Court, Ampang, Selangor selepas siasatan pertama yang dijalankan berkaitan surat layang terhadap Skandal Seks Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Ogos 1997. Apartmen ini dimiliki oleh sebuah syarikat yang disenaraikan di Papan Pertama Bursa Saham Kuala Lumpur di mana dia merupakan seorang dari pengaruhnya. Kegiatan-kegiatan seks haram ini masih berterusan walaupun siasatan polis telah dimulakan.
- (**Perenggan 10**): Sewaktu pihak polis menjalankan siasatan, satu lagi laporan polis telah dibuat oleh seorang ahli korporat yang mendakwa bahawa Datuk Seri Anwar cuba memikat isterinya ketika beliau dan isterinya mengikuti rombongan Datuk Seri Anwar ke Washington. Dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah terbukti Nallakaruppan telah juga terlibat dalam aduan yang dibuat oleh ahli korporat tersebut.
- (**Perenggan 11**): Pihak polis juga mempunyai maklumat bahawa Nallakaruppan sering mengikuti Datuk Seri

Anwar ke Luar Negara dan menjalankan aktiviti-aktiviti sebagai orang tengah di mana membolehkan Datuk Seri Anwar dipergunakan oleh anasir-anasir jahat luar negara yang boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan negara.

- (Perenggan 12): Pada 31.7.98 jam 4.30 petang saya telah pergi ke rumah Nallakaruppan untuk membuat pemeriksaan kerana keterangan menunjukkan bahawa dia adalah terlibat dengan siasatan kes "*50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*". Saya telah menjumpai di antara barang-barang bukti seperti berikut:-
 - 125 butir peluru jenis Fiocchi 6.35 mm.
 - 150 butir peluru .38 special.
 - 96 butir peluru bore.
 - Sepucuk pistol .38 Smith & Wesson.
- Surat-surat asal peribadi Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti berikut:-
 - Surat asal daripada syarikat awam yang disenaraikan di Papan Pertama Bursa Saham, Kuala Lumpur.
 - Surat asal daripada sebuah syarikat awam memohon untuk membeli saham yang disenaraikan di Papan Pertama Bursa Saham Kuala Lumpur.
 - Surat asal peribadi yang ditulis tangan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.
 - Lima surat-surat asal daripada syarikat awam yang disenaraikan di Papan Pertama di Bursa Saham Kuala Lumpur yang dialamatkan kepada Kementerian Kewangan memohon projek-projek Kerajaan.

- Surat terkelas daripada pegawai Kementerian Kewangan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.
- Wang tunai bercampur-campur yang dijumpai dalam mata wang pound sterling, Dollar Amerika Syarikat, Dolar Singapura, dan ringgit Malaysia berjumlah lebih kurang RM2 juta.
- (**Perenggang 13**): Saya ingin menegaskan bahawa kes ini boleh menggugat keselamatan negara sekiranya tidak siasat dengan teliti dan menyeluruh serta tanpa "fear or favour" di atas sebab-sebab berikut:-
- Pemohon dipercayai mempunyai maklumat yang melibatkan seorang pemimpin tertinggi negara iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim.
- Berdasarkan bahawa pemohon sering menuruti sama Datuk Seri Anwar dalam menjalankan tugas-tugasnya di luar negara adalah dikhawatir bahawa kegiatannya boleh dieksplotasikan oleh anasir-anasir jahat di dalam dan di luar negara yang ingin menjadikan keselamatan negara.
- Kegiatan-kegiatan pemohon dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh mendedahkan pemimpin negara tersebut boleh diperas ugut bagi kepentingan anasir-anasir jahat di dalam dan di luar negara yang akan memudaratkan keselamatan negara.
- Sepanjang penyiasatan kes ini terdapat beberapa saksi telah diugut oleh orang-orang tertentu manakala seorang saksi lain telah diancam nyawanya.
- Pemohon dipercaya mempunyai akses kepada rahsia negara melalui Datuk Seri Anwar dan memungkinkan dia membocorkan rahsia negara.

Lampiran 5

KENYATAAN AKHBAR DATUK NALLAKARUPPAN



[Terjemahan: asal Bahasa Inggeris]

SAYA telah mengarahkan peguam-peguam saya untuk mengedarkan kenyataan ini bagi pihak saya.

Saya telah berpeluang membaca afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak responden-responden dalam permohonan kepada Mahkamah supaya saya dipindahkan semula ke penjara Sg. Buluh. Permohonan saya itu telah ditolak dan saya telah mengarahkan peguam-peguam saya untuk merayu terhadap penolakan itu. Oleh kerana perkara ini masih subjstice [belum diputuskan] saya dinasihatkan bahawa saya tidak boleh membuat ulasan terhadap afidavit ACP Ramasamy, afidavit yang mana saya difahamkan adalah berkaitan dengan permohonan saya.

Berkenaan dengan afidavit SAC II Musa bin Hj

Hassan yang diperbuat pada 2 September 1998 dan, khususnya merujuk ke perenggan-perenggan 9, 10, 11 & 12, saya boleh menyatakan dengan tegas seperti berikut:

Perenggan 9

Dakwaan-dakwaan yang tertera dalam perenggan ini semuanya palsu belaka. Saya tidak pernah diminta maupun membuat apa-apa kenyataan tentang perkara-perkara yang disebut. Penahanan saya di Bukit Aman, serta tidak dibenarkan berhubung dengan sesiapa menimbulkan keadaan yang boleh menimbulkan banyak khabar angin yang jahat dan palsu tentang apa yang kononnya saya telah ceritakan di Bukit Aman mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim. Saya dimaklumkan oleh peguam-peguam saya bahawa khabar-khabar angin telah, dan masih berleluasa, kononnya saya telah membuat pelbagai kenyataan. Sebenarnya saya tidak membuat sebarang kenyataan. Tiada sebarang perkara yang hendak dinyatakan.

Adapun bentuk, kandungan dan cara soalsiasat polis yang dilakukan ke atas saya telah pun saya jelaskan dalam afidavit [kenyataan bersumpah] yang saya perbuat pada 24 August 1998. Sepanjang tahanan selama 36 hari itu, saya telah diminta membuat hanya satu kenyataan sahaja [berkenaan 125 butir peluru] dan ini saya lakukan pada 12 August 1998, dalam keadaan dan suasana seperti yang saya terangkan dalam afidavit saya itu.

Saya adalah Pengarah dalam empat buah syarikat dan Kumpulan syarikat berkenaan memiliki pelbagai harta tanah di Kuala Lumpur dan sekitarnya. Fakta ini boleh dengan mudah disahkan dengan merujuk kepada rekod-rekod

syarikat. Saya tidak pernah menggunakan mana-mana pangsapuri di Tivoli Villa and Impiana Court atau pun rumah banglo seperti yang didakwa dalam perenggan ini. Saya tidak pernah membawa Datuk Seri Anwar Ibrahim ke tempat-tempat itu atau mengiringi beliau ke sana. Saya tidak pernah terlibat dalam sebarang salahlaku seksual seperti yang didakwa dalam perenggan tersebut.

Pemandu yang disebut dalam perenggan 9.3 tidak dikenalpasti orangnya. Salah seorang pemandu yang ditugaskan memandu saya telah dibuang kerja pada tahun 1996 setelah didapati pekerjaannya tidak memuaskan dan setelah berkali-kali diberi amaran. Dia telah ditawarkan pilihan samada untuk meletak jawatan atau dibuang kerja. Dia meninggalkan syarikat dengan perasaan marah dan benci terhadap saya. Kalau dia adalah pemandu yang dimaksudkan, maka saya tidak hairan kalau dia memilih untuk membuat tuduhan-tuduhan palsu seperti yang terdapat dalam perenggan kecil itu.

Perkara RM 60 juta yang disebut dalam perenggan 9.8 itu karut semata-mata. Saya tidak pernah memberi Dato Seri Anwar Ibrahim barang satu sen pun, apalagi RM60 juta. Saya tak pernah memiliki wang sebanyak itu.

Perenggan 10 & 11

Semua ini adalah tuduhan-tuduhan palsu yang tiada sebarang asas. Kehadiran saya (seperti ramai lagi tokoh-tokoh korporat) dalam rombongan-rombongan mengiringi Dato Seri Anwar Ibrahim adalah sebahagian dari tugas pekerjaan saya. Saya tidak pernah terlibat dalam apa-apa kegiatan, samada bersendirian atau dengan orang lain, yang

memungkinkan Dato Seri Anwar Ibrahim dipergunakan oleh anasir-anasir asing bagi tujuan menggugat keselamatan atau sebarang kepentingan negara saya Malaysia.

Perenggan 12

1. Perkara 12.1 - peluru-peluru Fiocchi.

Perkara ini subjudice dan saya dinasihatkan tidak membuat sebarang ulasan mengenainya.

2. Perkara 12.2, 12.3 & 12.4 - revolver .38/ peluru-peluru dan 96 butir peluru 12 bore.

Ini diperolehi secara berlesen dan sah menurut undang-undang.

3. Perkara 12.5 (a) (I), (ii), (iii), (iv) & (v) - surat-surat yang kononnya salinan asal.

Saya tidak ada ingatan tentang surat-surat ini dan ianya tidak pula ditunjukkan kepada saya sepanjang tempoh tahanan reman selama 39 hari itu. Peguam-pegawai saya telah memeriksa senarai yang disediakan oleh pihak polis barang-barang yang telah diambil dari rumah saya. Surat-surat tersebut tidak disenaraikan atau tidak dikenalpasti dalam senarai itu.

4. Perkara 12.6 - wang.

Ini hak saya.

Dalam afidavit saya, saya telah juga merujuk kepada pernyataan-pernyataan yang disediakan oleh pihak polis yang mereka mahu saya menandatangani tetapi tidak pula ditunjukkan kepada saya. Jadi saya juga tertanya-tanya apa

kandungan pernyataan-pertanyaan tersebut.

Suatu kezaliman telah dilakukan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kerugian, kerosakan dan penderitaan yang telah diakibatkan ke atas seorang manusia yang baik dan tidak bersalah, keluarganya dan negara adalah besar. Fitnah yang ditimbulkan oleh afidavit Musa tentu menyebabkan kerosakan dan penderitaan yang tidak terhingga kepada ramai orang. Hanya Tuhan, Keadilan dan masa akan memperbetulkan semua ini. Saya mempunyai keyakinan pada ketiga-tiganya.

Saya hanya mampu melahirkan simpati terhadap Datuk Seri Anwar dan keluarganya serta seluruh rakyat Malaysia di atas bencana yang telah menimpa mereka, dalam mana saya bukan dengan kehendak saya sendiri memainkan peranan kecil. Salah saya, kalau ianya boleh disifatkan sebagai kesalahan, ialah saya pernah main tenis dengan seorang manusia agung, sesuatu yang diketahui ramai tapi telah diputarbelit oleh segelintir.

Saya telah dan masih bersedia untuk membuat perakuan bersumpah tentang perkara-perkara yang kemukakan di sini.

(Tandatangan)

Dato Nallakaruppan a/l Solaimalai

7 September 1998